

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 16 MEI 2016 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
16	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
17	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
20	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
24	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
25	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
33	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
34	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
38	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Ong Kok Fooi	Berapit

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.35 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Setiausaha Dewan :

Bacaan doa.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Ahli Kawasan Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri soalan saya soalan nombor lapan (8).

No. 8. Huraikan dengan akta-akta sedia ada, apakah strategi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengelakkan didakwa bankrupsi disebabkan perjanjian yang tidak adil antara kerajaan dengan mana-mana pihak yang berkaitan agar memperkukuhkan status kewangan dan mempertahankan keyakinan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Soalan yang ditujukan oleh Ahli Kawasan Tanjong Bunga adalah berkenaan apakah akta-akta sedia ada dan strategi tindakan Kerajaan Negeri untuk mengelakkan didakwa bankrupsi disebabkan perjanjian yang tidak adil antara pihak Kerajaan dengan mana-mana pihak yang berkaitan agar memperkukuhkan status kewangan dan mempertahankan keyakinan Kerajaan Negeri.

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira semua peruntukan perundangan yang sedia ada di dalam menangani soalan yang ditujukan iaitu untuk mengelakkan didakwa bankrupsi dan seterusnya seperti mana saya nyatakan tadi. Antara lain peruntukan undang-undang yang ditangani adalah Akta Kontrak 1950 iaitu Akta 136, Akta Prosiding Kerajaan 1956 iaitu Akta 359 Kanun Tanah Negara, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 iaitu Akta 172, Akta Kanun Acara Jenayah 1976, A 324 Kanun Keseksaan iaitu Akta 574, Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171 dan lain-lain peruntukan perundangan yang sedia ada. Strategi yang digunakan pakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah pemastian satu pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus yang akan membawa kepada satu kerajaan yang sentiasa mengurangkan keberhutangannya seperti mana untuk Negeri Pulau Pinang yang telah berjaya mengurangkan hutang daripada RM625.44 juta pada tahun 2008 sehingga kini iaitu pada RM69.36 juta sahaja. Ini merupakan keberkesanan pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus berusaha untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pada masa yang sama mengurangkan kadar keberhutangan tersebut. Sekian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Adakah akta-akta atau peruntukan sedia ada mencukupi untuk mengelakkan Kerajaan Negeri daripada didakwa bankrupsi? Mana satu akta yang berkenaan yang boleh dipakai?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sememangnya ada *legal recourse* yang boleh digunakan oleh pihak-pihak yang berpendapat mereka telah disalahkan di sisi undang-undang dan ini termasuk melalui pemfailan Kes-Kes Sivil di Mahkamah Sivil di negara ini terhadap bukan saja Kerajaan Negeri Pulau Pinang tapi mana-mana Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Persekutuan di mana sekiranya seseorang sesuatu pihak itu berjaya

dalam Kes Sivil ataupun Tuntutan Sivil di mahkamah terhadap kerajaan termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang maka satu *award* pampasan ganti rugi sekiranya diberikan terpaksa diakur oleh sesuatu kerajaan iaitu pihak defendan dalam suatu tindakan mahkamah tersebut termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kalau sekiranya ada perintah mahkamah maka Kerajaan Negeri perlu akur kepada perintah tersebut dan membayar apa yang telah pun diputuskan sebagai ganti rugi. Di dalam Negeri Pulau Pinang kita telah pun mengalami beberapa kes dimana terdapat perintah mahkamah yang memerintahkan supaya ganti rugi di bayar seperti mana sedia dimaklumkan oleh semua apabila kita mengambil alih tampok pimpinan kes yang pertama terpaksa kita alami di mana perintah ganti rugi telah dibuat oleh mahkamah ialah Kes Tan Hak Ju di mana sekiranya saya tidak silap apa yang telah diperintahkan untuk dibayar ganti rugi oleh mahkamah ialah RM29.4 juta dan daripada jumlah itu sejumlah setengah ataupun RM14.7 juta telah dibayar oleh Kerajaan Negeri selaras dengan perintah tersebut sekiranya kita tidak maka kita tidak hormati mahkamah dan engkar terhadap perintah tersebut. Oleh itu terpaksa kita bayar setengah sementara menunggu rayuan-rayuan yang dibuat setengah lagi masih belum dibayar.

Selain daripada itu YB. Tanjung Bungah, saya boleh beri beberapa contoh lain yang menyebabkan kita sentiasa berhati-hati kerana ada beberapa Kes Sivil lain yang telah difailkan terhadap Kerajaan Negeri ataupun pihak-pihak agensi-agensi termasuk PBT seperti ada satu kes dibawa oleh syarikat NEG dan juga dibawa oleh Syarikat Bagan Serai Sdn Bhd. Berkenaan kes-kes yang melibatkan tanah dan dikatakan ada unsur-unsur yang tidak betul yang telah dilakukan dan tindakan Saman Sivil diambil. Kedua-dua kes tersebut jangkaan kita sekiranya pihak plaintif dalam kes itu menang terhadap defendan iaitu Kerajaan Negeri atau pun agensi Kerajaan Negeri, setiap kes dijangkakan ada mungkin RM250 juta sekiranya tuntutan mereka sepenuhnya dibenarkan kiraan kita jangkaan kita mungkin RM250 juta. Ini untuk perkara-perkara yang berlaku sebelum kita mengambil alih tampok pemerintahan di Negeri Pulau Pinang tetapi sebagai Kerajaan Negeri kita terpaksa *shoulder the burden* sekarang....(dengan izin), Dato' Speaker. Ini menyebabkan kita kluatir sekiranya ada perintah-perintah ganti rugi yang begitu tinggi oleh mahkamah terhadap Kerajaan Negeri boleh menyebabkan Kerajaan Negeri menjadi bankrup sekiranya kita tidak dapat akur kepada perintah tersebut. Sekian.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat. Jika tidak cukup adakah Kerajaan Negeri tidak cukup maksud saya, tidak cukup untuk mengelakkan kerugian didakwa bankrupsi maka adakah Kerajaan Negeri mencari jalan lain atau akan menggubal undang-undang kecil mempertahankan Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada didakwa bankrupsi atau menghadapi bankrupsi?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya percaya itu adalah satu perkara yang tidak dapat kita buat sekiranya ada tuntutan terhadap mana-mana pihak defendan mereka perlu akur dengan keputusan perintah mahkamah tetapi sekiranya saya hendak jawab satu cara yang lain untuk mengelakkan kemungkinan di dakwa *in the first place* kita boleh cari jalan penyelesaian yang terbaik dalam mana-mana kes tuntutan sivil itu biasa dilakukan, ada mediasi dilakukan antara pihak-pihak dan *of course* kita sudah mempertimbangkan membuat sedemikian sekiranya kita berpendapat kes itu tidak memihak kepada kita dan ini adalah jalan yang terbaik. Ini adalah satu perkara yang saya boleh kongsi dengan Tanjung Bungah.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan yang lain. Terima kasih atas penjelasan, dengan penjelasan oleh Yang Berhormat, jikalau Yang Berhormat rasa cukup pelan juga strategi-strategi tertentu, patutkah kita takut didakwa bankrupsi jikalau kita perlu mengambil balik atau *withdraw* kelulusan yang kita sudah luluskan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Mungkin saya percaya soalan Tanjung Bungah adalah berkenaan kelulusan-kelulusan seperti kelulusan kebenaran merancang dan sebagainya yang telah diluluskan. *Is that correct?*

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (YB. Teh Yee Cheu):

Memang itu sebahagian. Mungkin ada isu-isu yang lain.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang secara khusus kepada soalan, ini soalan baik Dato' Speaker, kerana hakikatnya ialah kita telah pun mengalami beberapa kes yang baru-baru ini satu kes yang dibawa oleh jiran-jiran di dalam satu pembangunan yang diusahakan oleh satu syarikat iaitu Sunway di mana mereka mengambil kes mereka ke Lembaga Rayuan kerana ada isu tanah lebih daripada 76 meter yang dibangunkan dan sebagainya, banyak isu, itu antara satu daripadanya. Tapi, faktanya ialah akibat setelah kes itu didengar, pihak Lembaga Rayuan telah membuat keputusan yang memihak kepada jiran dan mengenenpikan keputusan PBT iaitu kebenaran merancang telah diketepikan dan kita khuatir kerana kelulusan ini telah pun diberikan kepada syarikat ini dan kepada kita *of course* di dalam undang-undang selalu ada intepretasi, di dalam apa-apa keadaan juga *they will always be many intepretation of course* di dalam kes itu Sunway telah kalah tapi mereka berpendapat mereka berhak untuk membangunkan kerana kebenaran merancang telah dibenarkan. Akibat kebenaran merancang telah diketepikan, mereka berpendapat mereka telah mengalami kerugian di atas tanah mereka. *This is reality in legal practice* Tanjung Bungah, dan kita khuatir kalau Sunway mengambil tindakan untuk merayu terhadap keputusan tersebut, maka mungkin di dalam satu keadaan untuk membayar satu ganti rugi dan saya difahamkan di dalam kes Sunway tersebut, sememangnya, kebetulannya, minggu sudah mereka telah memfailkan *application* untuk semakan kehakiman atau pun *judiciary*. Jadi, *now we seems have to wait and see what is the outcome and of course we are always looking at the worst case scenario* tapi kita telah mendapat beberapa pendapat perundangan daripada pakar-pakar undang-undang yang *again*, walaupun kita ada kekhuatiran kita, mereka kata tidak, tidak dalam kes-kes sebegini kita tidak akan perlu untuk bayar ganti rugi dan sebagainya *but of course* ini semua kita tidak boleh kata dengan pasti sehingga dan sampai mahkamah membuat keputusan. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Dato' Speaker, soalan saya soalan no.9

No. 9. Bilakah tender baru akan dikeluarkan untuk menjemput sektor swasta untuk cadangan pembangunan perumahan di Ujung Batu, Butterworth.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker, izinkan saya menjawab kepada YB. Bagan Dalam iaitu soalan yang berbunyi "Bilakah tender baru akan dikeluarkan untuk menjemput sektor swasta untuk cadangan pembangunan perumahan di Ujong Batu, Butterworth".

YB. Dato' Speaker, YB. Bagan Dalam, tanah di kawasan Hujung Batu di PT724, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara meliputi kawasan seluas 13.235 ekar dan telah diberi milik kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) Chief Minister Incorporated pada 12 Februari 2015 bagi tujuan penempatan semula setinggan sedia ada dan juga pembinaan rumah mampu milik.

Dato' Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada mesyuarat yang bersidang pada 23 April 2015 tahun sudah telah bersetuju untuk melantik Syarikat Serai Mas Bina Sdn. Bhd. sebagai pemaju bagi projek perumahan di kawasan Ujong Batu. Setelah pemaju itu berjaya dalam satu *Request of Proposal* (RFP) Dato' Speaker, namun sedemikian, Syarikat Seraimas Bina Sdn. Bhd telah gagal memenuhi syarat yang ditetapkan dan telah menolak tawaran berkenaan dan Kerajaan Negeri seterusnya bersetuju untuk RFP ini ditawarkan pada PJD Eastern Land Sdn. Bhd tetapi yang turut masuk dalam pembidaan RFP tersebut tetapi PJD Eastern Land Sdn. Bhd. juga tidak menerima tawaran tersebut. Oleh yang demikian Dato' Speaker, RFP baru perlu dikeluarkan.

Syarikat Seraimas Bina Sdn. Bhd. perlu menyediakan sekurang-kurangnya peruntukan RM10 juta untuk selesaikan isu setinggan. Peruntukan berkenaan tidak melibatkan kos pembinaan surau memandangkan ia merupakan salah satu syarat yang ditetapkan oleh pihak MPSP. Sehubungan dengan itu Dato' Speaker, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Penang Development Corporation) telah diarahkan agar terma-terma syarat RFP pemajuan ini disediakan dan PDC pada ketika ini sedang dalam

proses mengemaskini terma-terma syarat RFP sebelum tawaran akan dikeluarkan pada penghujung tahun ini. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dipersila, Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan 10, soalan saya.

No. 10. Sila nyatakan bilangan kuari yang berlesen dan tidak berlesen disetiap daerah di Negeri Pulau Pinang sehingga Ma 2016.

- (a) Apakah tindakan yang diambil ke atas kuari yang tidak berlesen tetapi masih beroperasi?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua, menjawab soalan YB. Jawi. Jumlah keseluruhan kuari yang beroperasi di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 28. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 kuari beroperasi di atas tanah kerajaan dan tanah persendirian serta dikeluarkan Permit 4B dan 4C di bawah Kanun Tanah Negara. Manakala, sebanyak 13 kuari lagi beroperasi di atas tanah-tanah berstatus First Grade, Condition A dan Condition B (dengan izin) di mana Permit 4B dan 4C adalah dikecualikan. Selain dari itu, terdapat dua lagi kuari pembangunan yang mendapat kelulusan Pelan Kerja Tanah oleh MBPP. Butiran terperinci kuari-kuari tersebut mengikut daerah adalah seperti lampiran A yang akan diletak di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan nanti. Penguatkuasaan kuari dijalankan oleh jabatan-jabatan berkaitan mengikut kuasa masing-masing seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geo Sains. Penguatkuasaan juga dijalankan di atas kuari-kuari yang telah diluluskan tetapi yang didapati melanggar syarat-syarat kelulusan jika disabit kesalahan, permit-permit kuari tersebut boleh dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan saya. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap kuari-kuari yang mereka beroperasi pada waktu Sabtu dan Ahad termasuk juga cuti umum? kerana di Kawasan Daerah SPS kebanyakan kuari-kuari yang sentiasa diterima aduan oleh rakyat kita di mana mereka mendapati kuari-kuari itu sentiasa beroperasi walaupun pada waktu Sabtu dan Ahad termasuk juga cuti umum dan kebanyakan mereka tidak menyediakan kolam-kolam mencuci tayar, jadi lori yang keluar daripada kuari itu akan mencemarkan alam sekitar dan juga jalan raya.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terdapat dua persoalan tadi. Satu adalah waktu beroperasi, YB. Dato' Yang di-Pertua. Waktu operasi ini terletak pada dua bahagian. Satu adalah ia tertakluk kepada kelulusan yang telah termaktub di dalam kelulusan. Setengah-setengah kuari itu ia sudah termaktub dalam kelulusan Pelan Kerja Tanah waktu operasi tetapi baru-baru ini pihak MPSP telah mengeluarkan arahan untuk *standardize....*(dengan izin) waktu operasi kuari tetapi kita telah mendapat persoalan-persoalan tertentu oleh pihak Persatuan Pengusaha Kuari dan Pihak Berkuasa Negeri iaitu Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk kita meneliti semula arahan ini dan setakat ini penelitian semula itu berada di peringkat Jawatankuasa Bahan Batuan dan pihak Jawatankuasa Bahan Batuan telah mengarahkan MPSP untuk mengadakan satu sesi dialog untuk mendengar keluhan-keluhan ataupun cadangan-cadangan pihak kuari dan juga memberi penerangan tentang asas-asas, sebab-sebab peraturan ini dikenakan. Oleh demikian, kita akan meneliti asas-asas ini oleh sebab ada sesetengah kuari yang terpaksa beroperasi pada waktu-waktu tertentu oleh sebab seperti pembangunan jalan Projek P10 iaitu Jalan Bayan Lepas dan juga baru-baru ini *allocated* highway di Lebuhraya Lim Chong Eu dan sebagainya. Oleh yang demikian, pihak MPSP akan mendengar mereka ini dan setelah itu pihak Jawatankuasa Bahan Batuan akan memberi cadangan kepada pihak penguasa negeri iaitu Kerajaan Negeri untuk memutuskan.

Perkara yang kedua adalah perkara penguatkuasaan iaitu tentang pencemaran jalan, tentang kolam membasuh tayar dan sebagainya. Itu saya rasa pihak Adun tempatan ataupun orang perseorangan bolehlah membuat *complaint* kepada Pihak Berkuasa Tempatan ataupun pihak DOE alam sekitar untuk tindakan-tindakan penguatkuasaan diambil kerana itu termaktub di dalam syarat-syarat kelulusan untuk menjaga alam sekitar dan untuk mengadakan kolam-kolam penyediaan tayar dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Saya juga ada soalan bertulis tentang kuari ini tetapi senarai yang diberi saya di bahagian pulau ketinggalan satu kuari tidak disenaraikan iaitu Teck Quarry. Saya juga dimaklumkan bahawa ada kuari telah mengorekkan batu-bata atau tanah-tanah sudah sampai ke bawah paras tanah sedalam mungkin beberapa tingkat atau beberapa puluh-puluhan kaki ke dalam bawah tanah. Adakah PBT siasat dan tindakan diadakan atau adakah ini dibenarkan untuk mengorekkan sebegitu dalam ke bawah tanah? Ini akan berkemungkinan menjadikan satu *disaster* kepada alam sekitar bahawa berkemungkinan runtuh tanah atau juga banjir kilat atau juga stabiliti bukit akan terjejas. Adakah ini dikawal dengan rapi?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Menjawab persoalan Tanjong Bunga tentang perkara kuari di bawah paras bumi. Ini adalah tertakluk kepada Pelan Guna Tanah yang di *submit* ataupun semasa permohonan. Semasa permohonan apabila pihak kuari mengemukakan permohonan, itu sudah pun terdapat *level* mana yang akhirnya akan sampai. Perkaranya dua. Satu, jikalau Pelan Guna Tanah itu sudah pun termasuk bawah paras bumi atau pun paras *level* tanah perkara ini telah pun melalui Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Mineral dan *Geo Sains*. So, Jabatan Alam Sekitar Jabatan Mineral, *Geosains* sudah pun memberi syarat-syarat tertentu untuk perkara ini dijalankan, so tetapi jikalau kuari yang mendapat kelulusan hanya tahap-tahap tertentu tidak bawah daripada tahap permukaan maka mereka terpaksa membuat permohonan baru iaitu syarat ia adalah plan guna tanah dan juga untuk kelulusan perancang atau pun kebenaran merancang, so dia dua perkara, satu kalau awal-awal dia *submit* plan guna tanah, dia sudah pun termaktub yang dia akan turun bawah daripada paras maka dia telah melalui Jabatan Alam Sekitar dan juga *Geo Sains* dan mereka juga telah memberi *quotation* mereka dan syarat-syarat mereka. Untuk menjawab soalan YB. Tanjong Bungah jikalau terdapat kuari-kuari yang turun daripada paras maka bolehlah membuat pertanyaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk bertanya adakah mereka sudah mendapat kelulusan, jika tidak mereka terpaksa melaluinya.

Baru-baru ini pihak Jawatankuasa Bahan Batuan juga telah mengadakan satu lagi syarat iaitu untuk kita setiap kali mengawasi *level* dengan menggunakan GPS sistem dan pihak Jabatan Ukur, MBPP dan MPSP akan mengawasi yang *level* yang mana mereka telah pohon akan diawasi. Perkara pertama yang dibangkit oleh YB. Tanjong Bungah berhubung dengan *Teck Quarry* terlepas daripada senarai itu saya minta kalau boleh pihak YB. Tanjong Bungah tunjukkan jawapan itu kepada saya dan saya akan semak. Ini mungkin terdapat satu kesilapan teknikal yang boleh kita betulkan, terima kasih.

Ahli kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan saya seterusnya adalah kuari di mana mereka waktu beroperasi sama ada Sabtu dan Ahad dan termasuk cuti umum sama ada mereka boleh menjalankan operasi kuari tersebut tetapi jawapan yang saya terima ada sesetengah projek yang di mana mereka telah mengambil projek itu tetapi mereka kena keluarkan pasir ataupun tanah atau batu-bata secepat mungkin dan mereka ada kelonggaran, tetapi soalan saya, saya rasa peraturan mesti di *applicable* kepada semua termasuk tidak kira kuari dimana *you* telah mendapat apa projek *you* kesuntukan masa kena keluarkan tanah itu dalam masa satu bulan, dua bulan atau enam bulan kerana kepentingan penduduk di kawasan sekeliling itu amat penting. Kebanyakan kuari-kuari yang beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad ini adalah mengganggu ketenteraman dan juga keselesaan untuk penduduk-penduduk di kawasan sekeliling dan termasuk juga penggunaan jalan raya, kerana mereka mendapati bahawa pada hari Sabtu dan Ahad tidak ada penguatkuasaan, walaupun tayar saya tidak cuci sebelum keluar daripada tapak kuari, tidak apa kerana tiada penguatkuasaan untuk menyemak dan kedua termasuk juga kalau kuari-kuari itu beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad, atau pun ada letupan kadang-kadang mereka menyebabkan ada letupan kerana batu-bata yang keras mereka terpaksa menggunakan bahan kimia untuk meletupkan, ini tidak sesuai dijalankan pada waktu Sabtu dan Ahad dan kepentingan rakyat kena dijaga.

Tadi saya menerima jawapan di mana ADUN boleh membuat aduan kalau tapak kuari itu tidak ada membuat pencucian tayarnya, saya ingat ini bukanlah kerja ADUN, soalan saya adakah ini kerja ADUN untuk memantau sama ada kuari itu ada menyebabkan pencemaran jalan raya.

Ahli kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya rasa ADUN Jawi tidak mendengar betul-betul jawapan saya itu tadi. Saya kata tadi tentang waktu operasi ini setengah-setengah kuari sudah pun ada termaktub di dalam kelulusan mereka okey, ada setengah kuari yang telah diluluskan dengan masa operasi satu. Yang kedua, saya kata pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini telah mengeluarkan satu arahan iaitu menghadkan operasi kuari okey, dan apabila kita mendapat *fee* daripada satu Persatuan Penguasa Kuari kita mesti mendengar juga *reason-reason* mereka, so sebab itu pihak Jawatankuasa Bahan Batuan telah meminta pihak MPSP untuk mengadakan dialog mendengar, itulah jawapan saya tadi, tetapi saya hanya memberi contoh, contoh sebab apa ada setengah-setengah kuari itu perlu menjalankan operasi lain daripada waktu yang biasa oleh sebab pihak umum, pihak awam juga tidak mahu kerja-kerja jalan, kerja-kerja kritikal dijalankan waktu siang, saya hanya memberi contoh itu sahaja, tetapi jawapan saya dua (2) perkara, satu (1) adalah kuari yang telah mendapat *approval* yang telah termaktub dalam itu waktu kerja kuari itu *no way* mereka telah berada di dalam situ, yang kedua kuari-kuari yang tidak ada waktu operasi tetapi MPSP sudah beri waktu baru tetapi sekarang ini kita hendak mendengar apakah keluhan mereka dan kita akan membuat keputusan selepas ini dan mengambilkira apa yang ADUN YB. Jawi kata tadi.

Untuk YB. Jawi, bukan saya kata itu kerja ADUN tetapi kalau terdapat, ternampak penguatkuasaan bukan hanya waktu kerja, YB. Jawi waktu penguatkuasaan ini bukan waktu kerja sahaja, bila-bila masa pun tetapi kalau kita nampak, kalau saya nampak di Batu Maung ada lori yang keluar tidak semestinya penguatkuasa kena ada *every conner*, kadang-kadang mereka curi tulang juga, so kalau kita nampak, kita tolong penguatkuasa bagi laporan, ambil nombor lori beritahu, tetapi kalau ADUN tidak mahu buat tidak mengapa, kita boleh cari cara lain. Terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Macang Bubuk sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Dato' Yang di-Pertua soalan saya no. 11.

No. 11. Dalam Pelan Induk Pengangkutan, anggaran keperluan penumpang LRT untuk laluan dari KOMTAR ke lapangan terbang mencapai 14,700 penumpang/sehala/jam pada 2055.

- (a) Bagaimana ia diterjemahkan ke pumpang tahunan berlandaskan keperluan waktu kemuncak pada 2022?
- (b) Bilangan penumpang yang diperlukan untuk pastikan kewangan berdaya maju?
- (c) Bagaimana memastikan kemampuan kewangan laluan tersebut?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jawapan kepada YB. Machang Bubuk,

- (a) Berdasarkan cadangan Alternatif Transport Master Plan (TMP) melalui *Request for Proposal* (RFP) oleh SRS Consortium, anggaran bilangan penumpang bagi jajaran *Light Rail Transit* (LRT) dari George Town ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang Bayan Lepas adalah seramai 116,000 orang penumpang sehari menjelang tahun 2023.
- (b) Bilangan penumpang yang diperlukan adalah berdasarkan kepada cadangan *business model* operasi sistem rel. Walau bagaimanapun, pada ketika ini cadangan *business model* ini masih belum dimuktamadkan sehingga kelulusan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kepada Skim Rel atau *Railway Scheme* yang kita kemukakan itu diperolehi.

- (c) Kerajaan Negeri kini masih dalam proses kajian cadangan *business model*, sebarang *business model* akan dikaji *secara* mendalam termasuk *financial feasibility study* dan *viability study* terutamanya yang melibatkan keuntungan dan kerugian bagi sistem yang akan dibina kelak. Sekian.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan saya. Terima kasih kepada YB. Padang Kota, saya ada satu pertanyaan dimana bagaimanakah kita memastikan bilangan penumpang tersebut berdasar faktor apa, kerana apa yang kita lihat kebanyakan orang Pulau Pinang ini mempunyai jenis kenderaan masing-masing ada kereta dan sekurang-kurangnya ada motosikal dan sekiranya kita ingin membina satu LRT untuk dari KOMTAR sampai ke lapangan terbang siapakah pengguna-pengguna yang akan menggunakannya dan juga tambang. Adakah kita juga memastikan berapa tambangnya yang kita perlu untuk kutip supaya memastikan keberkesanannya dapat dilaksanakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua, terima kasih YB. Machang Bubuk atas soalan tambahan, isu *chicken and egg* iaitu Yang Berhormat berkata sekarang rakyat Pulau Pinang kebanyakan memiliki kenderaan sendiri sama ada kereta, motosikal dan sebagainya dan kemungkinan mereka tidak akan menggunakan sistem pengangkutan awam sebab tidak ada sistem pengangkutan awam, misalnya sebelum Rapid Penang masuk untuk memberi perkhidmatan *ridership* mungkin amat rendah sebab sistem pengangkutan bas pada masa itu lembab dan lemah, tetapi setelah hampir lapan atau sembilan tahun Rapid Penang beroperasi mereka telah mencatatkan *daily rider ship* sehingga 90,000 kemungkinan dalam satu, dua tahun lagi mencecah 100,000 penumpang.

Oleh sebab adanya sistem pengangkutan bas yang diusahakan selama ini, jadi sekiranya LRT dibina tujuannya adalah untuk membawa satu peralihan daripada orang yang menggunakan pengangkutan sendiri kepada pengangkutan awam. Kita perlu memastikan bahawa sistem pengangkutan awam melalui LRT atau *mod-mod* yang lain dapat menarik atau menarik penumpang-penumpang yang akan membeli kereta. Kalau tidak ada sistem ini dan setiap tahun bilangan atau pertumbuhan bilangan kenderaan sendiri di Negeri Pulau Pinang dianggarkan 7% berbanding dengan penambahan populasi sebab tidak ada sistem pengangkutan yang sempurna maka orang ramai tidak ada pilihan selain memiliki kereta sendiri jadi *yearly growth* bagi kereta-kereta sendiri mencecah 7% itu adalah satu angka yang amat jauh besar berbanding pertumbuhan populasi di Negeri Pulau Pinang, itulah tujuan untuk mengalih dari penggunaan kenderaan sendiri kepada pengangkutan awam.

Mengenai isu pungutan *fare* kita sedia maklum bahawa mana-mana sistem pengangkutan awan cuma bergantung kepada pungutan tiket adalah tidak mencukupi untuk membiayai operasinya. Selain dari *fare box revenue* iaitu penjualan tiket kebanyakan sistem atau pengusaha *rail* di dunia ini perlu bergantung pula kepada sumber hasil yang lain selain daripada *fare box* iaitu dari iklan atas rail ataupun di stesen *intercharge* dan sebagainya *retail spaces* di stesen-stesen dan *in the change* itu adalah amat penting untuk menjadi satu *revenue* kepada pengusaha-pengusaha *rail* ini dan adanya juga diberi hak untuk pembangunan hartanah di sekeliling *transport hub* yang diwujudkan yang pada kini satu konsep pembangunan *transit orientated development* kini dimajukan, iaitu di sekitar stesen ataupun di atas stesen yang dicadangkan itu juga terlibat komponen pembangunan hal tanah supaya hasil-hasil daripada pembangunan sedemikian dapat digunakan untuk *cross subsidize* operasinya dari menjalankan *rail* itu cuma bergantung kepada *farebox revenue* memang tidak mencukupi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan, saya nak tanya kalau kita ada *rider sheet* 19 juta trip. *I'm talking about* setahun. *Ticket revenue*nya akan jadi 19,000 trip. *Ticket revenue* kalau kita *charge* RM3.50 akan dapat *revenue* ataupun pendapatan RM67 juta setahun. Jadi kita dan kos operasi dan penyelenggaraan kalau kita banding dengan LRT di Kuala Lumpur lebih kurang RM120 juta. Adakah *shortfall* RM100 juta untuk satu *line* itu boleh dibiayai oleh iklan, *retail spaces* dan penurunan hal tanah yang disebutkan tadi? Sebab sekarang ini kita tengok dalam pelan itu terdapat 4 *line* jadi kalau 4 *line* ini bermakna kena kali dengan 1 *line* dah RM100 juta *shortfall* harus ditanggung oleh sesiapa *either* kerajaan sebagai subsidi ataupun daripada iklan dan *retail spaces* dan sebagainya. Itu soalnya lah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Penanti atas soalan tambahan. Sepertimana saya jawabkan dalam (b) *business model* bagi operasi *sistem rail* ini masih diusahakan oleh SRS Consortium dan Jawatankuasa Kewangan dan Undang-Undang yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan Negeri akan meneliti model yang dikemukakan bersama dengan konsultan yang kita lantik iaitu KPMG untuk melihat kemampuan dan fisibiliti bagaimana operasinya dapat biayai melalui hasil-hasil yang saya sebutkan tadi.

Jadi sememangnya kalau bergantung seperti saya sebutkan kepada *farebox revenue* di mana-mana sistem dianggarkan *farebox revenue* adalah di antara 30%-40% sahaja yang dapat menampung operasi dan penyelenggaraan satu-satunya sistem. Jadi bahagian-bahagian hasil itu amatlah penting dan dalam cadangan yang diteliti oleh Kerajaan Negeri hasil daripada penjualan tambahan laut itu akan digunakan untuk membiayai *capex* satu sistem. Jadi pengusaha-pengusaha yang dilantik oleh Kerajaan Negeri kelak sama ada prasarana atau mana-mana syarikat yang akan ditawarkan setelah tender dibuka ianya akan cuma tumpuan kepada operasi sahaja. Sedangkan *capex* tu akan ditanggung dan dibiayai melalui penjualan tanah hasil-hasil tanah itu akan membayar *capex* yang diperlukan untuk membina sistem itu. Jadi kita masih teliti dan masih awal untuk saya katakan dan sememangnya pasukan kita akan teliti bersama konsultan dan KPMG untuk meneliti butir-butir yang akan dikemukakan oleh SRS Consortium.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan Tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Padang Kota cuma ada satu lagi pertanyaan di mana saya rasa ada kerajaan sudah buat banyak taklimat atau pendengaran awam untuk pelan tindakan dan Pelan Induk Pengangkutan (PIP). Cuma saya rasa maklumat seperti apa yang disebutkan oleh YB. Padang Kota tadi termasuk kemampuan projek LRT tersebut khususnya ramai tidak mengetahui maklumat tersebut. Saya dapati ramai memang mengalu-alukan LRT dibina, tetapi ramai tidak tahu tentang kos pembinaan dan juga *maintenance* serta tambang kerana ada ia akan menjadi satu perkara yang mempengaruhi keputusan rakyat kos itu perlu diperbincangkan itu saya rasa ramai penduduk di Pulau Pinang tidak tahu. So adakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan satu laporan apabila selepas kajian kos tersebut saya rasa semua rakyat Pulau Pinang perlu berhak mengetahuinya apabila semua rakyat Pulau Pinang nak buat LRT inilah kos yang akan ditanggung oleh semua orang. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sekali lagi terima kasih kepada YB. Machang Bubok atas soalan tambahan berhubung dengan kos. Sepertimana saya umumkan pada minggu yang lepas Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membuka *submission* oleh SRS Consortium dibuka *submission* adalah untuk tujuan RFP itu dan sememangnya mereka menyediakan anggaran dan pengiraan kos dan sebagainya secara umum sahaja, sebab tujuan RFP adalah untuk membuktikan dari segi kepakaran teknikal dan kekuatan kewangan syarikat-syarikat yang dipilih mematuhi syarat-syarat asas ini.

Jadi kita telah memutuskan bahawa dokumen-dokumen awalan ini boleh dibuka supaya sama-sama mereka yang ingin telitikan boleh teliti dan kita mengalu-alukan sekiranya tanpa apa-apa cadangan hasil daripada penelitian itu bolehlah dibawa kepada Kerajaan Negeri dan semasa *financial model* yang muktamad itu, maksudnya dia sudah sedia untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Kewangan dan Undang-Undang maka rundingan *detail* masih perlu dijalankan di antara dua (2) pihak untuk meneliti sama ada kos itu *justifiable* dan sebagainya.

Sama ada sistem yang dicadangkan sama ada melibatkan kos yang begitu banyak adakah kos sudah *di-overestimated* atau *underestimated* dan sebagainya dan isu-isu ini pada ketika ini saya pun tak ada jawapan sebab ianya masih belum dikemukakan dan sebaik sahaja sebab ini merupakan kerja-kerja

yang amat banyak kita perlu melalui satu peringkat demi satu peringkat dan peringkat sekarang kita menunggu keputusan SPAD terhadap *railway scheme* yang kita kemukakan itu dan kita jangka sebaik sahaja kita perolehi *railway scheme* itu kita boleh masuk untuk teliti isu-isu yang seterusnya. Kalau pada bulan Jun atau bulan Julai SPAD kata kita tak boleh luluskan itupun akan menjejaskan usaha kita dan isu-isu lain pun tidak akan timbul lagi. Kita mungkin perlu buat rayuan apa kurangnya apa dalam *railway scheme* yang kita kemukakan, kita perlu tangani isu-isu sedemikian mengikut apa keputusan yang dibuat oleh pihak yang berkuasa atas *railway scheme* ini atau SPAD ini.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Penjelasan. Cukup dah?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Ahli Kawasan Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Soalan Nombor 12 soalan saya.

No. 12. Pemeliharaan anjing di Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi, Kepala Batas.

- (a) Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mendapat aduan berkenaan pemeliharaan anjing ini? Apakah tindakan yang dikuatkuasakan?
- (b) Jika ada pemantauan, bila dan berapakah jumlah pemantauan di tapak berkenaan?

Adakah MPSP membenarkan pemeliharaan ini? Sila kemukakan surat berkenaan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam berhubung dengan pemeliharaan anjing di Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi, Kepala Batas. Untuk makluman Dewan ini:

- (a) Pihak MPSP telah mendapat aduan dan antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil adalah seperti berikut. Memberi khidmat nasihat berkaitan aduan yang diterima. MPSP telah menjalankan pemeriksaan dan mendapati keadaan premis dalam keadaan bersih namun air cucian disalurkan terus ke parit awam. Satu notis kacau ganggu telah dikeluarkan kepada pemilik premis tersebut supaya tidak menyalurkan air cucian secara terus ke parit awam. Pemilik dinasihatkan mengurangkan bilangan anjing di pusat tersebut. Selain itu, pemilik juga dipohon membina dinding supaya tidak kelihatan terhadap orang awam yang menggunakan kawasan tersebut. Satu kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan tidak mematuhi syarat notis supaya mengurangkan bilangan anjing. Melakukan pemeriksaan secara berkala dan mendapati pusat berkenaan dalam keadaan terurus.
- (b) MPSP telah menjalankan tindakan penguatkuasaan termasuk pemantauan sebanyak enam kali tarikh-tarikh penguatkuasaan adalah pada 23 April 2015, 9 Julai 2015, 19 November 2015, 30 Disember 2015, 26 Februari 2016 dan 28 Mac 2016.
- (c) MPSP telah setuju untuk melaksanakan projek paun haiwan secara usahasama dengan pemohon seperti surat persetujuan bertarikh 8 Januari 2014. Surat itu akan diberikan kepada Yang Berhormat sebentar lagi selepas sesi soal jawab ini. Sekian.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Soalan tambahan. Saya sebenarnya terpaksa bawa soalan ini ke dalam Dewan sebab surat aduan saya surat kepada MPSP tidak pernah dibalas tidak pernah mendapat sebarang balasan. Cuma saya nak tanya kepada EXCO berkenaan apakah tujuan anjing dipelihara di premis tersebut dalam kuantiti yang begitu banyak memandangkan ianya terletak dalam berhampiran perkampungan yang

majoritinya orang-orang Melayu yang beragama Islam dan salakan anjing merupakan sesuatu yang mengganggu pertama dan kedua tuan-tuan sedia maklum di kawasan tersebut selalu berlaku banjir kilat. Apabila berlakunya banjir kilat tentulah banjir tersebut merangkumi kawasan kampung dan juga kawasan pembiakan anjing tersebut ini amat mengganggu kepada penduduk di sekitar dan saya juga nak tanya pada EXCO sama ada boleh atau tidak kita minta supaya penternakan, saya tak tahu sama ada nak secara komersial ataupun sebagai tempat seperti SPCA boleh diubah. Ini soalan saya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam. Saya percaya MPSP giat menguruskan masalah anjing terbiar bersama NGO seperti SPCA dan pencinta-pencinta haiwan yang berminat untuk mendirikan *pounds* untuk membawa anjing-anjing yang terbiar ke dalam satu kawasan terkawal walaupun atas inisiatif persendirian ini yang melibatkan kos mungkin kemudahan-kemudahan yang tidak dapat disediakan tidak sempurna. Tetapi MPSP memang tidak gugur dari tanggungjawab ini sebab MPSP sendiri tidak menyediakan *pounds* untuk supaya penguatkuasaan terhadap anjing-anjing terbiar tangkap dan letak dalam *pounds* dan diusahakan oleh MPSP sendiri dan pada ketika ini kerjasama NGO dan individu yang berminat sedang diusahakan dan saya percaya ada tempat-tempat yang diluluskan supaya *pounds* ini dapat didirikan supaya masalah anjing terbiar dan memberi satu gangguan kepada masyarakat awam dan dapat dimasukkan ke dalam satu keadaan yang lebih terkawal berbanding dengan berkeliaran di jalan raya mana-mana dan cadangan Yang Berhormat akan diberi perhatian dan memang pegawai MPSP berikhtiar untuk mencari penyelesaian kepada isu ini. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, YB. Ahli Kawasan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 13.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Soalan saya soalan nombor 13.

No. 13. Adakah benar Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang pernah melabelkan Dr. Zakir Naik, Tokoh Maal Hijraj Kebangsaan 2013, sebagai syaitan dalam facebooknya dengan tajuk "*Let us get 'satan' Zakir Naik out of this country*". Jika benar, adakah ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang anti-Islam dan anti-Muslim?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Dato' Yang di-Pertua. Menjawab soalan YB. Penaga. Soalan Yang Berhormat adalah petikan asal catatan YB. Timbalan Ketua Menteri II dalam Facebooknya pada 10 April 2016. Perkataan ini telah dipadamkan beberapa jam kemudian pada hari yang sama setelah menyedari perkataan ini tidak sesuai digunakan. Pada 12 April 2016, YB. Timbalan Ketua Menteri II telah mengeluarkan kenyataan rasmi melahirkan rasa kesal dengan tindakan yang telah menimbulkan kemarahan umat Islam di negara ini. Dengan kenyataan terbuka YB. Timbalan Ketua Menteri II yang telah kesal ini, perkara tersebut tidak berbangkit lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

YB. Dato' Speaker, soalan saya ialah soalan 14.

- No. 14. Tragedi kebakaran yang berpunca daripada letupan gas di Halaman Kenanga dan Solok Pantai Jerejak menyebabkan kecederaan dan kehilangan harta benda. Apakah statistik kejadian ini di Pulau Pinang pada tahun 2015/2016? Adakah sebarang kehilangan nyawa dan berapa kerugian yang ditaksirkan? Adakah program bersepadu yang melibatkan JMB, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan Awam diadakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan, YB. Batu Uban. Tragedi kebakaran yang berpunca daripada letupan gas di Halaman Kenanga dan Solok Pantai Jerjak menyebabkan kecederaan dan kehilangan harta benda. Pada tahun 2015, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang telah menerima sebanyak 6,216 panggilan kecemasan di mana 2,675 panggilan kebakaran, 3,259 panggilan menyelamatkan dan 91 panggilan khidmat khas. JBPM Pulau Pinang juga menerima 141 panggilan palsu. Daripada ke semua kes ini pada 2015, sejumlah RM1.01 billion taksiran harta benda berjaya diselamatkan, manakala jumlah kerugian yang dicatatkan adalah berjumlah RM94 juta.

Bagi tahun 2015 bilangan mangsa kematian dan kecederaan bagi kes kebakaran adalah tiga (3) kematian, 18 cedera, manakala bagi kes menyelamatkan pula adalah 77 kematian dan 405 cedera. Untuk tahun 2016 sehingga Mac pula, JPBM Pulau Pinang telah menerima sebanyak 2,585 panggilan kecemasan, di mana 1,781 panggilan kebakaran, 735 panggilan menyelamatkan dan 17 panggilan khidmat khas. Bagi panggilan palsu sebanyak 52 panggilan telah diterima. Bagi tahun 2016 sehingga Mac, sejumlah RM604 juta taksiran harta benda berjaya diselamatkan, manakala jumlah kerugian yang dicatatkan adalah berjumlah RM20 juta. Untuk tahun 2016 sehingga Mac, bilangan mangsa kematian dan kecederaan bagi kes kebakaran adalah dua (2) kematian, 11 cedera manakala bagi kes menyelamatkan pula adalah 23 kematian dan 73 cedera.

Program bersepadu yang melibatkan JMB, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan Awam telah diadakan. Bagi JBPM Pulau Pinang, pelbagai program telah dijalankan melalui Cawangan Kesedaran Awam, Bahagian Keselamatan Kebakaran. Pada tahun 2015, sebanyak 7 kempen keselamatan kebakaran, 263 ceramah, 259 demontrasi, 112 pameran keselamatan kebakaran, 153 *fire drill* dan 67 *mock drill*. Manakala bagi tahun 2016 sehingga Mac sebanyak 113 ceramah, 112 demonstrasi, 21 pameran keselamatan kebakaran, 49 *fire drill* dan 23 *mock drill*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya, soalan nombor 15.

- No. 15. (a) Masalah kesihatan iaitu obesiti yang dialami oleh ramai penduduk Negeri Pulau Pinang kian meruncing, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui EXCO Kesihatan bagi memberi kesedaran tentang bahayanya penyakit tersebut.
- (b) Bagi mewujudkan masyarakat cergas dan sihat khususnya penduduk Negeri Pulau Pinang, adakah Kerajaan Negeri melalui EXCO Kesihatan merancang untuk mewujudkan Trek Seribu Langkah di setiap KADUN dalam Negeri Pulau Pinang? Jika ada nyatakan di mana dan jika tiada bilakah rancangan ini akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Soalan ini soalan yang baik untuk saya dan juga beberapa ADUN dalam ini. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap obesiti adalah seperti berikut:

(a) Satu, Pengenalan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Tahun 2016 sehingga 2025 serta Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Penyakit Tidak Berjangkit 2010 Sehingga 2014 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Intervensi pencegahan obesiti pelbagai peringkat melalui pendidikan makan secara sihat dan juga penyebaran mesej gaya hidup sihat melalui kempen-kempen yang dijalankan di peringkat komuniti seperti kem "*I Want Sihat*", sambutan Hari Kesihatan, sambutan Bulan Pemakanan dan Forum Obesiti. Kempen Kesedaran Kalori dilaksanakan dengan mewajibkan perlabelan kalori di kantin sekolah, premis makanan yang mendapat pengiktirafan Best iaitu premis makanan bersih, selamat dan sihat. Kafeteria di fasiliti kesihatan dan acara-acara rasmi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2016, perlabelan kalori ini akan diperluaskan di premis makanan di RnR dan medan selera pasaraya. Perancangan masa hadapan adalah inisiatif ini akan disasarkan kepada restoran-restoran dan kedai makan di Negeri Pulau Pinang serta acara-acara rasmi negeri.

Rawatan pemulihan masalah obesiti turut dijalankan kepada individu yang telah disaringkan masalah obesiti melalui rujukan daripada klinik kesihatan dan diberi intervensi melalui program pengurusan berat badan. Selain di peringkat klinik, intervensi pengurusan berat badan juga dijalankan di peringkat komuniti dan tempat kerja.

(b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang lagi untuk menyediakan lagi *track* 10,000 langkah di KADUN. Walau bagaimanapun, mengikut data yang kita yang kita miliki, statistik yang kita miliki, buat masa sekarang, di Daerah Barat Daya sudah mempunyai 28 unit *track* 10,000 langkah, di Daerah Timur Laut telah ada 3, di Seberang Perai Utara mempunyai sebanyak 17 *track* 10,000 langkah, di Seberang Perai Tengah mempunyai sebanyak 27 *track* 10,000 langkah dan di Seberang Perai Selatan sebanyak 3 *track* 10,000 langkah dan aktiviti ini telahpun dilaksanakan secara rutin dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah dan juga klinik kesihatan di *locality* masing-masing dan mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, setiap individu disarankan untuk bersenam sekurang-kurangnya tiga (3) kali seminggu, selama sekurang-kurangnya 30 minit setiap sesi bagi membantu untuk mengurangkan penyakit *non communicable diseases*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih di atas penjelasan dan penerangan dan saya tidak berhasrat sebenarnya menyentuh mana-mana pihak sama ada yang masih hidup atau pun dan kalau ada pihak yang terasa itu saya minta maaf. Mungkin ada dalam Dewan ini juga orang yang terlibat dengan obesiti ini.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Menyakitkan hati.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya minta maaf sudah sebut tadi. Cuma ada sedikit lagi berkenaan dengan penyakit yang ada, kronik juga yang ada Pulau Pinang berkaitan dengan penyakit batuk kering. Batuk kering ini yang dilaporkan pada tahun 2015 sebanyak 24,220 kes...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat hendak tanya yang obesiti ke? Ada sangkut? Kalau sangkut boleh. Kalau tidak sangkut balik kepada obesiti.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Sebab di antaranya yang saya sebutkan ialah tentang ramai termasuk bukan sekadar kalangan orang dewasa, secara umumnya terdapat obesiti ini di kalangan kanak-kanak yang cukup ramai mungkin berpunca dari faktor makanan tetapi yang agak, yang lebih dewasa ini, apakah juga melibatkan makanan. Dari segi macam pihak EXCO sendiri pun mungkin juga. Jadi tentulah penjagaan makanan sentiasa dipelihara tetapi juga terlibat juga dengan obesiti ini, jadi saya hendak tanya apakah punca utama di kalangan kanak-kanak yang terlibat dengan kegemukan. Apakah perlu juga kawalan dari segi makanan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya memang daripada kecil memang gemuk, Yang Berhormat. Jadi isunya memang makanan. Saya setuju dengan YB. Permatang Pasir, isunya adalah makanan dan juga cara hidup kerana kebanyakan daripada kita mengamalkan *sedentary lifestyle* atau cara hidup yang tidak aktif yang mana kita banyaknya bekerja di pejabat atau duduk di hadapan tv sahaja dan tidak bersenam dan suka makan terutama sekali di Pulau Pinang. Dengan nasi kandar daripada pukul 6.00 pagi ada sampai pukul tengah malam ada, 24 jam ada. Sebab itu kadang ada banyak kempen minta suruh tutup gerai makan 24 jam ini tetapi saya tidak mahu *debatelah*, nanti jadi isu politik pula. Tetapi yang penting sekarang ini, balik kepada individu kerana usaha itu harus dimulakan oleh individu.

Banyak program telah dilaksanakan. Bahkan di peringkat sekolah juga, tadi saya sebut di kantin-kantin juga disediakan tentang kalori makanan dan di sekolah telah diajar tentang piramid makanan. Sebab itu digalakkan seminggu tiga (3) kali untuk kita bersenam sebanyak 30 minit sekali sesi. Dan ini adalah antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan berat badan kerana bila berada dalam keadaan obesiti ini, banyak penyakit-penyakit tidak berjangkit lain lebih mudah untuk kita hidapi. Contohnya diabetes, *hypertension*, darah tinggi dan kemudian sakit jantung, penyakit *hyperlipidemia* atau kolestrol yang tinggi dalam badan. Ini semua adalah penyakit-penyakit yang berkaitan dengan obesiti dan ianya memang menjadi masalah sekarang ini di Malaysia. Kalau kita lihat di Asia Tenggara ini, Malaysia memang menghadapi masalah dari segi obesiti ini. Sebab itu saya ingat banyak di peringkat Kementerian Kesihatan, di peringkat Belia dan Sukan, di peringkat Kerajaan Negeri, kita adakan banyak aktiviti-aktiviti riadah sekarang ini, aktiviti-aktiviti sihat supaya rakyat juga turut sama terlibat dengan aktiviti-aktiviti dalam mengatasi masalah obesiti.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Saya kena masuk juga sebab yang bertanya, yang menjawab, yang mencelah semua sama. Saya hendak tanya kepada EXCO berkenaan dengan penyakit yang tidak berjangkit ini yang dikenali sebagai kencing manis, darah tinggi, jantung, adakah ianya merupakan penyakit yang hanya menyerang golongan obesiti sahaja ataupun orang-orang yang berat badan yang normal juga sebab kebelakangan ini banyak di kalangan kawan-kawan saya yang meninggal, ada di kalangan mereka yang mempunyai bentuk badan yang sempurna. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya sebut tadi, penyakit ini tidaklah kebal kepada orang yang ada *ideal body weight* tetapi risikonya lebih kepada mereka yang ada masalah obesiti. Orang yang tidak menghadapi masalah obesiti tidak bermakna mereka tidak boleh ada penyakit kencing manis, darah tinggi ini semua. Ia bergantung banyak faktor tetapi untuk obesiti ini memang risikonya lebih. Obesiti tambah merokok pula lagi, jadi macam-macam risiko. Jadi itu yang kita hendak cuba kurangkan kerana saya ingat dalam strategi yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, terutamanya adalah untuk memastikan supaya ada pencegahan lebih baik daripada merawat ataupun *prevention is better than cure*. Jadi itu yang kita hendak wujudkan dalam masyarakat kita. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 16.

No. 16. Pulau Pinang adalah merupakan negeri yang mempunyai hutang dengan Kerajaan Persekutuan paling rendah iaitu RM69.36 juta.

- (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memaklum Dewan ini apakah formula pembayaran hutang bagi setiap tahun yang telah dibuat pembayaran oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan memandangkan Y.A.B. Ketua Menteri telah menjadi Ketua Menteri selama 8 tahun.
- (b) Sejak Y.A.B. Ketua Menteri mengambil alih Kerajaan Negeri, berapakah jumlah baki hutang kepada Kerajaan Persekutuan pada bulan Mac 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada soalan yang ditujukan kepada Kerajaan Negeri oleh YB. Telok Bahang berkaitan dengan hutang. Baki hutang Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2015 adalah berjumlah RM69 juta. Formula pembayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan pada jadual bayaran balik yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu secara imuniti. Formula ini adalah formula standard yang digunapakai oleh Kementerian Kewangan bagi penyediaan bayaran balik, semua pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua Kerajaan Negeri. Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2008 adalah berjumlah RM625.44 juta. Hutang Kerajaan Negeri telah bertambah pada 31 Disember 2009 kepada RM683.73 juta berikutan kelulusan beberapa pinjaman baru yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2011, jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah menurun sebanyak hampir 90% disebabkan sebahagian besarnya oleh pelarasan baki pinjaman berjumlah RM655.3 juta berikutan proses migrasi dan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di antara Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Di samping pembayaran balik pinjaman-pinjaman lain mengikut jadual. Semua ini dilakukan kerana keberkesanan urus tadbir cekap, akauntabiliti dan telus. Tentulah Kerajaan Negeri telah menyerahkan aset-aset tertentu kepada PAAB, ini bukan pembatalan hutang percuma tetapi sebagai penukaran aset kepada PAAB iaitu Perbadanan Aset Air Berhad di bawah Kerajaan Persekutuan. Perlu ditegaskan bahawa Pulau Pinang bukanlah Negeri yang mempunyai hutang yang paling rendah pada tahun 2008. Pada tahun 2008, Pulau Pinang bukanlah negeri yang mempunyai hutang yang paling rendah. Tapi kini di bawah urus stabil CAT seperti yang saya sebut tadi, Pulau Pinang telah memperbaiki kedudukan untuk menjadi negeri yang paling kurang hutang di seluruh Malaysia. So, kalau kita berbanding 2008 hingga sekarang, memang masa itu Pulau Pinang bukanlah mempunyai hutang terendah berbanding dengan negeri-negeri lain tapi sekarang memang adalah hutang terendah. Dan kalau kita lihat, hutang yang kita perlu bayar balik kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 69 juta, hanyalah 0.41% berbanding dengan keseluruhan jumlah hutang oleh semua 13 negeri kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM16.8 juta daripada RM16.8 million, Pulau Pinang hanya hutang RM69 juta sahaja iaitu 0.41%. Berkaitan dengan baki hutang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Persekutuan pada Mac 2008 adalah sebanyak RM620.9 juta. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Soalan tambahan. Dengan pencairan aset-aset tersebut, sekiranya dinilai sekarang berapakah nilai aset-aset tersebut kalau nak dibandingkan aset yang kita cair untuk bayar hutang ketika itu dan sekiranya aset itu masih ada sekarang anggarannya berapakah *different* lepas itu *appreciation*.... (dengan izin) aset yang ada sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau kita sebut dari segi aset, tentu aset ada naiklah. Boleh sebut bahawa Kerajaan Persekutuan pun ada untung kerana harga aset-aset, ataupun data-data yang kita serahkan kepada Kerajaan Persekutuan memang telah menambah nilai sekarang kalau berbanding dengan tahun 2011. Tetapi pada masa yang sama, apabila Kerajaan Negeri membuat keputusan kami amat fokus atau memberikan tumpuan kepada perlunya untuk membina Empangan Mengkuang yang lebih besar. Empangan Air Mengkuang yang lebih besar seperti yang telah disebutkan sebanyak berkali-kali sebelum ini. Pembesaran Empangan Air Mengkuang sekarang adalah empat (4) kali, empat (4) kali kalau, tiga (3) kali minta maaf. Tiga (3) kali lebih besar daripada Empangan Air Mengkuang sekarang. Dan ini amatlah penting, untuk menjamin bekalan air yang mencukupi untuk Negeri Pulau Pinang. Itulah sebabnya, Pulau Pinang merupakan di antara negeri yang pertama yang menandatangani surat perjanjian untuk menyerahkan aset-aset kepada PAAB sebagai gantinya selain daripada melangsaikan hutang-hutang

tetapi juga membolehkan projek Empangan Air Mengkuang berjalan. Dan saya rasa sungguhpun dari segi nilai aset, saya tidak nafikan. Kemungkinan sekarang mereka dapat tambahan dari segi nilai, kerana tentu nilai tanah akan naik sekarang kalau berbanding dengan lima (5) tahun lepas. Tetapi kalau kita lihat dari segi *strategic focus*, fokus strategik saya rasa ini memang satu keputusan yang tepat dari aspek jaminan bekalan air untuk rakyat Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi bila kita lihat perubahan cuaca dengan *Super El Nino* yang mengakibatkan kemarau yang paling teruk sekali. Perlu ditegaskan bahawa kalau kita menilai dari segi penurunan hujan, hanya 30% berbanding dengan purata penurunan hujan sebelum ini. So, untuk bulan empat (4) hingga sekarang, bulan tiga (3) pun serupa. Hujan yang turun di Pulau Pinang hanya 30% berbanding dengan purata hujan yang turun untuk bulan 3, 4, 5 untuk tahun-tahun sebelum ini. So, dengan ini kita boleh lihat betapa pentingnya keputusan yang dibuat dan ini untuk jangka masa panjang pada masa itu.

Pihak Kerajaan Negeri mahu Empangan Air Mengkuang dibina dengan secepat mungkin. Sebenarnya ia harus siap pada tahun ini. Tapi malangnya ia telah dilanjutkan untuk setahun. Tentulah ini sesuatu yang kita rasa kecewa tapi kita masih tunggu dan dengan jaminan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk menjaminkan air sehingga ia siap tahun pada depan sekurang-kurangnya kita boleh teruskan dasar Kerajaan Negeri yang telah disampaikan oleh PBAPP iaitu Tak Nak Catuan Air. Dan Pulau Pinang boleh merasa bangga kerana Pulau Pinang adalah satu-satu negeri di Malaysia yang tidak pernah ada catuan air. Sungguhpun hujan yang turun sekarang tinggal 30% sahaja. Kita masih boleh laksanakan dasar Tak Nak Catuan Air. Dengan Empangan Air Mengkuang tiga (3) kali lebih besar berbanding dengan sekarang. Saya rasa ini akan memudahkan usaha kita untuk memastikan tidak ada catuan air.

Tolong bayangkan kalau sekiranya terpaksa dijalankan catuan air. Impak kualiti bukan sahaja kepada rakyat sejagat tapi khususnya kepada pelabur-pelabur dan juga peniaga-peniaga amat teruk sekali. Ia akan betul-betul jahanam. Akan mencemarkan dan menjatuhkan imej dan reputasi Pulau Pinang sebagai pilihan utama untuk pelabur-pelabur di seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan saya soalan 17.

- No. 17. (a) Berapakah kadar pengangguran belia di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Apakah faktor yang menyebabkan turun naik peluang pekerjaan di Negeri Pulau Pinang?
- (c) Apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kadar pengangguran?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Tuan Speaker dan juga kepada Ahli Kawasan YB. Telok Bahang, Oh, *sorry* Sungai Dua yang mengemukakan soalan 17. Soalannya ialah berapakah kadar pengangguran belia di Negeri Pulau Pinang. Menurut laporan penyiasatan Tenaga Buruh 2004 Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran belia mengikut umur di Pulau Pinang adalah kategori 15 sampai 19 umur tahun ialah 7.39%. Kalau dalam bilangan ialah 1300 orang, untuk kategori umur tahun 20 sampai 24, peratusnya ialah 5.58% dan dalam bilangan ialah 5400. Kategori umur tahun 25 sampai 29, ialah 1.82% dan bilangannya ialah 2400. Untuk kategori umur tahun 30 sampai 34 peratusannya ialah 0.29 dan bilangannya ialah 400.

Mengenai faktor yang menyebabkan turun naik peluang pekerjaan di Negeri Pulau Pinang, faktor yang menyebabkannya yang utama ialah kegawatan ekonomi yang menyebabkan penutupan syarikat atau pembuangan pekerja ekoran kejatuhan nilai ringgit serta kejatuhan harga minyak diluar jangkaan kebelakangan ini. Dan bagi mengurangkan apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kadar pengangguran, jawapan telah pun diberikan pada hari pertama dalam soalan dua (2) yang diberi oleh YB. Timbalan Ketua Menteri II dengan ringkasnya ialah Pembangunan Bandar Cassia meningkatkan pelaburan, mempelbagaikan jenis pekerjaan, memperkenalkan Program Penang CAT, Projek Titian

Saksama Rakyat ataupun TTSR *in short*. Tetapi juga tambahannya, Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mengurangkan kontrak-kontrak yang di *outsource* itu yang selalunya diberikan pekerjaan itu kepada pekerja asing. Sekarang Kerajaan Negeri telah membuat penetapan bahawa semua *contract outsource* ini mesti mengambil pekerja tempatan dahulu. Itu adalah pekerja Pulau Pinang didahulukan dan juga ini telah dijalankan, dilaksanakan oleh MPSP di mana pekerja-pekerja kebersihan, longkang ataupun *Labourer Jobs* yang telah memberhenti mengupah pekerja asing. Lebih kurang 2,000 pekerjaan telah diberi kepada pekerja tempatan dan ini usaha Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan. Terima kasih kepada Yang di-Pertua dan juga Padang Lalang. Cuma saya melihat dari segi belia yang menganggur lagi. Sebahagian besarnya yang terlibat lagi adalah graduan-graduan yang keluar dari Universiti yang begitu banyak. Dan apa yang perlu kita lihat supaya graduan ini diberikan satu bentuk kemahiran ataupun sijil tambahan ini. Adakah Kerajaan Negeri memikirkan untuk memberikan sijil tambahan contohnya Sijil Keselamatan Pekerja yang dibuat oleh Kerajaan Negeri contoh, diberikan kepada graduan dan graduan ini akan ada nilai tambah *value added...*(dengan izin) kepada ijazah ataupun diploma yang dia perolehi. Yang keduanya, dari segi peluang pekerjaan dalam sektor perniagaan dan keusahawanan. Ini juga perlu diberi perhatian dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan graduan ataupun belia-belia yang menganggur ini walaupun kecil 7%, 5% tetapi memerlukan satu bentuk galakan dalam sektor perniagaan dan keusahawanan dan perlu diberi perhatian sedikit dari segi penyediaan ruang-ruang perniagaan dan sebagainya supaya mereka ini dapat berniaga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Sungai Dua. Tadi di dalam jawapan tadi ada kata Projek Titian Saksama Rakyat memang ada usaha untuk memberi pinjaman kecil kepada pemuda-pemuda juga. Dan kalau kita lihat dalam golongan umur tahun 15 sampai 19 yang tinggi dalam peratusan, ini mungkin kerana kelayakan mereka sekarang yang pekerjaan yang mereka boleh dapat itu sudah banyak diambil alih oleh pekerja asing. Jadi saya rasa, ini kita mesti memperkuat lagi polisi supaya kita mengambil, mengutamakan pekerja tempatan dahulu. Yang mengenai graduan yang banyak menganggur kerana mereka *are unemployable* tidak ada *skill* yang dikehendaki oleh majikan. Ini saya rasa yang masalah yang lebih besar ialah sistem pendidikan ada masalah. Dan kalau kita hendak mengatasi masalah ini, ia mesti diatasi di punca macam mengasingkan sisa di puncanya dan ini pun harus diatasi di punca. Jadi kita mesti kaji balik masalahnya dengan kelayakan graduan kita. Yang kata mereka kekurangan *soft skill* tidak boleh berkomunikasi dengan baik, *don't have critical thinking*, tidak boleh menyelesaikan masalah. Mereka boleh tunjukkan masalah, tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah. Jadi, majikan kata apa gunanya ini semua masalah saya tahu, saya perlukan orang selesaikan dan bukan orang yang beritahu saya apa masalah yang saya hadapi kerana masalah ini semua saya tahu. Jadi saya rasa kita mesti lebih tuju kepada memperbaiki atau kaji semula sistem pendidikan kita dan dari segi Kerajaan Negeri kita berusaha juga. Kita dalam usaha untuk mewujudkan lebih kursus di mana mereka yang ada Sijil SPM tetapi tidak dapat pergi ke Universiti mereka kalau boleh kita hendak bekerjasama dengan pihak-pihak industri supaya mereka boleh semasa bekerja juga mereka belajar untuk mendapat satu diploma. Jadi ini dalam usaha Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Saya nak tanya dari segi statistik syarikat, 95% daripada syarikat-syarikat adalah syarikat SME. Dan 74% adalah syarikat-syarikat mikro. Jadinya, kalau graduan-graduan sebagai contohnya nak diserapkan dalam macam syarikat-syarikat besar dan syarikat multinasional bilangannya agak *limited* dan di Pulau Pinang rasanya kebanyakan syarikat telah *move* kepada syarikat-syarikat *R&D* dan juga syarikat *design*.

Apakah yang, adakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk menangani disebabkan oleh bilangan *pool of* syarikat untuk menyerap graduan dan juga lepasan SPM dan sebagainya tu tidak mencukupi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Itu soalan yang besar ya. Macam mana kita nak *create pool company* kerana ini adalah pembangunan semasa. Dia ikut *trend*. Dia ikut pembangunan masa. Jadi kalau kita sudah sampai satu tahap, kita mahu *non labour intensive* kerana kita tak cukup *labour*. Jadi yang penting ialah, saya rasalah, bukan untuk memperbanyakkan *company* yang boleh menyerap kumpulan ini, kerana mereka kita mesti tambahkan *skill* mereka, supaya mereka boleh diserapkan. Tapi kalau mereka tak ada *skill* yang diperlukan, jadi susah nak serapkan mereka dan tambahan pula mereka susah nak bersaing dengan pekerja asing. Jadi ini kita mesti lihat keseluruhan, dasar buruh, dasar *employment*, dasar pekerja, supaya kita mesti kurangkan, kurangkan pekerja asing, supaya golongan ini dapat lebih peluang dan apa yang kita boleh buat ialah untuk menaikkan *skill* untuk golongan ini. Supaya mereka lebih berpeluang untuk digaji.

Selain daripada itu, kita ada, memang kita ada beberapa *institution* yang memberi yang untuk memberi *skill* ataupun melatih *skill* kepada golongan ini. Umpamanya ialah *Penang Skill Development Corporation* dan lain-lain lagi. Tapi ini, saya rasa ini bukan sebahagian ataupun masalah ini bukan wujud di sini saja. Masalah ini adalah di seluruh negara dan ini memerlukan usaha di peringkat pusat untuk mengadakan dasar yang lebih menyeluruh. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soalan lisan telah pun tamat untuk 1 jam 30 minit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi. Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk meluluskan satu usul, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 6A (1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya memohon supaya masa persidangan pada hari ini, 16 Mei 2016 hari Isnin dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

Timbalan Ketua Menteri I:

Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 16 Mei 2016 hari Isnin, sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya".

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "tidak". Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum sesi perbahasan mula, ingin saya

sampaikan satu peringatan dan teguran. Saya amat kesal kerana sesi perbahasan Jumaat yang lepas tidak dapat disambung sehingga masa yang telah pun ditetapkan dalam usul Y.A.B. Ketua Menteri, iaitu sehingga jam 7.30 malam Jumaat tersebut. Yang ini disebabkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersedia untuk menyambungkan sewaktu Timbalan Yang Di-Pertua Dewan minta untuk sambungkan sesi perbahasan. Saya tidak mahu perkara ini berulang dan saya telah pun berbincang dengan Timbalan Yang di-Pertua Dewan supaya kita tidak akan teragak-agak untuk menamatkan sesi perbahasan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berminat berbahas dan sekaligus membawa sesi kepada sesi penggulungan oleh Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri. Maka dengan itu, haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat selalu dalam keadaan siap siaga. Seterusnya, saya ingin mempersilakan cepat-cepat, Paya Terubong. Sila.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan dan mohon maaf sebab hari Jumaat saya tak sihat, jadi saya meninggalkan Dewan. Dan juga memohon maaf kepada semua rakan kerja di Dewan yang mulia ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tak tau giliran Yang Berhormat pun.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang ini urusan kita sendiri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung, sambung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi kesyukuran dan penghargaan terima kasih kerana diberi peluang turut menyertai perbahasan di Dewan yang mulia ini. Secara keseluruhannya, daripada intipati ucapan Tuan Yang Di-Pertua, dapat kita merumuskan bahawa atau tidak dinafikan bahawa Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri, telah mencapai satu tahap yang memuaskan dalam semua aspek dan agenda atau usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah taraf antarabangsa adalah mesti disokong oleh rakyat jelata di negeri ini. Dato' Yang Di-Pertua, baru-baru sahaja di hari Sabtu 14 haribulan Mei, tahun ini Y.A.B. Ketua Menteri telah merasmikan majlis pecah tanah untuk pasar awam yang terbengkalai sejak tahun 1980-an di Paya Terubong. Pasar awam ini dijangka akan siap dibina dalam masa tiga tahun.

Di sini saya ingin mengucap syabas dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan barisan EXCO yang telah banyak merestui dan membantu KADUN Paya Terubong. Sebelum tahun 2008, banyak isu projek terbengkalai di Paya Terubong, namun ke semua ini, saya dengan bangganya menyatakan bahawa sekarang telah semua diselesaikan dan juga dipulihkan. Projek perumahan terbengkalai Taman Cemerlang di bandar Baru Air Itam telah dipulihkan pada tahun 2009 dan kini telah menjadi satu dipanggil sebagai *All Season Park*. Dan projek perumahan terbengkalai Desa Aman di kawasan Relau pun telah disempurnakan pada tahun 2012. Taman Paya Terubong Indah atau lebih dikenali sebagai *Majestic Heights* sekarang pun telah di ambil alih oleh sebuah syarikat, PLB Berhad dan dalam proses pembinaan dan pemulihan. Pasar awam yang telah lama ditunggu oleh penduduk Paya Terubong telah kini berjaya dipulihkan. Dengan pemulihan pasar awam ini, tidak ada lagi projek terbengkalai di KADUN Paya Terubong.

Saya boleh dengan bangganya menyatakan ini adalah satu pencapaian yang saya syukur dan bangga dalam penggal penjawatan saya sebagai ADUN kawasan ini. Begitu juga kilang getah *Lee Rubber*, dahulu sering diperalatkan oleh calon *MCA* untuk memancing undi. Tetapi, juga tidak diselesaikan oleh Barisan Nasional. Pun juga telah diselesaikan semasa jawatan saya sebagai ADUN semasa penggal pertama dan kilang getah yang sering menjadi isu pencemaran telah ditutup pada 29 haribulan Februari tahun 2012. Dengan secara langsung, masalah pencemaran yang diakibat oleh kilang getah ini tidak akan lagi menjadi satu isu di KADUN Paya Terubong. Ke semua ini menunjukkan Kerajaan Negeri memang mengambil berat terhadap masalah dan isu yang dihadapi oleh rakyat jelata dan benar-benar cari penyelesaian untuk menyelesaikan.

YB. Dato' Speaker, saya ingin menyentuh mengenai Lapangan Terbang Kulim dan Lapangan Terbang Pulau Pinang, baru-baru ini di bulan Mac tahun ini, Menteri Besar Kedah yang baru, Datuk Seri Ahmad Bashah menyatakan bahawa pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim atau lebih dikenali sebagai KXP bukan lagi satu impian, sebaliknya bakal menjadi kenyataan setelah direstui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kita sedar Lapangan Terbang memang menjadi pemangkin pembangunan dan kemajuan sesuatu kawasan sebab itu cadangan Kerajaan Negeri Kedah yang meminta Kerajaan Pusat untuk membina sebuah Lapangan Terbang di Bandar Baharu Kulim mesti diambil berat dan tidak boleh dipandang rendah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Lebih banyak kargo kini dihantar atau dieksport menggunakan kapal terbang berbanding kapal laut dan lapangan terbang juga melengkapkan ekosistem untuk menarik pelaburan asing.

Antara perkara yang perlu diutarakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat ialah sejauh mana lapangan terbang di Kulim memberi tempas kepada pembangunan di selatan Kedah dan Perak selain kesan terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Dalam soalan bertulis di Dewan kali ini saya telah menyoal apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempertahankan kedudukan Pulau Pinang sebagai hub logistik di Selat Melaka sekiranya Kerajaan Pusat membina sebuah lapangan terbang baru di Kulim. Dalam jawapan YB. Bagan Jermal telah memberi penerangan bahawa pembinaan sebuah lagi Lapangan Terbang Antarabangsa di Kulim tidak akan memberi impak yang ketara kepada potensi Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Namun begitu, dengan mohon maaf, saya tidak berapa setuju terhadap pandangan ini.

Dalam pandangan saya, pembinaan sebuah lagi lapangan terbang di Kulim sedikit sebanyak akan memberi kesan negatif kepada lapangan terbang di Pulau Pinang. Pembinaan lapangan terbang baru di Kulim akan memakan belanja lebih kurang RM1.6 billion. Jauh lebih tinggi dengan pembinaan landasan tambahan di Lapangan Terbang Pulau Pinang yang hanya berjumlah RM600 juta sahaja.

Langkah yang sepatutnya diambil oleh Kerajaan Pusat adalah menambah landasan, membina pengkalan kargo udara bersepadu baru, penyelenggaraan dan baik pulih (MRO) di lapangan terbang sedia ada dengan harga jauh lebih rendah, bukannya membina lapangan terbang baru di Kulim. Status Pulau Pinang sebagai negeri tarikan utama pelabur wajarkan lapangan terbang di negeri ini diperbesarkan dan dinaiktarafkan. Ini terbukti dalam tempoh enam (6) tahun di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan apabila Pulau Pinang mencatat rekod pelaburan berjumlah RM40 billion jauh lebih baik berbanding Barisan Nasional berjumlah RM21 billion bagi tempoh sama. Saya di sini juga ingin menyeru rakan-rakan disebelah dapat mempertahankan kepentingan rakyat Pulau Pinang dengan mengemukakan pendapat kepada Kerajaan Pusat bahawa menaik taraf atau *up grading* Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah lebih mendesak berbanding dengan sebuah lagi Lapangan Terbang baru di Kulim yang memakan RM1.6 billion. Kita patut sama-sama mengukuhkan lagi kedudukan Lapangan Terbang Pulau Pinang berdasarkan kedudukan Pulau Pinang yang lebih strategik berbanding daripada Kulim, Pulau Pinang lebih dikenali sebagai destinasi utama pelaburan negara dan serantau Asia Tenggara dan mempunyai daya saingan yang lebih patut diperkukuhkan untuk membantu pembangunan negara.

YB. Dato' Speaker, perdagangan di antara Malaysia dengan negara China bukan lagi satu perkara baru dan sekarang adalah rakan perdagangan terbesar di antara negara-negara ASEAN dan ketiga terbesar di Asia, oleh itu Malaysia telah dijadikan sebagai pintu masuk utama bagi negara China untuk memasuki pasaran ASEAN. Demi mengalakkan pelaburan negara China ke Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mesti komited untuk mengalakkan usahawan-usahawan dari Negara China yang berminat mengadakan hubungan perdagangan ke Malaysia untuk membuat pelaburan di Negeri Pulau Pinang, dengan tujuan ini saya mencadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membuka atau menubuhkan sebuah satu pusat maklumat dan khidmat khas yang memfokuskan memberikan maklumat dan khidmat inisiatif *one belt one road* Negeri China. Siapa sahaja usahawan yang berminat untuk membuat pelaburan atau memperluaskan perniagaan mereka ke Pulau Pinang, Pusat Khidmat Maklumat ini akan menyalurkan maklumat-maklumat relevan mengenai perdagangan termasuk juga peluang serta *matching* yang tepat dengan perniagaan di Pulau Pinang. Inisiatif *one belt one road* oleh Negara China ini adalah untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia dan termasuk rakyat Pulau Pinang untuk meningkatkan perniagaan dan mencari peluang pelaburan dan sekali gus mampu meningkatkan ekonomi tempatan.

Kerajaan Pusat sendiri pun mengakui hubungan perdagangan Malaysia dengan Negara China adalah sangat penting dalam abad yang akan datang. Pulau Pinang boleh memainkan peranan penting sebagai sahabat China dalam inisiatif *silk road belt* dengan hubungan *sister city* yang ada antara Pulau Pinang dengan Xiamen atau *Hainan Province* tambahan lagi dengan penjawatan Jeneral Konsul Negara China di Pulau Pinang telah memberi ruang yang lebih banyak untuk Pulau Pinang menarik pelaburan daripada Negara China. Keyakinan dan minat Negara China terhadap Malaysia jelas dilihat apabila perjumpaan khas di antara Perdana Menteri dengan Presiden Xi Jinping ketika persidang APEC di Philipina pada tahun ini, di antara persefahaman yang telah tercapai adalah Presiden Xi Jinping telah berjanji memberi perhatian utama kepada perdagangan ke Malaysia. Bagi memastikan pusat khidmat pusat maklumat dan khidmat *one belt one road* berkesan dalam menyebarkan maklumat kepada kumpulan sasaran. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mesti berkerjasama dengan Konsulat Jeneral Negara China di Pulau Pinang, persatuan-persatuan perdagangan, Dewan perdagangan dan Persatuan-persatuan NGO untuk menjalinkan hubungan lebih kerap dengan usahawan di Negara China. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapha Mohamed juga pernah berkata prospek bagi peningkatan hubungan ekonomi antara China dengan Malaysia akan menjadi lebih ketara sejajar status negara China menjadi rakan dagang terbesar Malaysia sejak tahun 2009 antara 10% pelabur asing utama di negara ini. Hubungan dua hala Malaysia dan negara China tidak terhenti di situ inisiatif *one belt one road* merupakan satu usaha berterusan dalam hubungan dua hala apabila Pulau Pinang yang mempunyai kedudukan strategik di Selat Melaka dan sejarah...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Paya Terubong kuatkan sedikit, yang di luar kata tak dapat dengar.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Dan sejarah rapat dengan negara China mesti merebut peluang emas ini untuk mewujudkan satu pusat maklumat dan khidmat *one belt one road* supaya menarik pelaburan ke Pulau Pinang, publisiti yang lebih kerap dan ketara mesti dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja mengalakkan perdagangan dan pelaburan hubungan yang lebih ketara dua hala ini juga dapat membawa lagi ramai pelancong ke Negeri Pulau Pinang jadi saya mencadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mengkaji cadangan untuk menubuhkan satu pusat khidmat maklumat dan khidmat *one belt one road* ini.

YB. Dato' Speaker isu seterusnya mengenai muzium, saya ingin menyentuh mengenai isu muzium, sejak kebelakangan ini saya memang nampak banyak muzium-muzium swasta ditubuhkan di negeri ini khususnya di bahagian Pulau. Dalam soalan bertulis yang ke-27, saya dalam persidangan ini daripada semakan jawapan yang diberi daripada semakan pusat daripada semakan pihak Muzium Negeri dan Penang Global Tourism terdapat 39 buah muzium swasta termasuk Galeri yang telah disenaraikan di Pulau Pinang. Daripada jawatan Y.A.B. Ketua Menteri saya berpuas hati dengan jawapan bahawa Kerajaan Negeri sedang melalui Jabatan Muzium Negeri sedang dalam proses penyediaan garis panduan penubuhan muzium. Garis panduan ini akan diguna pakai oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal dan menyelaraskan muzium-muzium yang akan diwujudkan oleh sektor swasta. Walaupun ia masih di tahap peringkat penyediaan draf yang melibatkan dasar-dasar penubuhan dan operasi sebuah penubuhan institusi muzium tetapi memang sebagai satu langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal Muzium swasta yang semakin banyak dan ada orang kata juga melampau.

Kebanyakan muzium swasta ada berunsur *profit oriental*...(dengan izin) sama ada...(kurang jelas) muzium ini mencapai tahap dipanggil sebagai sebuah muzium memang meragui. Mengikut *Oxford Dictionary* definisi muzium adalah seperti berikut...(dengan izin) '*A building in which objects of historical, scientific, artistic or cultural interest are stored and exhibited.*' Pada kebiasaannya kita dapat memahami istilah muzium sebagai penyimpan barang-barang lama yang disimpan dalam sebuah bangunan lama. Pandangan tradisional ini berubah dari semasa ke semasa sehinggalah pada tahun 1974 pertubuhan UNESCO melalui badan profesional yang dipanggil ICOM, I.C.O.M (*The International Council Of Museums*) yang telah memberi definisi yang lebih terperinci berkenaan muzium. Majlis Muzium Antarabangsa iaitu ICOM definisikan Muzium seperti berikut...(dengan izin) Dato' Speaker, institusi bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangan-perkembangannya, terbuka kepada umum, memperolehi, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pelajaran, pendidikan dan hiburan, bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya.

Di Malaysia saya telah melayari *website* Jabatan Muzium Malaysia daripada *website* Jabatan Muzium Malaysia telah diberi definisi bahawa muzium merupakan sebuah institusi pendidikan umum, menyebarkan maklumat melalui sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi. Aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh muzium-muzium di negara ini merupakan salah satu usaha yang diharap dapat membantu negara membina dan memperkukuhkan jati diri masyarakat di samping menjadi daya tarikan pelancong. Secara amnya muzium dipanggil sebagai pemegang amanah warisan negara yang tidak ternilai dan mungkin tidak dapat ditukar ganti. Muzium juga berperanan sebagai sebuah institusi pendidikan tidak rasmi sumber dan bahan-bahan yang terdapat di muzium mampu memberi kefahaman dan menarik minat sama ada yang berkaitan sejarah, sastera, sains atau alam semula jadi.

Apabila disebut istilah muzium kita harus melihat konsep pemuziuman itu sebagai satu konsep yang luas, umum dan artifak yang ada di dalam koleksi diperagakan dan ditempatkan dalam sesebuah bangunan, mewujudkan sesebuah muzium itu pada prinsipnya berasaskan kepada beberapa keperluan iaitu memberi pendidikan kepada masyarakat pemeliharaan dan pengekalan warisan sejarah, kebudayaan, alam semula jadi dan pelancongan. Dasar-dasar tertentu yang melibatkan fungsi-fungsi muzium seperti dasar perolehan koleksi, dasar penyelidikan, konsep pameran, kaedah konservasi serta program pendidikan dan perkembangan pemuziuman perlu digubal dan menjadi asas panduan kepada pegawai dan kakitangan muzium yang bertanggungjawab yang mengerakkannya.

Oleh demikian, sekiranya kita memakai definisi yang diberikan oleh ICOM atau Jabatan Muzium Negara, kebanyakan muzium swasta mungkin tidak akan mencapai tahap dan mungkin ia akan diberikan sebagai gelaran muzium kerana sebagai muzium unsur keuntungan adalah paling asas dan tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun kita pun tidak boleh menafikan peranan dan sumbangan yang juga telah dimainkan oleh muzium swasta di mana telah secara langsung atau tidak secara langsung telah menambah *tourism points* di peta Pulau Pinang dan sektor pelancongan Pulau Pinang ini. Kita tidak mencadang untuk menghalang muzium swasta ini dan kita pun mengakui sebagai sektor swasta satu Muzium mesti ada kos operasi tetapi apa yang perlu kita lakukan adalah memastikan kualiti muzium dan memang membenarkan unsur-unsur tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan Muzium Negara dan juga ICOM. Unsur-unsur yang tertentu mesti merupakan sesuatu institusi pendidikan umum, menyebarkan maklumat mengenai sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi dan kedua aktiviti yang dikendalikan oleh muzium-muzium mesti merupakan salah satu usaha yang diharapkan dapat membantu negara membina dan memperkukuhkan jati diri masyarakat di samping menjadi daya tarikan pelancong. Secara kesimpulannya kita tidak boleh menghalang kewujudan muzium swasta yang mempunyai unsur keuntungan, tetapi kualiti dan tahap tertentu adalah mesti dicapai mengikut garis panduan yang akan ditetapkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan seperti mana yang kita semua maklum sebahagian besar daripada laut di sebelah Selatan Pulau Pinang akan ditambah semula sebagai.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta laluan, saya amat tertarik dengan Yang Berhormat bila sebut tentang muzium, kerana memang saya rasa itu satu perkara yang jarang disentuh oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri semasa berbahas dan saya di sini ingin mencelah sedikit untuk menyatakan sokongan ke atas apa yang disebut tadi oleh YB. Paya Terubong kerana sememangnya muzium boleh menjadi penghubung di antara zaman silam atau zaman dulu supaya kita dapat lebih faham masa kini dan membolehkan kita untuk menghadapi cabaran masa akan datang. Tapi untuk Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang kecil kalau kita lihat dari segi pembangunan muzium, masalah utama ialah dari segi sumber-sumber yang kita amat berkurangan bukan sahaja dari sumber kewangan tapi juga dari sumber kepakaran dan itulah sebabnya kita adakan satu MOU bersama dengan *the aga khan trust for culture* iaitu diantara institusi paling ulung di seluruh dunia tentang budaya dan juga tentang pembangunan muzium. Malah bila saya pergi ke *Paris* untuk menandatangani MOU dengan *Aga Khan* saya ada mengunjungi muzium salah satu muzium dianjurkan mereka ini untuk maklumat Dewan Undangan Negeri, muzium yang dibuat ialah Muzium Kuda bukan muzium apa-apa yang kita biasa dia muzium hanya khusus untuk kuda, saya pun berasa hairan macam mana Kuda boleh menjadi satu bahan muzium tapi kerana kepakaran yang sedia ada yang dapat menjadikan kuda ini sebagai satu bahan yang hidup yang ada kaitan dengan kehidupan harian manusia dan bila kita lihat muzium yang dijalankan oleh mereka ia amat mengagumkan dan itulah sebabnya bila kita sebut muzium tentu saya bersetuju bahawa kadang-kadang perkataan muzium ini tidak begitu tepat digunakan oleh pihak swasta tapi mereka pun ada sumbangan supaya menjadikan perkataan muzium itu hidup satu perkataan yang hidup bukan mati, itulah sebabnya saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bila beliau sebut muzium pembangunannya bukan sahaja jadi satu bahan pendidikan tapi

untuk menarik lebih banyak pelancong dan ini satu perkara yang baik dan juga kita sering kali menyatakan kita nak cari sumber-sumber pembangunan baru dan ini adalah satu *games changer* yang kita nak cari iaitu selain daripada budaya, selain daripada seni muzium pun boleh ditimbang salah satunya. Itulah sebabnya kita adakan MOU dengan *Aga Khan trust for culture* salah satu institusi paling unggul dan mereka juga bangsa-bangsa bersatu *United Nation* kita harap dengan persefahaman sedemikian kita boleh membangunkan muzium ini dan lagi satu kita hendak usahakan kita hendak usahakan adalah membina balik sayap kiri yang telah dihapuskan dalam Perang Dunia Kedua oleh bom-bom pesawat-pesawat Jepun pada masa itu. Apabila mereka menyerang Pulau Pinang, sebelum menawan Pulau Pinang, Perang Dunia Kedua, sayap kiri itu muzium ini telah dihancurkan, sekarang jadi tempat letak kereta.

Saya rasa salah satu usaha ialah untuk membangunkan semula sayap ini supaya kita dapat satu bangunan yang holistik dan boleh menambah lagi bahan-bahan untuk dipamerkan. Dan seperti yang saya sebut tadi, yang dipamerkan janganlah ia menjadi sesuatu bahan yang mati, ia mesti hidup. Dan saya rasa Yang Berhormat amat berminat dalam perkara ini dan kita boleh kongsi pandangan macam mana boleh kita menghidupkan muzium supaya bukan sahaja jadi satu bahan pendidikan tetapi satu bahan tarikan pelancongan untuk saya rasa bukan sahaja rakyat Pulau Pinang tetapi juga untuk rakyat Malaysia. Terima kasih pada Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila sambung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri. Dalam pandangan saya, sejarah Pulau Pinang sendiri memang mempunyai banyak sumber yang dapat mewujudkan lagi banyak muzium sebab dengan sejarah yang ada di Pulau Pinang, kita banyak sejarah yang berkaitan dengan orang putih atau *local* dan juga sejarah dengan China. Tetapi apa yang saya lihat sekarang ini muzium yang sesuai yang ada sekarang ini lebih sesuai dikelaskan sebagai galeri dan bukan berkenaan sebagai muzium. Sebab banyak muzium swasta yang ada pada masa kini, kebanyakannya bukan berdasarkan bahan-bahan warisan tetapi lebih berdasarkan pada hiburan bukan bahan sejarah yang ada di Pulau Pinang.

YB. Dato'...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebelum YB. Penjelasan. Sebelum YB. langkah ke topik lain, sekarang muzium lagi ya, saya ada satu benda yang cukup menarik sebenarnya kerana kita juga adalah sebahagian daripada warisan. Dan barang pasti yang lama-lama itu adalah merupakan ibu dan bapa kepada kita, Okey. Saya juga mencadangkan supaya YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya diwujudkan muzium-muzium daerah. Contohnya Balik Pulau dibuka oleh Lebai Tampak so dimana kita nak wujudkan, supaya nak menunjukkan bahawa ini adalah yang dibuka oleh Lebai Tampak. Teluk Kumbar, Bayan Lepas dibuka oleh Nahkoda Saidin. So apa dia bukti sejarah itu, ada Mat Salleh yang buka Sungai Nibong dan sebagainya. So ini butir-butir sejarah yang perlu saya rasa dibina dibuat semula supaya warisan yang akan datang akan tahu. Sebagai contoh perkara ini, bagaimana seorang bernama Jamal yang *actually* membuka ruang dan peluang kepada Kedah untuk menyerahkan Pulau Pinang, Francis Light. So sejarah-sejarah sebenarnya yang tercatat, tetapi kita boleh ditunjukkan dalam bentuk fizikal. So kalau boleh saya minta pihak Negeri bukan sahaja mempertimbang dan melihat jauh ke Perancis, *Aga Khan*. kepakaran tetapi juga melihat kepada sejarah warisan di Pulau Pinang ini dalam kita mempertengahan supaya dapat difahami dan dapat dinilai dan dapat dihayati oleh masyarakat di Pulau Pinang ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. Terima kasih. Berkenaan dengan muzium ini, saya setuju pandangan Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan muzium-muzium di Paris, *Museum of London* dan sebagainya. Pada sesiapa yang berpeluang, melawat muzium-muzium ini, muzium-muzium ini adalah muzium-muzium yang bersuara, *will tell us the history*. Kita sampai ke muzium dan kita boleh tahu *history* dan apa yang diungkapkan oleh YB. Pulau Betong, itu ada kebenaran, kita tidak ada di muzium Pulau Pinang. Untuk pengetahuan semua saya dan YB. Sungai Dua bekesempatan membuat kunjung hormat pada 10 Mei,

baru-baru ini ke Muzium Pulau Pinang. Setelah sekian lama kami tidak hadir kami dapati bahawa memang ada perubahan ada penambahbaikan. Tetapi di muzium, barang-barang yang dipamerkan adalah barang-barang yang, kalau kita orang Malaysia, kita faham. Tetapi bagi para pelancong mereka mungkin keliru. Dan cuma satu lagi saya minta pada Kerajaan Negeri supaya dapat pasanglah balik *air-corn* di tingkat 2, sangat panas dan saya difahamkan sudah 2 bulan tak berfungsi. Dan saya berkesempatan berjumpa dengan pelancong, pelancong pun merungut perkara yang sama. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta laluan Yang Berhormat sekejap. Saya memang bersetuju dengan kedua-dua Yang Berhormat tadi, tetapi mengapa kita pergi membuat MOU dengan *Aga Khan Trust of Culture* ialah saya harap boleh dapat sokongan. Bukan sahaja daripada kepakaran, kita harap juga boleh dapat sokongan dari segi kewangan. Untuk buat muzium daerah tak ada masalah, tetapi masalah ialah wang. So sekiranya YB. Pulau Betong sudi boleh minta itu sumber kewangan daripada Kerajaan Pusat, saya rasa memang Kerajaan Negeri bersedia untuk sokong, sedia untuk menyokong usul ini. So tidak ada masalah, hanya dari segi sumber kewangan dan juga sumber kepakaran. Itu yang amat kurang bagi Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Paya Terubong sambung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Speaker, sepertimana yang kita semua maklum sebahagian besar daripada laut di sebelah Selatan, Pulau Pinang akan ditambah semula sebagai satu cara untuk membiayai kos untuk Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, *Transport Master Plan*. Perairan Selatan di Pulau Pinang dipilih sebagai lokasi yang paling sesuai oleh pakar bidang air antarabangsa, *Institute Hydraulic Denmark* kerana benteng semula jadi terhad kepada sensitiviti alam sekitar dengan tiada rumpai laut dan batu karang di dasar laut, perairan cetek dan terlindung daripada kesan Tsunami. Kenyataan ini juga di oleh YB. Padang Kota pada hari Jumaat lalu apabila menjawab soalan lisan ketujuh daripada Ahli Kawasan Pulau Betong. YB. Padang Kota telah mengakui bahawa keadaan laut di bahagian Barat Pulau Pinang dan bahagian Utara Pulau Pinang, dari Tanjung Tokong ke Batu Feringghi atas sebab kedalaman laut, lokasi-lokasi tersebut adalah tidak sesuai untuk menjalankan tambakan laut. Maka kawasan tambakan laut demi tujuan Pelan Induk Pengangkutan Awam, telah dikenalpastikan di bahagian Selatan Pulau Pinang. Oleh sebab itu, saya tiada halangan untuk menambakkan laut di bahagian Selatan, memandangkan kesesuaian yang telah dikaji oleh Pakar Hydraulik dan juga untuk tujuan Pelan Induk Pengangkutan Awam. Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya untuk menumpukan kerja-kerja penambakan laut di Selatan sahaja dan tidak melibatkan di bahagian lain Pulau ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Paya Terubong. Terima kasih. Tadi YB. Paya Terubong ada menyatakan bahawasanya pemilihan dibuat kerana ini adalah tasik semula jadi, airnya cetek, tempat ikan bermain-main. Bukankah ini merupakan satu keadaan semula jadi di situ. Kenapa pula nak musnahkan, kenapa nak musnahkan, dah tahu itu kawasan teluk semula jadi, air nya cetek. Jadi kenapa nak musnahkan? Kenapa nak musnahkan, Paya Terubong?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Ini adalah berdasarkan kepada kajian daripada Institusi Hydraulik. Kawasan selatan atau lebih sesuai untuk tambakan laut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Hydraulik mendapati bahawa tempat itu, tasik semula jadi, airnya cetek, tempat ikan bermain dan membesar. *Naturally* mereka di situ, so kenapa nak dimusnahkan. Itu hakikat. Jadi kenapa nak musnahkan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Ini bukan satu permusnahan, sebab penambakan laut ini, kita terpaksa untuk, kos.. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penambakan laut akan memusnahkan tempat itu, akan memusnahkan tempat semulajadi itu.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Jadi Yang Berhormat ada pandangan supaya penambakan laut dijalankan di bahagian yang lain.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Seperti yang saya cadangkan kepada Padang Kota itu hari, cari tempat lain yang lebih sesuai ia tidak mengganggu habitat dan, ataupun elakkan daripada tambakan laut. Cari kaedah lain untuk membiayai projek bukan dengan penambakan laut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Macam ini, saya mencadangkan bahawa rakan Pulau Betong dapat membawalah *funding from the Kerajaan Pusat*. Jadi kita pun boleh mengelakkan daripada penambakan laut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu juga boleh diikhtiarkan Paya Terubong. Itu boleh diikhtiarkan. Kita boleh berbincang dengan Pusat, mencari kaedah lain pembiayaan. Maka saya tahu dengan kebijaksanaan Ahli EXCO, mereka tahu ada alternatif lain yang boleh buat, bukan dengan penambak laut, ya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Paya Terubong boleh sambung. Ada usul ka apa....(gangguan). Masa panjang lagi.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Sebenarnya perbahasan saya di sini bukan tumpu untuk penambakan laut di Selatan, apa yang saya bahaskan di sini supaya bahawa, kerja penambakan laut hanya ditumpukan di bahagian Selatan dan tidak melibatkan di bahagian lain Pulau Pinang. Sebab kita pun tidak pilih lebih banyak tempat lagi di bahagian ini dilibatkan penambakan laut. Jadi berdasarkan Kajian Hydraulogik seperti yang disahkan oleh Institusi Hidraulik ini, lokasi marina yang mungkin melibatkan dalam penambakan laut sebanyak 20 ekar di bahagian utara juga boleh dielakkan supaya dipindahkan ke bahagian Selatan. Sebab di bahagian Selatan sudah ada beberapa ribu ekar yang akan ditambahkan melalui tiga (3) Pulau buatan manusia ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Ada lagi. YB. Dato' Speaker, isu seterusnya adalah mengenai isu di kawasan saya sendiri. Minggu lepas 7 Mei 2016, sebuah lori besar telah rosak di tengah jalan bukit di Jalan Paya Terubong telah menyebabkan kesesakan trafik selama 3 sampai 4 jam. Kereta dari Relau atau Balik Pulau tidak dapat pakai jalan ini ke Jalan Air Itam. Kereta dari Air Itam pun tidak boleh memakai Jalan Paya Terubong untuk pergi ke kawasan Relau atau Balik Pulau. Masalah seperti ini bukan kali pertama tetapi sudah banyak kali berlaku. Oleh kerana kecerunan jalan bukit di Jalan Paya Terubong, kenderaan besar seperti lori besar dan bas besar selalu mengalami kerosakan di tengah jalan dan selanjutnya mengakibatkan kesesakan trafik yang memakan masa yang panjang. Demi menghalang insiden seperti ini berlaku lagi,

saya merayu atau mencadangkan supaya JKR dapat mengkaji untuk menghalang kenderaan besar seperti lori besar atau bas besar untuk menggunakan jalan bukit di Jalan Paya Terubong. Sebagai ADUN kawasan tempatan, saya menerima banyak pandangan ini daripada kalangan rakyat supaya halangan terhadap Lori Besar dan Bas Besar ini dapat dilaksanakan supaya keselamatan lalu lintas di bahagian bukit Jalan Paya Terubong ini, dapat dipastikan.

Sebagai wakil tempatan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah bertungkus lumus untuk membangunkan negeri ini dan menyelesaikan banyak masalah rakyat. Di kawasan saya ini, saya berharaplah dan juga mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan yang terlibat, telah banyak bertungkus lumus untuk membantu saya dalam jawatan saya dan berharap kita sama-sama bekerjasama lagi untuk meneruskan projek pembangunan di KADUN Paya Terubong dan juga membangunkan Pulau Pinang. Akhir kata saya memohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Bertam

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahii Wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam Satu Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan dalam Dewan Yang Mulia ini. YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Di dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 10 Mei 2016, yang lalu banyak perkara yang disentuh oleh beliau merujuk kepada kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh Pulau Pinang sepanjang tahun 2015. Di dalam ucapan beliau antara lain, beliau menyentuh tentang sektor pelancongan dan warisan negeri di mana dinyatakan tahun 2016 adalah merupakan kesinambungan Tahun Melawat Pulau Pinang. Dan kita turut berbangga apabila Pulau Pinang telah disenaraikan di dalam Los Angeles Times, Hartington Post, Lonely Planet dan Tripadvisor sebagai destinasi pelancongan yang terunggul dan makanan yang terunggul.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagaimana kita sedia maklum ditadbir urus di bawah slogan *Cleaner, Greener, Safer and Healthier*. Bagi mengekalkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang terunggul dan destinasi makanan yang terunggul, Kerajaan Negeri Pulau Pinang wajib mengambil pendekatan yang lebih sensitif di dalam mengekalkan keunggulan tersebut. Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus memastikan slogan *Cleaner, Greener, Safer and Healthier* tersebut dilaksanakan dan dipraktikkan di bawah urus tadbir Kerajaan Negeri sepenuhnya. Hari ini, walaupun Pulau Pinang menjadi destinasi pelancongan yang unggul tetapi masih ramai rakyat yang menzahirkan rasa tidak puas hati terhadap tahap kebersihan Negeri Pulau Pinang.

Saya ingin merujuk kepada keratan akhbar Berita Harian bertarikh 11 Mei 2016 di bawah tajuk "Sikap pengotor penduduk Pulau Pinang menjejaskan imej Pulau Pinang". Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membaca keratan akhbar tersebut: "George Town, ramai bersetuju bahawa Pulau Pinang adalah destinasi pelancongan dunia yang terkenal dengan kekayaan warisannya. Namun ramai juga yang merungut bahawa kebersihan di setengah tempat di negeri ini tidak seperti yang diharapkan. Pensyarah Komunikasi dan Masa KDU, Tan Lee Hui berkata, KOMTAR, bangunan yang menempatkan Pejabat Pentadbiran Negeri dan menjadi hub pengangkutan awam terutama bas, telah menjadi seperti kawasan setinggan yang sesak dan berserabut. Kawasan ini kotor dan orang membuang sampah di merata tempat. Walaupun ada tong sampah disediakan di kawasan ini. Ini masalah yang telah timbul, katanya, yang telah menggunakan pengangkutan awam sejak dua (2) tahun lalu. Seorang lagi pengguna perkhidmatan bas, Siti Khairiah Siharuddin berkata pada waktu pagi kawasan itu bersih, selepas pekerja Majlis Bandaraya membersihkannya, tetapi sedih apabila melihat keadaan stesen bas KOMTAR pada waktu petang, orang ramai membuang botol air, puntung rokok dan bungkusan plastik di merata tempat menjadikan kawasan ini kotor. Pelancong Jepun, Mariko Tokioka berkata Pulau Pinang adalah bandar raya yang cantik tetapi malangnya orang ramai tidak mempunyai set minda yang betul. Mereka kurang kesedaran sivik dan terlalu bergantung pada Majlis Bandaraya untuk menjaga kebersihan bandar raya ini, ini adalah pandangan dari pelancong.

Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar slogan *Cleaner* yang dipayungi oleh Kerajaan Negeri dapatlah dilaksanakan sepenuhnya. Di dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi makanan yang terunggul pula, faktor kebersihan di dalam penyediaan makanan sepatutnya

menjadi keutamaan. Restoran-restoran hendaklah menyediakan makanan di dalam dapur yang bersih, menghidang makanan di dalam bekas yang bersih dan menjamu para pelanggan di meja-meja makan dalam keadaan yang bersih. Hari ini saya dapati masih ada restoran-restoran di Pulau Pinang dan di Seberang Perai yang masih tidak bersih, malah ada yang boleh dikategorikan sebagai menjijikkan. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar pihak MPSP, MBPP akan terus menjalankan operasi kebersihan ini secara berterusan setiap masa. Kalau sebelum ini restoran-restoran nasi kandar menjadi sasaran pihak berkuasa, saya harap premis-premis warung turut diambil tindakan. Saya juga dapati masih banyak kedai-kedai makanan yang diusahakan oleh peniaga-peniaga yang mencuci pinggang mangkuk dan sebagainya di kaki lima kedai dan restoran. Ini adalah suatu yang harus kita haramkan.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan kepada laporan The Star pada 14 November 2015 yang lalu yang menyatakan bahawa, Malaysia telah pun diiktiraf sebagai *shopping heaven* apabila Kuala Lumpur telah dinamakan sebagai bandar raya kedua yang popular di dunia untuk pelancong-pelancong Islam. Dilaporkan bahawa pelancong Islam membelanjakan sebanyak USD62 million ataupun RM274.21 billion setiap tahun untuk pelancongan di mana jumlah ini dibahagikan kepada US36 billion hanya untuk membeli-belah dan USD26 billion untuk makanan. Perkara ini telah pun saya sebut semasa ucapan saya di penggal lalu. Ucapan saya turut dicelah oleh YB. Telok Ayer Tawar yang telah meminta kepada YB. Batu Lintang, EXCO Pelancongan untuk mengambil perhatian bahawa di Pulau Pinang masih ada hotel dan restoran yang menulis logo *no pork*. Beliau mengatakan bahawa ini adalah mengelirukan memandangkan pelancong Islam terutama dari Timur Tengah akan menganggap *no pork* sebagai lesen untuk mereka makan makanan yang disediakan. Saya ingin mendapat pengesahan daripada Majlis Agama Islam sama ada ataupun daripada EXCO Agama sama ada sekiranya sesuatu premis makanan tersebut tertera perkataan *no pork*, adakah siasatan masih dijalankan untuk memastikan makanan-makanan lain seperti ayam, itik, burung dan sebagainya adalah berstatus ayam halal, itik halal ataupun burung halal dan sebagainya. Sekiranya tidak ada pemantauan yang sedemikian, maka saya ingin menyarankan agar penggunaan perkataan *no pork* tidak dibenarkan langsung di mana-mana makanan di Pulau Pinang. Kita cuma perlu ada dua status, halal atau tidak halal, itu pandangan saya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Minta laluan. Terima kasih YB. Bertam. Sedar atau tidak Yang Berhormat, sama ada berlaku satu kes di Pulau Pinang di mana dilaporkan dalam The Star, "*filthy soy sauce factory to be closed for two weeks*". Dalam laporan akhbar ini dinyatakan *prickly matter from cats, rats and cockroaches found in traditional soy sauce factory* dan selepas itu perintah ditutup selama dua (2) minggu. Saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada apakah tindakan yang sepatutnya dikenakan ke atas premis tersebut kerana ia melibatkan makanan. Saya percaya makanan tersebut bukan hanya untuk orang bukan Islam tetapi juga termasuklah orang Islam yang akan membeli makanan tersebut, padahal makanan tersebut didapati tidak bersih dan mungkin juga tidak mengikut hukum Islam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta penjelasan Yang Berhormat. Saya hendak tahu macam mana perkataan *no pork* boleh mengelirukan segolongan masyarakat. Apabila perkataan *no pork is so clear no pork means no pork, no pork is not* halal, bagaimana perkataan ini mengelirukan segolongan orang Islam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Terima kasih YB. Penaga dan YB. Bagan Dalam. Menjawab kepada soalan YB. Penaga, saya percaya, tentulah denda yang lebih berat perlu dikenakan kepada mana-mana syarikat yang melanggar peraturan dan kalau boleh biarlah denda itu membawa kepada penutupan terus sesuatu premis. Menjawab kepada soalan YB. Bagan Dalam, kenapa perkataan *no pork* ini mengelirukan. Untuk pengetahuan YB. Bagan Dalam, orang Islam kita bukan sahaja dihalang, *forbids*, untuk memakan daging khinzir tetapi kita juga wajib makan makanan berunsurkan halal, bermula dari cara penyediaan, bagaimana ianya disembelih, bagaimana ianya disediakan dan sebagainya, teruk betul. Apabila sesuatu restoran menyatakan perkataan *no pork* ertinya mereka tidak menyediakan babi, tetapi tidak bermakna ayam yang disediakan didapati dari pembekal Islam dan disembelih secara Islam dan sebagainya. Itu yang mengelirukan. Bagi pelancong-pelancong dari Timur Tengah apabila sampai ke Malaysia, perkara pertama dalam kepala mereka ini adalah sebuah Negara Islam dan tentulah makanan-makanan yang disediakan adalah makanan yang boleh mereka makan. Perkataan *no pork* membawa maksud yang lain itu adalah halal. Faham? Boleh Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Tidak berapa faham. Perkataan *no pork* itu *no pork*, bukan kata halal, kalau *display* itu kata *no pork* itu ertinya *no pork*, dia tidak kata halal, apa lagi yang boleh mengelirukan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat sebenarnya terkeliru. Sebenarnya apabila sesuatu syarikat atau restoran meletakkan perkataan *no pork*, tanda itu bermaksud di tempat tersebut tidak disediakan daging babi, tetapi sebagai orang Islam di Malaysia kita faham tidak ada babi tetapi apabila kita masuk kita kena tanya juga adakah dapurnya disediakan makanan-makanan yang bersumber barang-barang halal. Jika andai kata hanya diletakkan tidak ada babi sahaja, tetapi disediakan makanan-makanan, ayam-ayam yang tidak disembelih oleh orang Muslim dan sebagainya, sudah tentulah apabila pelancong-pelancong Muslim masuk dan makan makanan tersebut, ini membawa kepada tidak halal sesuatu makanan. Saya mohon meneruskan.

Saya bercakap tentang kebersihan makanan, saya tidak nafikan bahawa denda yang kita kenakan adalah amat ringan. Saya sebenarnya pada bulan November yang lepas pada musim cuti sekolah berkesempatan berkunjung ke Gold Coast, Australia. Pada hari pertama saya sampai, di dalam surat akhbar tempatan, muka depan, sebuah restoran daripada Malaysia didenda oleh Mahkamah Australia sebanyak Ausi Dollar 800 ribu sebab siasatan mendapati bahawa di dalam dapur restoran tersebut terjumpa sebutir tahi tikus, satu tahi tikus didenda 800 ribu. Bagi orang Malaysia tentulah cuba membawa isu perkauman di sini dan menyatakan bahawa kerana kita orang luar, kita orang Malaysia, kita didenda sedemikian. Jawapan yang diberikan ini adalah undang-undang di Australia. Saya hendak katakan kalau di Malaysia bukan sebutir, sekilo pun kita boleh jumpa tetapi undang-undang kita di Malaysia susah. Inilah kalau kita hendak ikut *trend* negara maju, saya nampak keberkesanan mereka mengambil tindakan ini disebabkan undang-undang yang keras.

Yang di-Pertua Dewan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut berpayung di bawah slogan *Cleaner* atau pun lebih hijau. Walau bagaimanapun, semenjak pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang diterajui oleh Kerajaan Pakatan Rakyat bermula tahun 2008 dan kini di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, rakyat dapat menyaksikan bukit-bukit di Pulau Pinang banyak yang telah diceroboh dan dibotakkan secara haram. Semenjak tahun 2013 lagi, saya telah membahaskan di dalam Dewan yang mulia ini, isu berkenaan penerokaan bukit di Pulau Pinang banyak yang telah diceroboh dan dibotakkan secara haram. Semenjak Tahun 2013 lagi saya telah membahaskan dalam Dewan yang mulia ini isu penerokaan Bukit Gambir secara haram dan akhirnya membawa kepada bukit tersebut terkenal dengan "Bukit Botak". Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kawasan seluas hampir 20 ekar telah digondolkan oleh tuan punya tanah sendiri iaitu General Accomplishment Sdn Bhd selain daripada dikenakan hukuman denda oleh mahkamah syarikat tersebut turut diminta untuk mengadakan pelan mitigasi. Bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku atau dalam erti kata lain berlakunya mala petaka dan bencana alam. Hari ini pelan mitigasi ke atas Bukit Botak telah pun hampir siap ataupun telah siap ataupun dah mungkin sampai ke penghujung. Kalau mengikut hansard saya penggal lepas pemaju hendaklah menyiapkan projek-projek mitigasi pada 1 Januari 2016. Saya berpeluang melawat ke Bukit Botak dan melihat sendiri kerja-kerja mitigasi yang telah dibuat yang telah pun mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) setelah diluluskan oleh Pakar Geologi Teknikal MBPP iaitu Y.Bhg. Dato' Ir. Khoo See Siew. Memandangkan kelulusan pelan mitigasi tersebut adalah diperolehi daripada seorang pakar maka saya tidak sama sekali mempertikaikan keberkesananannya walaupun ianya masih belum teruji. Tetapi yang apa jadi kerisauan saya secara peribadi adalah harga yang perlu dibayar untuk pelan mitigasi tersebut dilaksanakan. Kalau dulu seluas 20 ekar tanah digondolkan secara haram oleh pemaju tetapi atas nama mitigasi lebih banyak pokok yang ditebang, lebih banyak dan luas tanah dan cerun bukit yang digondolkan bagi pembinaan jalan-jalan yang boleh saya klasifikasikan sebagai jalan raya teramat besar. Dan bagi penyediaan kolam-kolam endapan seluas 60 x 20 meter sudah ada dua (2) buah kolam endapan dibina di atas bukit tersebut.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya Yang Berhormat, apabila kejadian Bukit Botak di sini ada banyak berlaku semudah yang di Pulau Pinang ini setakat ini Yang Berhormat dapat maklumat dari Kerajaan Negeri ataupun daripada media yang dilaporkan adakah perundangan kesalahan itu ditambah denda ditambah macam kata dekat Australia tadi dia boleh kena tindakan macam itu. Yang kita tahu "bukit botak" dikenakan denda sebanyak RM50,000, so tiba-tiba kita tengok jalan yang dibuat itu saya rasa RM500,000 ke RM600,000...(gangguan), saya hendak tanya ada benda benda baru supaya buat pecegahan yang lebih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Jawapan kepada soalan Teluk Bahang tidak ada la, sebagaimana yang telah dijawab dalam Dewan ini, kita terikat dengan peruntukan perundangan yang ada. Dan saya mohon terus dan kalau dulu tanah yang digondol hanya seluas 20 ekar tetapi dengan adanya projek-projek mitigasi ini saya percaya yang tanah yang dikorbankan untuk kerja-kerja mitigasi ini adalah lebih dari 20 ekar dan menjadikan jumlahnya mungkin melebihi 50 ekar keseluruhannya, mungkin. Dan turut menjadi kerisauan saya adalah 20 ekar tanah yang digondolkan oleh pemaju andai dibiarkan tanpa sebarang kemajuan dan pembangunan saya percaya ianya bakal ditumbuhi semula oleh pokok-pokok hutan, ditumbuhi semula oleh pokok-pokok yang benihnya dibawa oleh unggas dan sebagainya. Tetapi bagaimana pula dengan tanah yang digondolkan untuk kerja-kerja mitigasi yang melibatkan pembinaan jalan-jalan bertar dan kolam-kolam endapan. Ini adalah projek-projek pembinaan kekal. Dan saya boleh namakan projek mitigasi ini sebagai projek penggondolan kekal ataupun *permanent baldness* ataupun *permanent distraction of hills*. Oleh yang demikian, saya amat berharap, kepada Kerajaan Negeri untuk belajar dari kesilapan Bukit Botak adalah satu kesilapan yang sepatutnya diambil iktibar oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kejadian penerokaan haram, penggondolan haram dan pengeburan haram tidak lagi berlaku. Walau bagaimanapun, belum kita selesai dengan bukit botak, terbaru kita dikejutkan dengan beberapa pendedahan lagi yang melibatkan aktiviti pencerobohan bukit-bukit di Pulau Pinang. Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Terima kasih penjelasan Bertam, kalau tak salah saya YB. Bertam, saya ada terbaca beberapa bulan yang lalu kos mitigasi untuk bukit botak keratan akhbar YB. Padang Kota bernilai tak salah saya dalam RM20 juta, betul Padang Kota, betul ya lebih kurang, dan akan jadi sampai 50 juta ringgit untuk memperbaiki bukit botak adakah mitigasi bukit itu sejumlah banyak itu, atau ada elemen-elemen lain lagi sebenarnya, *because* RM20 juta adalah besar untuk memperbaiki bukit botak itu, dan saya difahamkan akan menjadi hampir RM50 juta untuk memperbaiki mitigasi, adakah seorang pemaju membeli tanah sanggup membuang begitu banyak sekali untuk mitigasi, jadi saya rasa ada sesuatu benda tidak kena ataupun sedang merancang sebenarnya untuk membuat benda-benda lain di samping jadikan bukit itu, Bukit Botak kekal.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Sebenarnya saya agak terperanjat dengan apa yang diucapkan YB. Pulau Betong menyatakan bahawa ada laporan daripada pihak Kerajaan Negeri tentang kos mitigasi tersebut sebab dalam soalan saya bertarikh 10 Mei 2016 soalan bertulis. Perkembangan mitigasi di Bukit Botak, berapakah kos mitigasi yang dilaksanakan oleh pemaju? Sila huraikan bersama jadual kerja yang lengkap. Jawapan yang saya terima. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada maklumat berkenaan kos kerja-kerja mitigasi yang sedang dilaksanakan di Bukit Relau. Keseluruhan kos untuk kerja-kerja mitigasi tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pemilik tanah tersebut iaitu General Accomplishment Sdn Bhd. Dan saya juga bertanya apakah perancangan pembangunan di atas bukit tersebut. Sehingga kini MBPP tidak menerima sebarang permohonan merancang bagi tujuan pembangunan bukit tersebut. Jadi saya agak keliru dengan jawapan yang diberikan walau bagaimanapun saya memilih untuk bersangka baik mengatakan bahawa yang penting di sini adalah kerja mitigasi sedang dilaksanakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nordin bin Ahmad):

Sebenarnya kerja-kerja bukit botak tu untuk Yang Berhormat kata menjadi satu pengajaran. Tetapi saya difahamkan baru ini ada pemberita ada bentangkan satu lagi bukit di Sungai Ara, apa jadi dengan bukit Sungai Ara yang dikatakan bukit ini juga sedang diteroka untuk sesuatu projek dan ramai pemberita yang pergi ke situ untuk melihat keadaan sebenarnya. Ini juga menimbulkan tanda tanya kepada kita bagaimana bukit sedang bukit botak belum selesai lagi kita dibentangkan dengan bukit di Sungai Ara.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Saya minta EXCO yang berkenaan untuk menjawab, saya ingin merujuk Dewan kepada beberapa keratan akhbar oleh *The Star* laporan dan pandangan oleh badan-badan bukan kerajaan, *Saturday*, 23 April 2016, "*true picture exposed*" bukan kecil cukup besar, eksklusif, cukup besar, "*the board catches on the slope of Penang Hill of all the hill*", *Penang Hill* ini adalah satu warisan satu produk pelancongan yang sepatutnya dipelihara tetapi turut diterokai tanpa sebarang pemantauan. Kemudian

ada lagi, yang ini saya hendak “*secret in the hills*” *The People's paper*, Sunday, 1 Mei 2016, “*another massive hill slope in Penang has encrypt bear of several years by even grillches nearby in the notice because the activity is mark by lash greenery and holding 30 hectar size close to Teluk Bahang dam is visible on*” jadi disini tuan – tuan Ahli Yang Berhormat saya percaya setiap laporan yang didedahkan tentulah mempunyai sebabnya yang tertentu saya dah bangkitkan isu-isu penggondolan ini dah lama dan saya harap sangat supaya ianya tidak menjadi kudis kepada Negeri Pulau Pinang. Sebagaimana yang saya sebut tadi bila berlaku sesuatu pembotakan secara haram hukuman yang kita boleh kenakan termaktub, kita dah ada akta kita hanya memperuntuk sebanyak itu sahaja. Hukuman minimum RM30,000 maksimum RM50,000 tidak boleh lebih, tetapi harga kena bayar, harga yang Kerajaan Negeri kena bayar. Lebih banyak lagi kawasan yang perlu diterokai digondolkan untuk kerja mitigasi sekiranya perlu. Jadi saya harap sangat supaya benda ini dapatlah kita sama-sama dengan niat yang baik kita sama-sama memastikan ianya tidak lagi berulang.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan, terima kasih Bertam kerana memberi laluan dan saya tertarik juga dengan perdebatan Bertam dan ingin ambil bahagian saya dapati juga saya ada surat khabar juga *The Star* hari ini pagi ini sahaja “*logging out a forest reserve*” ini semua kena tebang tadi *front page* ada hijau sikit lagi ini semua tebang habis. Ulu Muda *forest reserve* di Kedah kena tebang “*thousand of trees have been felled and the lorries are transporting the logs*” daripada yang sebesar 30 *football fields*, Ulu Muda. Kenapa Ulu Muda penting? Ulu Muda adalah *forest reserve* yang membekalkan air kepada Sungai Muda kemudian membekalkan air kepada Pulau Pinang. Saya rasa ini adalah persoalan persekutuan, jadi saya setuju dengan Bertam peruntukan undang-undang tidak mencukupi hanya sekadar denda begitu sahaja. Peruntukan Undang-undang Persekutuan yang amat tidak mencukupi dari segi perhutanan. Ulu Muda *latest* kes, Perbadanan Bekalan Air tidak ada. Nanti minta EXCO kena jawab. Saya rasa Kerajaan Negeri kena ambil satu pendirian bukan sahaja di tebang sikit-sikit tapi tebang banyak di Kedah. Di Cameron Highland yang kita sudah kata begitu yang pernah saya kata Cameron Highland. Di Sarawak saya nampak juga tebang begitu sahaja berhektar-hektar tanpa kawalan yang rapi. Oleh itu, adalah masalah Persekutuan yang perlu diperketatkan Undang-undang Persekutuan samada kata perhutanan dan perundangan sebagainya perlu dikemaskini perlu diberikan perhatian yang amat serius saya kena amat puji *The Star* dia memang *pro-environment* sehingga pagi ini saya baca minum kopi baca pun saya nampak hutan di Ulu Muda Kedah ditebang habis lebih jauh lebih serius daripada bukit botak jauh lebih serius kalau dari segi saiz dari segi kapasiti. Oleh itu, adakah setuju bahawa Bertam berikan tekanan kepada rakan Menteri Barisan Nasional Menteri sendiri bahawa satu perubahan dari segi undang-undang perhutanan perlu dibuat di Parlimen.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Yang Berhormat Air Itam, saya apabila bercakap tentang pembotakan bukit di Pulau Pinang ia juga membawa ke seluruh Malaysia tetapi apabila kita berdebat dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tentulah fokus kita kepada Negeri Pulau Pinang. Tetapi secara peribadi kalau ditanya saya bersetuju dengan apa yang terjadi di Cameron Highland, di Kedah dan sebagainya tentulah saya salah seorang yang menentang sebarang bentuk pembotakan penganiayaan kepada hutan - hutan kita.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Bertam. Terima kasih. Satu isu yang sangat menarik YB. Dato' Speaker, untuk pengetahuan YB. Bertam bahawa sebenarnya Pulau Pinang mempunyai masalah untuk memantau hutan-hutan kita lemah kerana dalam Laporan Audit 2014 yang baru diterima, saya baca 2.4.3.2 Laporan Audit antara 8 Jun hingga 12 Julai 2015 terhadap 31 lot yang diberi notis mendapati lima (5) pemilik lot tanah masih menjalankan kerja-kerja tanah walaupun notis dikeluarkan pada Ogos 2014 hingga Mac 2015. Ini bermakna memang banyak, ini dikenalpasti 31 lot dan lima (5) orang ini masih menjalankan aktiviti walau pun dah diberi notis. Setujukah YB. Bertam bahawasanya Kerajaan Negeri selain dikenakan penalti tapi Kerajaan Negeri sepatutnya melakukan pemantauan berterusan dan pastikan tidak ada lagi bukit-bukit dibotakkan sepertimana yang ditunjukkan dalam gambar-gambar Laporan Audit ini. Ini adalah laporan yang serius, YB. Bertam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya bersetuju Pulau Betong. Selain daripada hukuman yang dikenakan walaupun kita faham hukuman yang tidak setimpal tetapi Kerajaan Negeri perlulah mengambil tindakan yang proaktif bagi memastikan kejadian sebegini tidak berlaku sebab bila didedahkan oleh surat khabar oleh wartawan dan sebagainya, keluasan yang telah digondolkan ada dari skala yang kecil dan skala yang besar bukan dibuat pada satu malam tapi telahpun berbulan dan ada juga yang bertahun. Saya juga minta kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil kira pandangan-pandangan bukan sahaja daripada kami Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli orang-orang politik tapi mengambil kira pandangan-pandangan NGO-NGO yang ada di Pulau Pinang seperti yang kita tahu ada *The Chan Group* dan juga CAP Pulau Pinang dan sebagainya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Boleh saya beri satu cadangan YB. Pulau Betong. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita cadangkan untuk beli sebiji helikopter untuk digunakan oleh Kerajaan Negeri supaya Yang Berhormat sendiri, saya sendiri pun boleh naik sekali sekala untuk melaksanakan....(gangguan). Ini saya nak beri pandangan saja, Yang Berhormat. Saya nak beri pandangan sahaja. Janganlah minta benda-benda yang tak baik berlaku pula. Mungkin itu adalah cara yang paling efektif untuk kita memantau sekali sekala. Untuk makluman juga di KOMTAR pun ada *helipad*. Jadi EXCO berkenaan boleh naik helikopter daripada KOMTAR...(gangguan). Tidak ada lagi dah, okey. Tapi cadangan itu adalah cadangan yang lebih baik untuk kita memantau bukit bukau di Pulau Pinang dari masa ke semasa. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Apa penjelasan YB. Bertam...(gangguan). Saya bersetuju dengan Seri Delima tapi saya rasa Kerajaan Negeri duitnya banyak tapi kita kena berjimat sebenarnya. Selain daripada menggunakan helikopter, kita boleh menggunakan unit dron, untuk pelan MPSP dan MBPP. Ini mudah dan murah sebenarnya. Dan saya setuju kita kena buat pemantauan bersekala dan berterusan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya berterima kasih sebenarnya apabila Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada kedua-dua pihak menunjukkan minat mendalam tentang perkara ini cuma berkenaan pembelian helikopter satu cadangan yang baik tapi kalau nak suruh saya naik tunggu *sky cab* lah, banyak berlaku kejadian yang melibatkan helikopter kebelakangan ini. YB. Dato' Speaker kata tunggu *skin*? Dulu walau pun menyakitkan hati tapi saya hormat Dato' Speaker, saya tidak akan menjawab sebarang pertuduhan menjadi prinsip saya untuk menghormati Dato' Speaker walaupun ditegur macam mana pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat sikit saja, cadangan saya ini adalah untuk membeli helikopter baru, bukan seperti kapal selam *second hand*. Kita beli helikopter baru supaya pastikan keselamatan untuk semua. Terima kasih.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan Yang Berhormat. Saya nampak YB. Seri Delima suka membazir. Lebih baik duit helikopter itu guna buat *mitigation* yang berjuta-juta yang kita hadapi. Kalau Yang Berhormat jadi EXCO, Negeri Pulau Pinang boleh bankrap. Saya rasa Ketua Menteri tolong *hold on* hansard ini, jangan cadang tapi saya rasa penggal depan Barisan *take over* balik. Sekarang *problem* macam-macam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bertam, bukit botak masih ada?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Sikit lagi. Berkenaan dengan bukit botak soalan saya berkenaan dengan perancangan di atas bukit berkenaan. Jawapan yang saya terima adalah pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang tidak menerima sebarang permohonan merancang pembangunan di atas bukit berkenaan. Walaupun pihak EXCO tidak mengetahui jumlah yang dibelanjakan oleh pemaju untuk projek mitigasi, saya telah pun dimaklumkan hampir RM20 juta dibelanja oleh pemaju untuk projek mitigasi tersebut. Dan jawapan ini saya terima semasa lawatan saya ke bukit botak tempoh hari. Oleh yang demikian saya amat risau sekiranya pemaju tersebut sanggup membelanjakan wang sebanyak RM20 juta takut dianggapnya RM20 juta ini sebagai pelaburan awal untuk pembangunan di masa hadapan. Memandangkan apabila saya mengajukan soalan kepada wakil pemaju sama ada ada perancangan pembangunan ke atas tanah tersebut, jawapan yang dia jawab kepada saya adalah saya tidak tahu. Bukan kata tidak. Saya tidak tahu. Jadi saya harap sangat-sangat kepada Kerajaan Negeri supaya sebarang perancangan di atas bukit tersebut diberi noktah di sini.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Dewan, baru-baru ini negara kita dikunjungi oleh seorang pendakwah dan penceramah ulung daripada India iaitu Dr. Zakir Naik. Dr. Zakir Naik adalah seorang pendakwah dan seorang penceramah hebat dari India yang sangat mahir dalam bidang perbandingan agama dan namanya sangat masyhur. Walau bagaimanapun kedatangan beliau ke Kuala Lumpur, kedatangan beliau ke Malaysia untuk mengadakan beberapa sesi ceramah tidak terlepas daripada kontroversi. Ada pihak mengatakan kehadiran beliau tidak boleh dibenarkan sama sekali malah beliau harus diusir pulang tidak kurang yang menyokong kehadiran beliau. Ada yang mengatakan bahawa arahan pembatalan program Dr. Zakir sebagai bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya sebenarnya berdiri dalam Dewan pada hari ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Mufti Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Dato' Dr. Wan Salim bin Wan Mohd. Noor, yang begitu tegas menyatakan kesediaan beliau untuk menjemput Dr. Zakir Naik untuk memberi ceramah di negeri ini.

Apabila saya terbaca apa yang menjadi ungkapan yang keluar daripada mulut seorang Mufti, saya merasakan bahawa dari aspek Islam itu sendiri Pulau Pinang berada di dalam tangan yang betul. Tanpa ada sebarang takut *without fear of favour* Mufti Pulau Pinang bangun menyatakan pendirian beliau bahawa antara yang disebut oleh beliau yang telah pun dilaporkan oleh surat khabar bertarikh 13 April 2016 surat khabar Sinar. Menurut Mufti, beliau mahu masyarakat Islam sendiri mendengar tentang lontaran idea bernas tokoh perbandingan agama yang sangat dikagumi di peringkat antarabangsa. Kalau ikut kehendak saya, memanglah saya sangat seronok untuk mengajaknya berceramah di Pulau Pinang. Memang amat mendukacitakan apabila peluang keemasan itu disia-siakan oleh pihak yang taksub dan fobia terhadap agama Islam. Beliau turut kecewa dengan sesetengah pihak yang dianggap hanya menuruti kehendak individu tanpa membuat kaji selidik. Kita sering diajak berfikir rasional dalam apa jua masalah. Kita yakin akal akan membantu kita mencari penyelesaian yang paling baik. Tetapi saya hairan apabila sampai bab agama suara akal *you think by your head* diketepikan, sebaliknya emosi pula diutamakan. Dato' Dr. Wan Salim turut menyelar golongan-golongan cerdik pandai termasuk kepimpinan negara yang membuat keputusan drastik menghalang kemasukan Dr. Zakir memberi ceramah.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Apabila Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengeluarkan kenyataan begini, saya meletakkannya hampir menjadi fatwa. Apabila ada penceramah yang ingin membicarakan tentang agama dan sebagainya ianya sepatutnya tidak patut dikontroversikan. Hari ini Pulau Pinang di bawah Mufti saya percaya agama Islam akan terus berkembang. Malah tahun sudah apabila dikeluarkan arahan tidak ada lagi ceramah-ceramah yang boleh menggunakan speaker di luar kawasan masjid, cuma Azan dan Iqamat sahaja dibenarkan, pertanyaan diajukan kepada saya, apakah pandangan saya terhadap saranan ataupun arahan tersebut. Arahan yang menyatakan bahawa cuma azan dan iqamat sahaja boleh diperdengarkan menggunakan speaker luar tapi yang lain menggunakan speaker dalaman. Jawapan saya kepada mereka ajukan soalan ini, adakah ini arahan Mufti atau adakah ini Majlis Agama Islam. Kalau Majlis Agama Islam ada lagi satu pihak untuk kita pertanyakan. Andai kata soalan ini bila ianya datang daripada Mufti tentulah ini adalah sesuatu yang perlu kita hormati.

Berbalik kepada Dr. Zakir Naik, saya percaya kehadiran beliau bukanlah kali terakhir dan beliau akan terus dijemput untuk memberi ceramah di negara kita. Cuma saya percaya bahawa kekeliruan timbul memandangkan bahawa andai kata menghadiri ceramah-ceramah beliau, yang beragama lain akan terus memeluk Islam. Saya rasa ini adalah pandangan yang cukup-cukup cetek. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ceramah Dr. Zakir Naik di Stadium Hoki Bukit Jalil yang hadir menghadiri

ceramah beliau adalah seramai 30,000 orang. Durian Tunggal, Melaka 20,000 orang. Terengganu 30,000 orang. Sebagai contoh, Stadium Bukit Jalil 30,000 yang hadir, tujuh orang di akhir rancangan memeluk Islam. Saya ingin menyatakan bahawa di sini, sekiranya tuan-tuan selidik latar belakang individu-individu yang memeluk Islam itu adakah mereka memeluk Islam setelah mendengar ceramah selama tiga (3) jam, tidak. Saya nak beri contoh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya kerana perkara ini amat penting untuk saya perjelaskan di dalam Dewan supaya ianya tidak menjadi isu di kalangan kita yang dikatakan takut menghadiri program ceramah Dr. Zakir kerana ia dapat mempengaruhi orang yang bukan Islam menjadi Islam dengan begitu pantas. Itu silap.

Sebagai contoh, pelajar UTEN ini adalah dalam Berita Harian 19 April 2016 pelajar UTEN kongsi kisah bagaimana hati tertarik kepada agama suci. Pelajar ini tuan-tuan telah pun mengkaji Islam selama tiga (3) tahun. Sendiri tertarik kepada agama Islam selama tiga (3) tahun akhirnya pada malam tersebut beliau berkesempatan untuk hadir ceramah tersebut dan ada satu dua soalan yang bermain dalam fikiran beliau yang tidak dapat dijelaskan oleh mana-mana pihak dan dapat dijawab oleh Dr. Zakir, itu sahaja. Sebab cintanya kepada agama itu dah ada, selama tiga (3) tahun dan saya ambil contoh yang kedua ini berlaku di Terengganu, kalau tadi kita ada 30,000 orang, yang hadir cuma tujuh (7) orang yang masuk Islam, di Terengganu pula seorang pelajar Cina, pun masuk Islam pada malam tersebut 20,000, 30,000 dia seorang yang masuk Islam. "Saya mula mendalami Islam sejak berusia 13 tahun dengan bantuan rakan-rakan dengan membuat rujukan sendiri kerana berasakan sesuatu yang istimewa dalam agama ini".

Ahirnya apabila beliau hadir di dalam program Dr. Zakir Naik, benda yang beliau belajar, beliau dah cintakan Islam selama 6, 7 tahun ini, akhirnya terlerai pada malam tersebut. Jadi apa yang saya katakan di sini adalah andai kata, saya faham di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Perai seorang Hindu yang kuat beragama, YB. Seri Delima, malah YB. Bagan Dalam begitu juga Yang Berhormat–Yang Berhormat yang lain yang kekal dengan *your own faith*, yang beriman dengan agama-agama sendiri, saya percaya ceramah yang tiga (3) jam itu tidak akan dapat mengubah pendirian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Begitu juga di hadapan saya, andai kata ada mana-mana sami, mana-mana paderi yang buat ceramah, saya yakin, andai kata YB. Dato' Jahara yang hadir beliau telah kenal Islam selama ini, tidak pernah pun terlintas dihati beliau untuk mengkaji agama lain, saya tak nampak bagaimana beliau boleh dipengaruhi, begitu juga YB. Dato' Mahmud yang telah menjadi Islam selama 65 tahun. Saya yakin benda-benda ini tak berlaku, jadi saya harap sangat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kita bersatu hati dengan Mufti mengatakan bahawa Dr. Zakir Naik bukanlah satu ancaman dan tidak perlu dijadikan sebagai isu lagi di masa-masa hadapan, dan YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sila.... (gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II :

Mungkin saya seorang yang terlihat dalam kontroversi apabila saya mengeluarkan perkataan yang saya sepatutnya tidak dikeluarkan sepertimana yang telah dijawab oleh YB. Batu Maung telah digugurkan beberapa jam selepas *posting* saya di *facebook*. Saya tidak ada masalah dengan Dr. Zakir Naik, saya tidak ada masalah dengan ceramah tentang agama Islam, kegemilangan agama Islam, saya tak ada masalah sebenarnya, sebab kita di Malaysia ini ada banyak penceramah-penceramah, pakar-pakar Islam seperti bekas Menteri Besar Kelantan yang saya hormati sangat Dato' Nik Aziz, ada banyak lagi penceramah. Yang menjadi masalah ini, bukan masalah saya atau pun masalah ADUN. Di sini ada isu apabila seorang penceramah yang mungkin dapat pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia, saya rasa saya bukan sebenarnya pakar mana-mana agama walaupun saya tahu sedikit lebih tentang agama Hindu yang saya pegang. Tapi apabila seorang penceramah datang dan mungkin itu sama ada tujuan dia atau tidak apabila memperkecilkan agama lain, itu menjadi persoalan, ini bukan yang saya kata *just like that*, bukan saya dengar Hindraf, Hindraf itu mungkin dia persendirian. Apabila saya melihat ucapan-ucapan beliau dalam *video clip* dan sebagainya bukan saya tak buat *research* dan ini yang menjadi masalah kepada Malaysia di mana ada berbilang kaum dan agama ini mungkin sensitif.

Apabila anaknya beri ucapan di Pulau Pinang, kita sendiri Kerajaan Negeri sendiri memberi laluan, masyarakat penyayang supaya dia boleh bincang. *So I don't believe in actually* menyekat seorang *freedom of speech* tapi *freedom of speech* ini bukanlah satu yang mutlak bukan *absolute* dan memang itu ada batasan. Kita tak boleh gunakan hak bersuara supaya kita mempersoalkan sama ada peribadi seorang ataupun agama ataupun kaum dan sebagainya. Saya di Pulau Pinang ini bukan seorang individu, saya yang menjadi Pengerusi Lembaga Wakaf Hindu, dan semasa Dr. Zakir Naik bagi ceramah dan saya rasa isu ini, kita takut bahawa penganut-penganut agama lain akan masuk, itu bukan persoalan ini, bukan di Malaysia ini, selain daripada bukan agama Islam mereka berhak selepas 18 tahun mereka boleh masuk agama lain, itu bukan isu, dan Perlembagaan Malaysia juga memberi kebebasan kepada agama-agama lain cuma *Section 4*.

So jadi dan saya sendiri apabila apa yang saya tidak boleh terima adalah apabila mereka “cop” kan saya sebagai anti Islam, anti *Malay*, saya rasa itu tak betul langsung dan saya tak perlu sebut ini perjuangan saya di Aceh satu kawasan satu *province* wilayah nama yang lain ialah serambi Mekah, dan orang Aceh tak *lable* saya sebagai anti Islam ataupun anti Muslim. Saya memperjuangkan pada tahun 2003 sampai 2005, saya salah seorang saja di Malaysia yang bukan Islam, yang bukan melayu, yang memperjuangkan kemerdekaan GAM. GAM ini memerintah di Aceh, so Yang Berhormat adakah ini label sebagai, tapi memang saya tak setuju dengan Dr. Zakir Naik, dia boleh bersuara, dia boleh dapat sambutan, *actually* itu tak jadi isu pada saya, cuma saya nak habiskan saya membuat penjelasan, so jadi tapi itulah bukan saja dikatakan pendirian saya ini adalah aduan-aduan yang saya bimbang bahawa ini akan mencetus suatu yang kita tak boleh kawal, itu saja, terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih YB. Perai, dan sebagaimana Yang Berhormat Perai jelaskan dalam Dewan, yang YB. Perai bukan anti Melayu, bukan anti Islam yang telah dijawab oleh EXCO Agama, saya percaya benda ini telah pun kita rekodkan dan saya juga nak merujuk kepada laporan akhbar “nafi hina agama lain, cabar pengkritik”, maksudnya Dr. Zakir menafikan beliau menghina agama lain, jadi saya mohon kerjasama YB. Perai andai kata Dr. Zakir datang lagi pada penggal depan ataupun pada bila-bila masa hadirlah ke ceramah tersebut, tanya soalan kepada beliau dan dengar sendiri kalau anaknya dapat kita terima di Pulau Pinang bapanya apa salah nya, selalunya bapa borek anaknya rintik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri 5 minit saja, saya akan tutup...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak minta penjelasan Yang Berhormat berkenaan isu ini sahaja, saya nak tanya, jangan salah faham adakah apa-apa kebenaran dalam laporan surat khabar tentang masalah krisis di Terengganu yang mendakwa bahawa akibat memberikan tiga (3) pulau kepada Dr. Zakir Naik Darjah Kebesaran Menteri Besar Terengganu itu ditarik, saya nak tanya saja, persoalan memandangkan Yang Berhormat telah berbahas atas isu itu, saya nak tanya sama ada benar atau tidak isu ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat Seri Delima soalan tersebut di luar bidang kuasa saya di luar pengetahuan saya dan saya pun harap itu tak benar. Walau bagaimanapun sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya juga ingin....(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II :

Saya telah diundang kepada ucapan Dr. Zakir di Kuala Lumpur saya dijemput, penganjur juga mahu bayar tiket kapal terbang, masa itu saya tak boleh. Saya tidak ada apa-apa halangan untuk jumpa, bincang dengan Dr. Zakir Naik tapi saya rasa yang pertama adalah mesti hormati mereka yang bukan daripada Islam dan saya sendiri mahu cabar, mahu *debate*, saya tak ada masalah, ini bukan menang kalah tidak, supaya kita boleh berkongsi idea, berkongsi idea dan saya rasa dia seorang pakar Islam, saya tidak pertikaikan tapi boleh, kalau boleh saya boleh bincang, boleh *debate*, apa salah, tak ada masalah, tapi itu lah saya rasa apabila kita tahu ini Malaysia ini boleh satu fakta yang diputar belitkan, ini boleh jadi satu isu, yang saya rasa pihak Polis sendiri tidak boleh kawal, itu saja.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih YB. Perai, dan sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya juga ingin memohon kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah EXCO Agama dan Majlis Agama Islam untuk memberi bantuan sewajarnya pada Sekolah-Sekolah Maahad Tahfiz sebagaimana yang telah pun disebut oleh YB. Telok Ayer Tawar ini memandangkan Sekolah-Sekolah Tahfiz di Pulau Pinang dan Seberang Perai berada dalam keadaan yang cukup daif dan saya percaya duit-duit yang kita ada dalam tabungan zakat, Baitulmal dan sebagainya bolehlah digunakan untuk tujuan tersebut kerana pembangunan modal insan melalui maahad tahfiz pada hari ini adalah sesuatu yang telah pun menjadi *trend* yang diterima ramai.

Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih kepada T.Y.T. dan didoakan Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dipanjangkan umur, diberi kesihatan yang baik untuk terus menerajui Pulau Pinang dengan adil dan saksama dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuklah penjawat awam negeri dan juga Persekutuan, angkatan Tentera, angkatan Polis, ahli-ahli Bomba, JPAM, RELA dan semua pihak yang terlibat di dalam memastikan Negeri Pulau Pinang berada di dalam keadaan aman dan damai, *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Hari Guru 2016, ramai juga Yang Berhormat di kalangan bekas guru saya percaya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat dan disambung dalam jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.45 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. YB. Permatang Berangan. Sila.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri., Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam mesra. *Alhamdulillah* setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan inayahnya kita masih terus diberi peluang sekali lagi untuk bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat Kali Pertama Penggal Ke Empat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas.

Terima kasih kerana memberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk membahaskan usul ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama pada petang ini pada Mesyuarat Pertama Penggal Ke Empat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas. Saya merujuk kepada para 40 muka surat 13 ucapan T.Y.T. yang memperingatkan kita Ahli-ahli Yang Berhormat menjaga tingkah laku dan tatacara semasa perbahasan di dalam Dewan dan di luar Dewan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat menjadi contoh ikutan. Marilah sama-sama kita memanjatkan doa, mohon kurnia dan iradatnya hari ini dapat diterjemahkan dalam suasana harmoni, tatatertib dan melalui etika perbahasan. Khususnya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas ucapan perasmian pembukaan persidangan kali ini. Ucapan yang disampaikan bagi semua aspek termasuk Ekonomi, Pelancongan, Industri Pertanian dan Asas Tani, Perhubungan Awam, Mampu Milik, Pemerkasaan dan Sukan, Pembangunan Wanita, Pengurusan Sumber Air, Hal Ehwal Agama dan juga Perkhidmatan Pengangkutan Awam. Saya sebagai wakil rakyat di DUN Permatang Berangan sesungguhnya amat menghargai dan menyahut tinggi cadangan saranan, pandangan, nasihat dan teguran serta buah fikiran bernas Tuan Yang Terutama Tun yang meliputi pelbagai aspek kehidupan rakyat dalam pembangunan negeri.

Selaras dengan perkara tersebut, kami juga ingin mengatakan keprihatinan kami di dalam isu El Nino yang kita telah hadapi mengakibatkan kesan ke atas pembekalan air bersih yang dinyatakan hanya bertahan dalam masa dua (2) bulan sahaja. Walau bagaimanapun, *Alhamdulillah* hujan telah kembali ke Pulau Pinang. Namun begitu, saya ingin mengajukan pertanyaan kepada Kerajaan Negeri tentang langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam menghadapi suasana El Nino yang mungkin berulang. Umum mengetahui jika berlaku El Nino secara berterusan sudah tentu memberi kesan kepada bekalan bahan mentah seperti sayur, ikan dan sebagainya secara langsung dan tidak langsung sudah tentu mengakibatkan kenaikan harga. Oleh itu, penting kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani situasi sebegini. Pada saat ini mungkin El Nino telah pergi tapi bencana banjir pula bakal menggantikan El Nino. Kerajaan Negeri seharusnya peka kepada Kerajaan ini saya amat berharap agar tidak ada lagi banjir-banjir kilat yang melanda Pulau Pinang yang diakibatkan oleh pembangunan yang tidak selari dengan kemudahan infra. Kerajaan Negeri harus akur kepada

kehendak alam semulajadi yang masih memerlukan kawasan hijau, bukit-bukau yang seharusnya tidak dibotakkan. Sesungguhnya kalau kita zalim kepada alam sekitar, tunggulah harinya kita pula akan dizalimi oleh alam sekitar.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya secara peribadi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menjadikan CAT bukan saja slogan tapi sebagai penanda aras dan petunjuk kepada kecekapan integriti, ketelusan dan segala yang berkaitan dengannya. Ini tambah pula dengan kehebatan Y.A.B. Ketua Menteri yang menjadikan Khalifah Umar Abdul Aziz sebagai ikutan. Namun, sebagai Yang Berhormat, saya juga dihujani dengan pelbagai soalan oleh penduduk kawasan saya khasnya tentang KPI atau *Key Performance Index* bagi CAT ini. Kita berhak mengetahui pelaksanaan CAT ini adakah hanya melibatkan slogan semata-mata atau hanya dipraktikkan oleh sebilangan kumpulan tetapi dikecualikan kepada sebilangan kumpulan yang lain? Apakah CAT ini hanya untuk dipraktikkan bagi kelas F tetapi jika melibatkan projek yang mega maka CAT hanya tinggal slogan yang tidak dipraktikkan. Jika CAT ini betul-betul dilaksanakan sudah tentu tiada isu bukit yang dibotakkan sewenang-wenangnya. Jumlah kos bagi projek-projek tertentu tidak melambung tinggi seperti projek CCTV yang kosnya meningkat hingga RM77,000 bagi setiap CCTV serta beberapa isu lain yang sedang hangat diperbahaskan sekarang. Jika CAT dipraktikkan tanpa memilih bulu dan kasih, sudah tentu tidak wujud tangan-tangan ghaib yang menggunakan nota-nota sokongan kepada pegawai kerajaan sudah tentu tidak wujud surat rujukan dari mana-mana pihak jika Khalifah Umar Abdul Aziz dijadikan ikutan. Sudah tentu tidak wujud isu pemberian tanah kepada pihak-pihak yang berkepentingan kerana Khalifah Umar Abdul Aziz tidak pernah menyalah guna kuasa beliau dengan membuat keputusan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan Yang Berhormat. Saya cuma hendak tanya sama ada Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang kukuh untuk menyokong perbahasan Yang Berhormat tentang pemberian tanah kepada pihak-pihak tertentu dan sebagainya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Kalau hendak ditanyakan bukti, saya tentu ada bukti-buktinya tetapi di sini saya tidak ingin membincangkan. Ini saya bincangkan sedikit saja berkenaan dengan isu Khalifah Umar Abdul Aziz.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan Yang Berhormat tujuannya kerana Yang Berhormat sekarang membuat tuduhan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Saya tidak buat tuduhan saya cuma menyatakan jika Khalifah Umar Abdul Aziz jadi ikutan... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tentang nota-nota yang diberikan kepada pegawai-pegawai tertentu dan pemberian tanah kepada pihak-pihak tertentu itu merupakan satu tuduhan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Nota-nota tertentu diberikan bukan sahaja semasa zaman pemerintahan CAT, zaman dulu pun ada.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Oh, zaman dulu pun ada?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Dulu pun ada.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dulu memang ada. Saya setuju tapi sekarang memang tidak ada.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Kalau tidak ada okey.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tujuan saya adalah untuk meminta dalam Dewan yang mulia ini, tempat yang terbaik untuk mengemukakan bukti secara terbuka kalau benar ada bukti.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Tidak mengapa, saya akan kemukakan bukti.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Saya akan tunggu.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Tadi Yang Berhormat kata, kontrak-kontrak besar tidak mengikut *principe, open tender*. Bolehkah Yang Berhormat beritahu mana yang tidak ikut. Jangan buat suatu alasan macam ini, *I mean sweeping statement....(gangguan)*.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Saya mengatakan jika Khalifah Umar Abdul Aziz diikuti secara betul maka tidak akan wujud surat-surat ghaib itu. Kalau diikuti dengan secara betul. Kalau tidak ikut dengan betul akan wujud perkara-perkara sebegitu tetapi saya tidak menuduh mana-mana pihak yang menjalankan kerja-kerja sebegitu. Saya cuma kata sahaja Umar Abdul Aziz ini kalau dia buat perkara-perkara ini adalah mengikut aturan-aturan tertentu. Jadi, saya tidak menuduh mana-mana pihak. Khalifah Umar Abdul Aziz tidak pernah menyalahgunakan kuasa beliau dalam membuat keputusan. Khalifah Umar Abdul Aziz tidak pernah menggunakan lampu untuk yang dibiayai rakyat untuk kepentingan peribadi. Persoalan tanah Pulau Pinang sehangat harga dan pasaran termasuk juga tanah bukit yang dibotakkan. Laut yang ditambun dengan tanah. Tanah yang diberikan sewenang-wenangnya kepada individu tertentu walaupun hanya ingin bangkitkan isu tanah yang dikhaskan untuk pembangunan sekolah oleh pemaju-pemaju. Adakah kolej yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pemaju menyediakan tanah untuk sekolah dan adakah tanah-tanah ini telah dibangunkan dengan sekolah atau sebaliknya?

Saya juga berminat untuk mengetahui lokasi tanah tersebut serta jenis-jenis atau kategori sekolah yang akan dibangunkan. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, hari ini Kerajaan Negeri tidak seharusnya mengenakan syarat-syarat yang terlalu ketat kepada agensi Persekutuan terutama dalam PERDA dalam usaha PERDA untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang. Saya menyambut baik dan memuji saranan YB. Datok Keramat memberi ruang dan untuk membincang kepada PERDA menyelesaikan isu ini. Seterusnya mendapat persetujuan Kerajaan Negeri untuk membina perumahan rakyat dengan persetujuan bersama. Antara syarat jelas yang dikenakan apabila melibatkan tanah-tanah yang dibuat oleh pengambilan balik oleh PERDA. PERDA diwajibkan untuk membuat rumah-rumah mampu milik sahaja dan lebih-lebih lagi harga bagi rumah-rumah ini ditentukan oleh Kerajaan Negeri dengan alasan bahawa PERDA memperolehi tanah tersebut secara percuma. Walaupun tanah-tanah yang dimiliki oleh PERDA kebanyakannya adalah melalui pembelian balik tetapi PERDA masih wajib membayar kos tersebut. Dalam erti kata lain dan masih perlu membayar kos tanah yang diambil oleh pihak Kerajaan dan bukannya percuma tanpa apa-apa bayaran yang disangkakan. Mestilah membayar mengikut *market price*. Walau bagaimanapun PERDA terus komited dalam membangunkan tanah miliknya untuk didirikan rumah mampu milik. Terima kasih YB. Datok Keramat dan Y.A.B. Air Putih kerana masih mahu mendengar masalah ini. Walau bagaimana pun saya mohon penjelasan Kerajaan Negeri berkaitan dengan polisi Kerajaan Negeri, berkaitan tanah pengambilan balik dan memberikan kepada agensi seperti PERDA dan PDC. Adakah syarat ini hanya melibatkan....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi laluan. Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Permatang Berangan. Tadi saya tunggu dalam ucapan bila Yang Berhormat sebut tentu kena ikut contoh yang diamal oleh Khalifah Umar Abdul Aziz khususnya pesanan baginda untuk amal makruf nahi mungkar. Di sini, demi mengikut titah baginda agar amar makruf nahi mungkar adalah dengan mengadakan tender terbuka. Dari segi penjualan tanah oleh pihak Kerajaan Negeri kita amalkan tender terbuka. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa kita bagi tanah kepada individu-individu tertentu. Bolehkah bagi satu, dua contoh supaya kami boleh rujuk kerana bila kita buat secara tender terbuka macam mana boleh bagi kepada individu-individu tertentu kerana penjualan berdasarkan harga tawaran yang paling tinggi dan bukan berdasarkan individu-individu tersebut. Ini satu, memang kami setuju amal makruf nahi mungkar. Kami harap juga bahawa pihak Kerajaan Persekutuan pun sama-sama ikut sistem tender terbuka kerana mereka tidak mengikut tender terbuka. Tadi sebut Kelas F, Kelas F pihak Kerajaan Negeri sekarang mengamalkan sistem tender terbuka dan ia disokong oleh semua Kontraktor kelas F kerana mereka rasa ini lebih adil dan bagi peluang yang sama kepada semua Kontraktor Kelas F dan projek-projek saya ingat Yang Berhormat tahu, tidak kurang. Ini yang pertama.

Kedua, tadi Yang Berhormat sebut ini yang saya harap kita boleh bagi bukti kerana kalau ada bukti sebegini tentu pihak Kerajaan Negeri boleh ambil tindakan. Kedua ialah tentang PERDA. PERDA saya rasa Yang Berhormat sendiri pun tahu Yang Berhormat pun pernah jumpa sama saya tentang projek yang dijalankan dan memang Kerajaan Negeri pun menimbangkan permohonan yang dibuat oleh Yang Berhormat tetapi apabila Projek PERDA ini ada masalah bila tanah rakyat diambil untuk bina rumah rakyat tetapi tidak dijalankan untuk bina rumah rakyat sebaliknya bina rumah mewah. Sampai YB. Pulau Betong pun *sound*, apabila dekat PERDA *there is PERDA or JKP? PERDA kan?* dalam kawasannya nak bina sampai 500, 10 ribu ringgit. .(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

PR1MA.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Oleh PR1MA...(gangguan) bukan tanah PERDA. *Okey, right*. Saya betulkan tapi yang PERDA ini RM1.8 juta.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ada berapa buah? Ada berapa buah RM1.8 juta?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti itu YB. Datok Keramat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ada satu saja Yang Amat Berhormat. Ulang ini sudah berapa tahun benda yang sama. Satu biji saja. Tidak ada skrap dah pun tidak ada lagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, tapi kalau satu biji pun itu harganya. Macam kalau ada empat isteri, empat isteri juga. Sama juga.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Amat Berhormat, tunggu. Teguran telah di buat, pandangan diambil kira dan tidak ada lagi. Isteri tidak boleh cerai tapi rumah boleh *design* pula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Isteri mana tidak boleh cerai. Boleh.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tidak sayang kalau begitu lain kalau DAP hendak ceraikan yang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tahu Yang Berhormat tidak ada itu tidak jadi masalah so sekarang ini kerana bantahan yang dibuat. Tetapi tak dijalankan untuk bina rumah rakyat, sebaliknya bina rumah mewah, sampai yb. Pulau Betong pun *sound* apabila dekat, *there is* PERDA or JKP? PERDA kan? Dalam kawasannya nak bina sampai RM500,000? RM10,000?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

PR1MA. PR1MA.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Oh, *there is* PRIMA?. Bukan tanah PERDA? Okey baik. Ini saya betulkan. Tapi yang PERDA ini tak salah saya RM1.8 juta.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ada berapa buah tu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti itu Yang Berhormat Datok Keramat (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Satu sahaja(gangguan). Ulang ini dah berapa tahun dah benda yang sama. Satu buah sahaja. Dah *scrap* pun sekarang tak ada lagi dah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi kalau satu buah pun, itu harganya. Macam kalau ada empat (4) isteri, empat (4) isteri juga, sama juga.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Teguran telah dibuat, pandangan telah diambil kira, dah tak ada lagi dah. Isteri tak boleh cerai, tapi rumah boleh *re-design* semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Isteri mana tak boleh cerai? boleh.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak sayang la kalau macam tu. Lain la kalau DAP nak ceraikan yang lain....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi saya tahu Yang Berhormat ada, itu tak jadi masalah. Jadi yang sekarang ini, kerana bantahan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri menerusi Yang Berhormat Datok Keramat, itu sebab harga ini dikaji semula. Ini menjadi isu, mengapa perkara-perkara ini perlu dibincang semula kerana isu-isu sedemikian. Saya harap YB. Permatang Berangan boleh faham. Ini ikhlas daripada Kerajaan Negeri.

Sekiranya Kerajaan Negeri sendiri tak bawa perkara ini, maka rumah yang dibangunkan oleh PERDA akan dijual dengan harga RM1.8 juta. Oleh kerana kita bawa perkara ini, baru ia dikaji semula supaya dikurangkan. Saya rasa itulah sebab utama yang satu lagi isu ialah berkaitan dengan penjualan tanah PERDA dekat SPS. Di mana telah dibangkitkan bahawa ia telah dijual dengan harga lebih murah. Saya rasa itu pun isu akan dipersoalkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sekiranya bila mereka bantangan projek untuk bina 27 buah kedai seperti yang disebut oleh YB. Jawi, macam mana kita boleh berikan kelulusan bila tujuan asal tanah ini diambil daripada rakyat ialah untuk bina rumah PERDA tapi yang kita lihat di sini tiada rumah PERDA, sebaliknya rumah kedai. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya tak mahu menyentuh isu yang terakhir ini ialah isu penjualan tanah oleh PERDA kepada pihak tertentu kerana isu itu saya merasakan bahawa telah diambil ditangani oleh SPRM dan biarlah SPRM menjalankan siasatan yang terperinci dan keluaran satu keputusan yang terbaik dan jika salah, salah lah. Serupa juga, jika Taman Manggis itu salah, salah lah. Jadi kita tak mahu, kalau kata Yang Amat Berhormat menuduh bahawa pengurusan PERDA terutama Dato' Shahbudin menjual tanah itu dengan berlakunya *hanky panky*, kita akan dakwa dia. SPRM akan dakwa dia, SPRM tengah siasat ini dan telah mengambil *statement-statement* dan sebagainya. Kita harap, siasatan SPRM itu akan menyelesaikan masalah isu-isu samada Taman Manggis ataupun taman yang di buat di SPS itu. Jadi kita tak mahu memanjangkan cerita itu, kita berbalik kepada syarat-syarat yang dikenakan kepada PERDA sahajakah? Tanah-tanah yang diambil oleh PERDA itu untuk mengadakan rumah mampu milik atau dikenakan kepada PDC, UDA dan sebagainya. Jadi kita nak tahu juga lah tu. Jadi, YB. Dato' Speaker dan Ahli Yang Berhormat...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tanah-tanah yang jual pada individu, siapa individu itu? tadi Yang Berhormat sebut bahawa kita jual tanah-tanah kepada individu, siapa individu itu?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Tak apa Yang Berhormat. Saya minta saya akan buktikan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah berjaya menyediakan rumah kos rendah dan rumah mampu milik kepada penduduk sebanyak 8,092 unit seperti yang didakwa sejak tahun 2008. Banyak. Saya rujuk kepada jawapan bertulis soalan saya no.10 yang menyatakan secara terperinci jumlah projek rumah yang dimajukan oleh Kerajaan Negeri. Saya terpancang Taman Perda JKP pemaju swasta sahaja yang dimasukkan dalam senarai 8,092 unit rumah itu. Tetapi pihak PDC tidak ada pun mengeluarkan sebilik rumah yang dibuat olehnya. Jadi, saya ingin penjelasan semasa dalam pengguguran nanti lah. Berilah butiran yang sebenar, berapa unit rumah Kerajaan Negeri sejak memerintah buat. Bukan senarai projek-projek swasta, Perda, JKP, UDA, Bertam Properties dan sebagainya dan dikira sebagai 8,092 unit itu sebagai projek yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Agak-agaklah sama. Kalau Kerajaan Negeri buat, Kerajaan Negeri lah. Kalau PERDA buat, PERDA lah. Tengoklah, Bertam Properties buat pun nak kira Kerajaan Negeri, kalau UDA pun Kerajaan Negeri, kalau PERDA pun Kerajaan Negeri. Tapi, penyediaan itu adalah dibuat oleh PERDA tapi kita sama-samalah buat untuk rakyat. Janganlah *claim* Kerajaan Negeri buat semua itu. Saya tanya berapa banyak rumah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri? jawab dia 8,092 unit tapi benarkah 8,092 unit itu? sebab dimasukkan juga Taman Perda Indah, Taman Akasia dibuat oleh JKP, Taman Merbau Jaya juga dibuat oleh JKP dan sebagainya. Jangan mengelirukan rakyat dengan angka.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Boleh saya beri penjelasan kepada jawapan tersebut. Kalau kita semak kepada jawapan itu, kalau saya tak silap ia menyatakan ini adalah angka rumah-rumah kos rendah atau rumah mampu milik *type A* sekarang dan kos sederhana rendah rumah mampu milik *type B* sekarang yang dibina akibat dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sekiranya kita di Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiada dasar di bawah Rancangan Struktur Negeri iaitu keperluan dan kehendak sesuatu pembangunan itu mematuhi komponen pematuhan pembinaan rumah-rumah jenis sebegitu, maka 8,092 dan 8,170 ini tak akan wujud. Ia wujud kerana satu dasar yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang mengkehendaki pemaju-pemaju dalam apa-apa pembangunan mesti patuhi *percentage compliance* untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang mana secara lazimnya is 30% of component pembangunan. Jadi itulah kalau kita lihat pada jawapan, memang dinyatakan secara terperinci.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Terima kasih Datok Keramat kerana memberi jawapan itu. Sebenarnya, polisi 30% daripada rumah kos rendah itu mesti dibina itu memang telah ada semasa zaman Barisan Nasional lagi. Bukan sejak Kerajaan Negeri yang memerintah kini. Kerajaan Negeri hanya meluluskan sahaja dasar-dasar itu, yang saya tanya ini Kerajaan Negeri yang buat selama ini berapa banyak? Tapi jawapannya ialah Kerajaan Negeri tak buat, Kerajaan Negeri cuma membuat melalui dasar-dasar, yang buat pemaju-pemaju swasta, pemaju PERDA, JKP dan sebagainya sahaja. Saya secara jujur ingin nyatakan bahawa PERDA benar-benar komited membantu rakyat dalam soal perumahan. Setakat ini PERDA telah membina 11,422 unit rumah pelbagai kategori. Angka 15,000 hingga 300,000. Kategori rumah adalah seperti berikut:

Saya bacakan, "Rumah kos rendah di Daerah SPU telah pun dibina oleh PERDA sebanyak 329 unit. SPS sebanyak 148 unit. Daerah Barat Daya 232 unit, semuanya berjumlah 709 unit. Dari kos rendah ialah 1,108 unit di Daerah SPU, 2405 unit di SPT, 333 di Daerah SPS, 1,056 unit di Daerah Barat Daya, berjumlah semuanya 4,906 unit. Kos sederhana rendah, 1,091 unit di SPU, 754 di SPT berjumlah semuanya 945 unit. Kos sederhana 1,947 unit di SPU, 1,896 unit di SPT, 334 di SPS, 685 di Daerah Barat Daya, berjumlah 4,862 unit. Jumlah keseluruhan dibuat rumah di SPU ialah 3,575 unit, di SPT ialah 5,059 unit, di SPS ialah 819 unit dan di Daerah Barat Daya 1,973 unit berjumlah keseluruhan dibuat oleh PERDA, telah pun diduduki adalah sebanyak 11,422 unit.

Projek-projek yang sedang dilaksanakan mengikut lokasi, Projek Sungai Bakap di SPS, kos rendah 72 unit, kos sederhana 218 unit berjumlah 290 unit. Taman Perda Indah, Kubang Menerong SPU, 203 unit, kos sederhana rendah 720 unit berjumlah 928 unit. Pala Place Teluk Bahang, kos rendah 100 unit, lain-lain iaitu kondominium sebanyak 218 unit semuanya berjumlah 318 unit. Taman Desa Ara, dalam kawasan Dun Permatang Berangan SPU, 172 unit kos rendah, 368 unit kos sederhana, semuanya berjumlah 546 unit. Jadi, keseluruhan dalam pelaksanaan adalah sebanyak 2,072 unit".

Inilah komitmen PERDA yang ditunjukkan melalui angka-angka perumahan ini, jadi tidak ada sebab mengapa PERDA tidak menjalankan tanggungjawabnya untuk membantu rakyat sebagaimana yang didakwa oleh ADUN Jawi kita.

Saya teruskan dengan penyampaian perkhidmatan. Tugas dan tanggungjawab kerajaan sesebuah negeri yang utama ialah membawa pembangunan dan kemakmuran kepada negeri serta dapat menjamin keamanan kepada rakyat. Justeru, saya menyeru kepada pegawai kerajaan terutama yang melibatkan perundangan, harus cekap menangani masalah. Satu isu yang saya ingin mendapat kepastian berkaitan masalah MPSP yang menyaman pihak penganjur semasa Program CTC yang telah mendirikan khemah di Lorong Komersial 2, Pusat Komersial Tasek Gelugor dalam DUN Permatang Berangan. Pada acara tersebut, diadakan bersama Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan MPSP turut hadir membuka *booth* perkhidmatan kepada orang ramai di samping menyediakan pokok-pokok bunga hiasan untuk majlis pembukaan. Majlis tersebut juga dihadiri oleh pemimpin-pemimpin negeri termasuk YB. Dato' Seri Farizan, Setiausaha Kerajaan Negeri. Keesokan harinya, penguatkuasa datang, MPSP datang menyaman dengan alasan menghalang lalulintas. Saya pohon kejadian ini tidak akan berulang lagi kerana kawasan jalan dan parkirnya belum lagi disahkan oleh JKP untuk MPSP untuk diselenggara. Saya merujuk kepada soalan bertulis saya nombor 8, oleh pemaju. Soalan saya nombor 8 ini dijawab bahawa pemaju boleh disaman, tapi ini pihak penganjur disaman. Saya ingat perkara ini tidak berlaku, tambah-tambah lagi ini adalah acara yang disertai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Berbalik kepada keadaan cuaca tidak menentu yang kadang panas dan kadang hujan. Jika hujan, banjir akan berlaku. Jika panas keterlaluan, kebakaran pula akan menjelma. Jika tidak di kawasan bandar terutama kawasan perumahan yang lengkap dipasang paip Bomba, walau bagaimanapun, paip Bomba amat jarang di kawasan-kawasan luar bandar dan kampung-kampung. Adalah satu yang penting bahawa untuk memastikan bahawa paip-paip Bomba juga dipasang di kawasan kampung-kampung. Oleh itu saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan butiran berkaitan kemudahan paip Bomba di kawasan kampung. Jumlah kampung atau kawasan yang disediakan kemudahan paip Bomba dan berapa banyak paip Bomba yang dipasang di kawasan kampung bagi memastikan kebanyakan kebakaran dapat dikawal pada peringkat awal maka kemudahan pasukan Bomba Sukarela juga dilihat dapat memainkan peranan. Oleh itu, saya mohon agar Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khas untuk Bomba Sukarela diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar.

YB. Dato' Timbalan Speaker, sebagai seorang muslim, zakat adalah merupakan kewajipan setiap individu dan zakat juga mempunyai pelbagai jenis zakat. Tidak kira yang berbentuk individu seperti zakat fitrah ataupun bentuk perniagaan seperti zakat perniagaan, emas dan sebagainya. Oleh itu adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri antaranya, amnya dan pihak Majlis Agama Islam khususnya untuk menjelaskan kepada pengeluar zakat tentang jumlah kutipan zakat dan mengatakan secara tulus kepada semua pihak, kepada semua asnaf-asnaf agar tidak timbul spekulasi atau fitnah yang mengatakan bahawa zakat telah disalurkan kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Saya juga ingin mengetahui berkaitan dengan wakaf sama ada Majlis Agama Islam masih menerima wakaf dari pewakaf yang terkini wakaf serta butiran berkaitan dengan pewakaf cadangan yang diwakaf dan lain-lain, jika dilihat pada hari ini hanya terdapat satu sahaja tanah wakaf yang dimajukan di Seberang Perai iaitu wakaf Sitte Aishah dan sedangkan masih terdapat banyak tanah wakaf yang terbiar tanpa dibangunkan atau diusahakan. Jadi MAIPP seharusnya memikirkan cara terbaik untuk memanfaatkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang, lebih baik sekiranya Kerajaan Negeri mengeluarkan data terkini tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang dengan menyertakan butiran berkaitan keluasan, nilai semasa sama ada tanah tersebut didiami atau sebaliknya dan butir selain yang berkaitan. Seterusnya saya juga sering kali hadir di Masjid di dalam dan di luar kawasan KADUN Permatang Berangan dan adakalanya khutbah jumaat yang disampaikan oleh khatib bertugas boleh menyebabkan perpecahan dikalangan anak qariah. Oleh itu saya merasakan perlunya MAIPP untuk mengawal teks-teks khutbah yang dibaca dan saya ingin bertanya jika teks-teks khutbah di semua Masjid di Pulau Pinang adakah disediakan oleh MAIPP dan jika disediakan oleh MAIPP, adakah masjid-masjid wajib menggunakan teks tersebut atau sebaliknya, ini amat penting untuk memastikan elemen-elemen yang tidak sihat tidak disampaikan ketika membaca khutbah. MAIPP seharusnya mempunyai satu garis panduan agar para khatib hanya menggunakan teks yang disediakan dan saya juga tertanya adakah kuasa tindakan yang boleh diambil sekiranya khatib tidak menggunakan teks yang disediakan sebaliknya memberi kutbah yang boleh memecahbelahkan anak qariah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Baharudin):

Pohon laluan Permatang Berangan, bolehkah YB. Permatang Berangan memberi contoh apa elemen-elemen yang memecah belahkan itu?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abdul Hamid):

Elemen-elemen yang memecahbelahkan ialah, macamlah Yang Berhormat tidak tahu menyuruh orang supaya jangan bersatu padu, berpuak-puak dan sebagainya. Pada hal Islam mahu kita bersatu padu tidak memecah belah, setengah-setengah yang datang itu melaung-laungkan slogan kita hendaklah berpecah, jangan berkawan dengan kumpulan ini, tidak kawan kumpulan ini, itu adalah perkara-perkara yang tidak sihat di kalangan Umat Islam, daripada itu saya juga ingin mengatakan bahawa pembangunan pesat di Pulau Pinang telah menyebabkan banyak kampung-kampung tradisi terhakis ini adalah satu yang tidak sihat kepada generasi yang akan datang secara tidak langsung akan melupakan sejarah tradisi Negeri Pulau Pinang. Oleh itu perlu ada satu perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk mengekang dari fenomena ini terus berlaku, oleh itu Kerajaan Negeri seharusnya menyediakan perancangan khusus bagi tujuan tersebut.

Negeri Pulau Pinang secara berterusan menjadi negeri tumpuan pelancong dari seluruh dunia, walau bagaimanapun nikmat daripada kemasukan pelancong ini hanya dinikmati oleh sebahagian besar penduduk bandar dan juga peniaga-peniaga di kawasan bandar. Oleh itu Kerajaan Negeri seharusnya mengutamakan giat aktif mempromosikan pelancongan di luar bandar yang *Home Stay Air Hitam* di dalam kawasan DUN Sungai Dua dan sebagainya dalam faedah daripada industri pelancongan luar bandar ini akan terus dinikmati oleh pengusaha sektor pelancongan di luar bandar. Contoh yang terbaik ialah mempromosikan buah durian, selain daripada durian Balik Pulau, sepatutnya mempromosikan durian Pulau dan durian Sungai Duri di Seberang Perai Selatan (SPS) dan sebagainya, kawasan Sungai Acheh. Sekolah-sekolah Tahfiz Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan harus juga meneliti pertama kali kewujudan beberapa-beberapa sekolah tahfiz yang berbentuk pondok-pondok yang dibina di kawasan kampung, sesungguhnya tujuan pembinaan ini adalah amat baik dan lebih syiar Islam. Bagaimanapun kajian khusus harus dibuat berkaitan dengan kelulusan untuk pembinaan sama ada untuk memanfaatkan mendapat kebenaran Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan dan MAIPP, adalah penting untuk mengelakkan daripada kejadian yang tidak diinginkan seperti kebakaran dan lain-lain lagi.

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk bertanya berkaitan dengan Rancangan Tebatan (RT) pada tahun 2013 telah membuat pengumuman kepada orang ramai, tetapi malangnya selepas pembentangan tersebut langsung tidak ada tindakan susulan berkaitan dengan rancangan tebatan atau RT. Semua sedia maklum bahawa Rancangan Tebatan adalah penting untuk menentukan perancangan utama sesebuah negeri, oleh itu saya mohon penjelasan yang amat komprehensif daripada Dewan yang mulia ini. Rancangan Tebatan juga amat penting untuk mengelak daripada berlakunya bencana alam yang tidak disangka-sangka, contohnya banjir kilat sering berlaku di merata tempat di kawasan-kawasan Bandar George Town, jika Rancangan Tebatan ini dibuat dan dilaksanakan secara sepatutnya sudah tentu masalah ini dapat dikurangkan. Oleh itu Kerajaan Negeri mestilah menyediakan metrologi jangka masa panjang untuk mengelak daripada banjir kilat ini dari terus berlaku. Saya juga amat ingin perjelaskan kepada Kerajaan Negeri berkaitan tambatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan tebatan banjir ini telah mengurangkan dan tambatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan tebatan banjir ini telah mengurangkan. Tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan tebatan banjir ini telah mengurangkan keadaan banjir di beberapa tempat, oleh itu Kerajaan Negeri juga seharusnya mempunyai cara yang untuk mengatasi masalah banjir tanpa lepas tangan dengan mengatakan bahawa banjir berlaku sebab hujan lebat dan itu bukanlah alasan yang baik daripada seorang Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri yang maju seperti Pulau Pinang ini.

YB. Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu di dalam Dewan yang mulia Ini sebagai mewakili rakyat di DUN Permatang Berangan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan sekalung ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kehadiran T.Y.T. Tun pada persidangan kali ini semua seluruh rakyat Permatang Berangan berdoa dan bergembira di atas kesihatan yang sihat walafiat yang dikurniakan oleh *Allah subhanahuwatalla* kepada T.Y.T. Tun dan Toh Puan dan juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan di atas segala sokongan dan kerjasama, Selamat Hari Guru, Selamat Hari Ibu dan Selamat Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, maaf zahir batin. YB. Timbalan Dato' Speaker saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan, Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Tuan Timbalan Speaker, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas ucapan oleh T.Y.T. di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Tuan Timbalan Speaker apa juga senario masa kini negara dalam konteks politik, ekonomi ataupun sosial ada satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, hakikatnya Pulau Pinang sebagai sebuah negeri dalam Malaysia telah berjaya menerima manfaat wajar dari pemerintahan yang diterajui oleh Pakatan Harapan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang masa kini benar-benar komited dan berusaha memajukan negeri ini melalui pendedahan yang efektif berdasarkan intergriti kecekapan dan keadilan. Berbagai-bagai program telah pun diklasifikasikan ke arah merealisasikan segala matlamat ini. Pihak Kerajaan Negeri amat prihatin sekali beban kos hidup, yang beban kepada golongan pendapatan rendah sehubungan dengan itu cukai taksiran untuk rumah kos rendah dimansuhkan. Walaupun amaun cukai yang dibayar oleh setiap pemilik rumah tidak tinggi ia sekurang-kurangnya meringankan beban belanja kos hidup yang kini semakin hari semakin baik. Bukankah ini mempamerkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap golongan yang berpendapatan rendah.

Dato' Timbalan Speaker, Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang tidak akan meluluskan sebarang Pelan Kebenaran Merancang sehingga tuntutan berupa wang pampasan dibayar kepada setinggan-setinggan yang bermaustatin di tanah yang akan dimajukan. Garis panduan ini tercetus dari kesedaran untuk menjamin keadilan kepada penduduk asal apabila tanah diambil oleh pihak pemaju, dengan cara ini penindasan serta eksploitasi dapat dihindari. Sesungguhnya yang lemah janganlah dibiarkan menjadi mangsa, Kerajaan Negeri akan terus berusaha melaksanakan tindakan seumpama ini demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang. Pucuk pimpinan di peringkat nasional kini benar-benar kehilangan kredibiliti dan hak mengurus sebagai Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Najib telah menjadi mangsa kerakusan kuasa keegoaan politiknya sendiri, sentimen awam kini tidak lagi menyokong pemimpinannya, nampaknya opsyen yang paling baik untuk Y.A.B. Dato' Sri Najib ialah untuk berundur diri secara terhormat. Namun ini bukanlah penyelesaian sebenar menukar pemimpin tanpa menukar sistem pentadbiran dan mengukuhkan Institusi-Institusi Demokrasi tidak akan memberi makna, apa yang perlu ialah menukarkan Kerajaan Barisan Nasional, nampaknya rakyat Pulau Pinang telah pun menyedari keperluan ini.

Dato' Timbalan Speaker, sebenarnya 1.2 juta rakyat Malaysia telah menandatangani Deklarasi Rakyat untuk menyuruh Perdana Menteri Dato' Sri Najib meletak jawatan. Dato' Sri Najib sepatutnya menghormati suara rakyat dan meletakkan jawatan, majoriti rakyat Malaysia telah hilang keyakinan atas Perdana Menteri. Dalam sejarah Malaysia tidak ada Perdana Menteri yang lain lebih dibenci oleh rakyat dibanding dengan Dato' Sri Najib....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Minta laluan, boleh saya tanya soalan, terima kasih YB. Timbalan Speaker. Bagan Dalam ada menyebut majoriti penduduk ataupun rakyat di Malaysia tidak menyokong Y.A.B. Dato' Sri Najib. Saya ingin bertanya apakah keputusan Pilihanraya Negeri Sarawak, saya hendak bertanya apakah keputusannya. Adakah itu menunjukkan sokongan yang padu telah diberikan oleh rakyat Malaysia kepada Perdana Menteri?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Keputusan pilihan raya ketiga belas menunjukkan terang Dato' Sri Najib tidak mendapat sokongan, majoriti rakyat Malaysia menyokong pada masa itu Pakatan Rakyatlah walaupun Barisan boleh menang lebih kerusi tetapi majoriti rakyat Malaysia menyokong Pakatan Rakyat, ini terus terang menunjukkan Dato' Sri Najib tidak ada sokongan, Pilihanraya Sarawak itu lain itu *State election* sahaja. Kita tengok pilihan raya umum yang ketiga belas itu sangat jelas Najib tidak ada sokongan/

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Jika itu adalah jawapan daripada Yang Berhormat kita tunggu sajalah pilihanraya ke empat belas ini, jadi nak katakan bahawa Dato' Sri Najib selaku Perdana Menteri tidak mendapat sokongan itu tidak betul, sebab semasa PRU ketiga belas dahulu itu pun dikatakan tetapi Barisan Nasional tetap berjaya dan memerintah Kerajaan Persekutuan, jadi saya rasa tidak perlulah kita bincang dengan lanjutnya perkara-perkara ini di sini, YB. Dato' Timbalan Speaker, jadi saya minta supaya Bagan Dalam teruskan dengan perbahasan, kita hendak tahu dan hendak dengar apa isu-isu negeri yang akan dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih kepada Timbalan Speaker, terima kasih kepada Ahli Kawasan Bagan Dalam yang pertama saya nampak macam Bagan Dalam ini macam nak jadi Ahli Parlimen boleh cakap di Parlimen sebab Dato' Sri Najib Perdana Menteri Malaysia dia merupakan Ahli Parlimen jadi elok cakap di Parlimen tak apalah kalau tak bagi cakap kita rakyat Malaysia jugakan. Saya amat bersetuju bila Ahli Kawasan Penaga sebut tak apa kita tunggu keputusan pilihan raya nanti itulah keputusan sebenar. Soal orang mengatakan tak suka ini menjadi kebiasaan. Begitu juga dengan Y.A.B. Air Putih, Lim Guan Eng banyak juga orang tak suka termasuk anak dan cucu saya juga tak suka. Adakah itu majoriti? Tidak. Jadi jangan sebut termasuk juga ahli Kawasan Bagan Dalam kita tunggu pilihanraya nanti.

Cuma Dato' Timbalan Speaker saya cuma nak rujuk sedikit sahaja sebab dalam Teks Ucapan Perasmian Yang Keempat muka surat kedua Tuan Yang Terutama yang ini Air Putih minta kami patuh masa kita bergambar dulu Ahli Kawasan Air Putih beritahu dekat Ahli Kawasan Pulau Betong kita kena ikut pesanan Tun di para empat dia kata iaitu setiap perkara yang hendak dibahaskan perlu dikaji dan dibahaskan dengan teliti dan hendaklah disampaikan secara intelektual bukan secara emosi. Terima kasih Timbalan Speaker, saya cuma nak beritahu Ahli Kawasan Air Putih ini hendak ingatkan saja... (gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Belum lagi.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya cuma mahu panjangkan isu ini Perdana Menteri sekarang baru-baru ini di bawah kepimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamed mereka telah kutip 1.25 juta tandatangan atas deklarasi rakyat. So adakah ini satu gejala atau pun tanda menunjukkan bahawa ini bukan senang

satu perkara 1.25 juta tandatangan bahawa rakyat ini minta Dato' Sri Najib undur diri dalam politik Malaysia. Macam mana jawapannya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ahli Kawasan Bagan Dalam sedikit, saya juga tertarik rakan-rakan di seberang kita perlu beretika bukan secara beremosi jadi kita kena berterima kasih dengan Yang Berhormat daripada Bagan Dalam kerana dia tak ajak bertumbuk lagi macam menteri-menteri UMNO seperti Dato' Seri Mohamad Nazri ajak Tun Mahathir bertumbuk setuju atau tidak Yang Berhormat? Saya tanya soalan setuju atau tidak? Tindakan yang tidak beretika di mana saya belum habis lagi. Tindakan menteri-menteri UMNO yang kita lihat dengan sikap mereka yang kurang sopan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Ahli Kawasan Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sampaikan ajak Tun Mahathir bertumbuk.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya kesian dekat Ahli Kawasan Air Putih pasal Ahli Kawasan Air Putih pesan dekat saya dengan YB. Pulau Betong jangan *emotional*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Memang bukan senang kutip 1.25 juta tandatangan bukan senang ini bermakna rakyat Malaysia semua setuju bahawa Perdana Menteri kita ini tidak layaklah menjadi Perdana Menteri lagi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya nak jawab, Yang Berhormat punya saya sudah jawab, yang Ahli Kawasan Perai saya perlu jawab. Malaysia sekarang telah menjadi satu negara terkenal di dunia bukan kerana atas ciri-ciri yang baik tetapi kerana 1MDB. Masalah 1MDB tidak selesai lagi tetapi makin lama makin fakta-fakta baru ditimbul lebih banyak wang rakyat telah hilang, penyelewangan wang 1MDB amat menjengkelkan. Di satu sudut wang hilang dari 1MDB dan sudut yang lain wang masuk ke akaun peribadi Perdana Menteri sebagai *donation* ini amat mengelirukan dari mana wang *donation* RM2.6 bilion datang?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Timbalan Speaker, boleh saya, minta laluan saya nak sebut sikit berkaitan tentang oleh Ahli Yang Berhormat Bagan Dalam sedar atau tidak PAC yang YB. Bagan Dalam Jawatankuasa (PAC) Jawatankuasa Kewangan Kira-Kira Awam yang ditubuhkan di bawah Parlimen mengandungi wakil-wakil daripada parti-parti iaitu UMNO iaitu Barisan Nasional, DAP dan lain-lain. Dan tahu atau tidak Yang Berhormat bahawa salah seorang Ahli Parlimen DAP yang senior iaitu Dr. Tan Seng Giaw sendiri menyatakan bahawa berdasarkan siasatan dibuat tidak terdapat apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh Datuk Seri Najib dan jika itu kenyataan dikeluarkan daripada seorang Ahli Parlimen DAP maka bagi saya isu berkaitan dengan pembabitan Perdana Menteri 1MDB itu telah selesai dan tak perlu lagilah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, YB. Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan Ahli Kawasan Bagan Dalam..

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta ini kena betulkan ini rakan Ahli Parlimen saya yang buat kenyataan ini tidak dilaporkan dengan tepat. Kerana di sini saya rasa yang mungkin Yang Berhormat tak tahu dan saya tidak salahkan Yang Berhormat bahawa Laporan PAC ini telah dipadamkan satu ayat di mana Bank Negara telah mengesyorkan untuk tindakan tetapi difahamkan dengan Pengerusi PAC perkara ini tentu akan diketengahkan di peringkat Parlimen dan beliau menyebut tentang kenyataan ini adalah berdasarkan kandungan laporan tetapi tak semestinya beliau menyokong rumusan yang dibuat kerana tentu dalam Mesyuarat PAC yang mana majoritinya adalah Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional mereka tidak akan mengesyorkan tindakan diambil ke atas Perdana Menteri.

Tetapi bahawa mereka mengumumkan apakah maklumat-maklumat dan juga hasil siasatan yang dijalankan dan saya hanya nak betulkan apa yang sebenarnya hendak dinyatakan dan pada masa yang sama tentang satu ayat dalam itu dalam Laporan PAC yang diluluskan dalam Jawatankuasa PAC tetapi telah dipadamkan sendiri oleh Pengerusi, itu menjadi satu isu. Dan satu lagi isu mengapa Laporan Ketua Audit Negara dan laporan-laporan lain tidak diumumkan secara awam atau umum ia masih dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi. Apa yang hendak disembunyikan? Saya rasa itu satu isu yang masih diketengahkan selain isu SRC di mana dinyatakan bahawa RM69 juta telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri ini baru sahaja.

Ini masih ada banyak persoalan sehingga kalau kita lihat sekarang ada tindakan yang diambil di Singapura juga negeri-negeri lain, saya rasa kalau nak sebut 1MDB kita ada ruang yang lain tetapi dalam isu ini saya rasa Yang Berhormat kena baca dengan lebih teliti kalau hanya bergantung kepada laporan media tertentu saya rasa itu tidak berapa tepat dan betul. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat sikit, saya minta sedikit Yang Berhormat saya minta laluan untuk memberi jawapan saya ingat Yang Berhormat seperti yang disarankan oleh Ketua Menteri iaitu perlu mengalas lihat sebab mengapa Mantan Peguam Negara dipecat dan perkara-perkara yang mengelilingi pemecatan beliau secara tiba-tiba daripada jawatan beliau sebagai Peguam Negara. Di mana terdapat desas desus ketika itu beliau menyediakan kertas pertuduhan di mana Perdana Menteri kita sepatutnya dihadapkan ke mahkamah. Jadi perkara-perkara itu perlu dikaji dengan teliti sebelum kita membuat sebarang rumusan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh tak saya ulaskan sedikit tentang perkara itu. YB. Timbalan Dato' Speaker, saya kurang setuju dengan pandangan yang diberikan oleh Ahli Kawasan Seri Delima sebab bagi saya tak ada perkataan pemecatan langsung dilaporkan dan itu adalah satu tuduhan yang tidak berasas, betul dipecat sila buktikan. Dan sekiranya ada pertuduhan yang dibuat sila buktikan sehingga pun hari ini tiada bukti yang kukuh yang boleh dibuktikan bahawa perkara ini berlaku jadi andaian ataupun persepsi semata-mata tidak, orang kata apa tidak boleh dipakai jadi bagi saya perkara ini tidak seharusnya dibesarkan, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Ahli Kawasan Penaga terima jawapan yang diberi oleh Ketua Menteri tentang PAC punya *report* di mana satu ayat pun sudah hilang. Ayat-ayat pun boleh hilang macam ini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya tak pasti secara *detailnya* Yang Berhormat tetapi bagi saya sebelum laporan itu dikeluarkan semua Ahli-ahli PAC semuanya bersetuju dengan apa yang terkandung di dalam laporan tersebut. Jadi soal isu mengeluarkan kenyataan bahawa ada perkataan-perkataan yang dibuang saya rasa itu hanya mainan politik semata-mata.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sedikit. Itu bukan mainan politik saya hanya cakap berdasarkan fakta. Ini diakui sendiri oleh Pengerusi PAC iaitu YB. Hassan Malek dia sendiri mengakui bahawa dia padamkan kerana alasan yang diberikan sungguh pun pihak kami susah percayai sukar diterima ialah bahawa dia rasa ayat ini dipadamkan atau digugurkan atau dibuang tanpa dirujuk kepada mana-mana Ahli-Ahli PAC kerana beliau rasa ini tidak penting.

Tetapi tidak boleh sekiranya sendiri YB. Penaga sendiri sebut sekiranya diluluskan oleh PAC harus diterima dan juga dibentangkan kepada Parlimen tanpa sebarang pindaan. Tetapi tidak dia sendiri padamkan, gugurkan, buang dan dia akui bahawa dia padamkan, gugur dan buang kerana pada pandangan Pengerusi dia rasa tidak penting. Tetapi semua tahu dan tahu tidak boleh buat sedemikian seperti Ahli Kawasan Bagan Dalam sebagai Pengerusi PAC dia tidak akan buat macam itu. Laporan oleh jawatankuasa mesti dibentangkan akhirnya diputuskan oleh pihak Dewan Rakyat sama ada nak terima atau tidak itu terpulang tetapi tak boleh padam tanpa persetujuan jawatankuasa ini diakui oleh Pengerusi PAC sendiri so saya rasa itulah yang menjadi isu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang terhormat sedikit, YB. Penaga untuk respon saya rasa keperluan Yang Berhormat pergi lihat rakaman-rakaman *youtube* di mana rakaman-rakaman itu menunjukkan mantan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin satu ucapan di Johor Bahru di mana beliau mengakui pendedahan dibuat oleh Peguam Negara dan Ketua Cawangan Khas kepada beliau dalam satu perjumpaan mengesahkan bahawa terdapat salah laku di mana dana begitu banyak masuk ke dalam akaun Perdana Menteri sendiri.

Jangan hanya memetik dua, tiga sumber yang tidak memberi pandangan yang sebenarnya. Tan Sri Muhyiddin sendiri mengakui dalam semua banyak ceramah beliau mengakui pendedahan oleh beliau bahawasanya Peguam Negara termasuk dengan Ketua Cawangan Khas berjumpa dengan beliau mengesahkan wang itu telah dimasukkan sebelum saat-saat beliau dipecat. Perkara itu kita rasa harus mengakui Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh saya jawab sedikit sahaja. Sedikit sahaja, seminit sahaja.

Timbalan di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan Ahli Kawasan Bagan Dalam isu lain pula.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

YB. Timbalan Speaker oleh sebab kepimpinan negara lemah maka GST dikenakan untuk mengutip cukai dari seluruh rakyat tak kira berapa banyak pendapatan bulanan seseorang. Dan susah adalah golongan miskin dengan pendapatan rendah. Mereka mengalami kesusahan untuk menjalankan keluarga mereka. Hanya di Pulau Pinang mengambil langkah-langkah membantu golongan miskin. Bagaimanakah dengan rakyat Malaysia yang lain? Malaysia perlukan pemimpin yang efisien, bebas dari rasuah, yang berprinsip dan berkebolehan untuk mentadbir negara dengan adil. Ini susah hendak cari dalam UMNO. Masa telah tiba untuk rakyat mengubah dan menyelamatkan Malaysia.

Tuan Timbalan Speaker, pada hari Jumaat yang lalu, Ketua Pembangkang telah buat kenyataan bahawa untuk meminda sebuah tokong di Armenian Park. Permintaan ini tidak sesuai dari segi toleransi agama kaum lain. Ketua Pembangkang berlagak sebagai fanatik dan *narrow minded* apabila beliau kata orang Islam boleh keliru apabila jumpa tokong di Armenian Park. Saya tidak faham bagaimana orang Islam boleh rasa keliru apabila jumpa tokong di situ. Pulau Pinang adalah negeri dengan pelbagai kaum, agama dan budaya. UMNO mesti bertoleransi kepada semua kaum di Pulau Pinang. Kenyataan Ketua Pembangkang membuktikan UMNO sebuah parti *racist*, tidak peduli kaum-kaum lain. Tokong di Armenian Park berada di tempat yang sama apabila Barisan Nasional memerintah. Mengapa buat bising pada masa ini?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Bagan Dalam. Saya sabar dari tadi lagi. Dengar fasal Najib, cabaran sudah tidak boleh tahan. Jadi tentang isu Najib, boleh saya sebut Timbalan Speaker? Isu Datuk Seri Najib, saya rasa banyak benda-benda yang tidak betul. Ada yang betul dan tidak betul. Yang tidak betul itu diviralkan begitu teruk sampai satu benda yang elok langsung tidak ada kepada Datuk Seri Najib. Kena tengok benda-benda yang baik, yang elok, yang telah dilaksanakan. Ini langsung kira kosonglah. Kalau kena tembak, sudah hancur, sudah tidak kenal orang. Jadi minta tolong tengok sama kebaikan yang telah dilaksanakan oleh Barisan Nasional. Jangan langsung tidak ada kebaikan yang dilaksanakan. Tuan-tuan Yang Berhormat duduk di sini pun hasil daripada perjuangan-perjuangan Barisan Nasional dahulu, UMNO dulu, kita boleh duduk senang macam ini.

Kedua tentang isu tokong. Kita kena rujuk hansard dulu. Ini kita sudah viralkan kata UMNO *racist* nak roboh, kita kena rujuk hansard dulu. Rujuk kepada hansard. Saya tengok *paper* hari ini, *paper* Cina, saya boleh baca Cina sikit. Faham. Orang siap tuduh kata, UMNO hendak roboh sedangkan pada zaman dahulu pun, baru sahaja 2015 atau 2014, pihak Kerajaan Negeri pun hendak robohkan satu tokong juga, apa nama tempat? Amboi lupa sungguh. Bukan, itu Pulau Jerejak. Ini apa *horse* ke? Sekejap lagi kita bagi tahu. Dirobohkan. Bukan tuduhan. Kerana dibina tanpa kebenaran. Yang ini juga saya rasa, bukan saya hendak tuduh suruh roboh tetapi ini juga tanpa kebenaran juga. Tetapi bukan untuk dirobohkan. Dia di kawasan *park*. Tidak kata roboh pun. Tidak sebut roboh pun. Dalam hansard, rujuk kepada hansard. Tidak sebut roboh pun. Niat tidak boleh. Awak tidak boleh kata niat. Awak boleh baca niatkah? Kita sebut, makna niat untuk roboh. Kita tidak boleh cakap macam itu. Satu tuduhan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya hendak tanya Yang Berhormat yang tokong di Perai yang dirobohkan. Yang Berhormat Perai, sudah dibinakah belum? Yang dulu MIC janji, Barisan sudah janji hendak bina balik. Sudah bina balik atau belum?

Timbalan Ketua Menteri II:

Memaksa bangun untuk jawab soalan. Kacau juga. Dulu, apa yang saya dengar ini mungkin 3, 4 tahun yang lepas, apa yang didengar bahawa mereka ada satu upacara dengan MIC supaya mereka mengenal pasti tapak tetapi sayang apabila sudah setahun, dua (2) tahun dan dia buat *allocation* RM30,000.00. Tetapi selepas itu saya tidak dengar apa-apa dan Ketua MIC ini yang jadi pemimpin untuk membina kuil itu pun, sudah tidak nampak dia. Jadi kebetulannya saya rasa belum dibina lagi. Saya rasa mungkin, kalau sudah bina, mesti kita tahu. Tetapi belum bina lagi. Jadi kita beri soalan ini kepada PPC, bila akan dibina?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Satu lagi Yang Berhormat saya hendak tanya. Yang meminta rakyat menyokong Pakatan Harapan dan jangan menyokong UMNO dan Barisan Nasional, bukan lain Mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir sendiri. Setuju Yang Berhormat, setuju atau tidak? Adakah UMNO sekarang takut dengan 3M? Mukhriz, Muhyiddin, Mahathir.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Apabila kita sudah bermusuh, jadi lawan, dia akan keluarkan habis. Inilah masalahnya. Bila kita kawan, bila kita jadi musuh, kawan itu akan keluarkan apa-apa masalah. Ini yang berlaku. Tun Mahathir sudah bermusuh dengan Najib. Dia hendak jatuhkan Najib, dia keluarkan macam-macam.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kita tidak boleh menyelar Tun Mahathir, kita kena kenang jasa dia. Dulu ahli UMNO, saya sokong Tun Mahathir.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, sila duduk. Sungai Dua sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Apa yang dia buat sekarang agak di luar jangkaan. Ini yang kita tidak berapa setuju.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan Bagan Dalam atau hendak tamatkan?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

MCA pun sudah tegur sama UMNO. MCA tiada di sini. Di luar. Adakah UMNO setuju apa yang dikatakan oleh MCA? Sungai Dua kata tengok hansard, tetapi MCA kata UMNO tidak patut mengeluarkan kata-kata seperti yang dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Tuan Speaker, jualan tanah oleh Perda sebanyak ..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta penjelasan Yang Berhormat. YB. Sungai Dua kata 'how siau' apa maksud? Dengar ni, semua dengar ni. Saya seronok dengar orang UMNO kata orang MCA 'how siau'.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Jualan tanah oleh Perda sebanyak 3.4 *hectare* di Kampung Tok Keramat di Nibong Tebal untuk RM1.4 million manakala tanah tersebut bernilai RM16.6 *million* amat terkejut. Perda rugi sebanyak RM15.2 *million*. Ini terus terang kes pecah amanah oleh Pengerusi Perda. Adakah apa-apa tindakan diambil ke atas Pengerusi Perda? Pengerusi kekal jadi pengerusi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Minta laluan. Isu tanah Perda yang telah dijual kepada sebuah syarikat telah diambil siasatan oleh SPRM. Itu telah dibuat siasatan. Jadi saya tidak mahu bincang siasatan yang sedang dilakukan oleh SPRM. *Let the SPRM* selesaikan siasatannya. Kalau salah kita dakwa. Shabudin ke, siapa ke, Rasyid ke, komuniti itu kita dakwa. Begitu juga dengan kes Taman Manggis. Kalau salah kita dakwa, kalau tidak salah, okey, tiada dakwaan. Jadi kita tidak mahu membesarkan kes itu, kita jual tanah itu kepada syarikat untuk membina rumah kos rendah yang rumah itu adalah dijual pada kadar harga yang murah kerana Kerajaan Negeri selalu melaungkan Perda buat rumah mahal. Tanah itu mahal, kalau kita jual mahal, rumah itu akan jadi mahal. Jadi kita tidak mahu lagi siasatan seperti itu dibuat spekulasi oleh kita sendiri. Kita mahu SPRM jalankan siasatan. Saya bekas pegawai SPRM, saya bekas CEO Perda dan saya tahu perkara-perkara ini semua. Kita harap perkara ini akan dibuat secara adil seadil-adilnya. Begitu juga Shabudin, begitu juga Lim Guan Eng, Air Putih. Saya tidak mahu bahawa kita kata Shabudin terlepas, Guan Eng kena atau pun kalau kena, kena 2 orang sekali.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya rasa benda ini tidak adil Yang Berhormat. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat tarik balik kenyataan itu. *Not fair. Seriously not fair.* Perkara itu masih disiasat. Saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan bahawa kalau kena, kena dua-dua. Jangan, tidak boleh. *I think it's not proper. Dato' Speaker, you must make a ruling.*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Baiklah Yang Berhormat, saya tarik balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bagus, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan Bagan Dalam. Tajuk lain.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, baik. Boleh Bagan Dalam?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh? Terima kasih. Cerita tarik balik ini, saya ingin membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini perkara tentang kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi semasa membuat kenyataan akhbar mengatakan bahawa tokong *is here to stay...*(dengan izin), *Guan Eng tells Jahara*. Dan di dalam kenyataan ini, Air Putih menyatakan bahawa *shrine* itu adalah *heritage*, yang dibuat 70 tahun dahulu, saya *quote*: "*There is no reason to tear it down,*" *Lim told Malaysia kini, dismissing the request to demolish the shrine by state opposition leader Jahara Hamid, unless she could come up with a good enough rationale*". Jadi saya minta ditarik balik kenyataan mengatakan bahawa dalam ucapan saya minta diroboh, *demolished*. Saya rujuk kepada hansard, tidak ada sebarang perkataan roboh pun. Dan memang pun bukan niat saya bila membangkitkan perkara itu. Kita mengakui masing-masing bangsa dan agama ada hak masing-masing. Kita menghormati agama masing-masing dan yang saya ingin bangkitkan adalah isunya bila sebuah kerajaan atau pihak berkuasa tempatan merancang dan mereka bentuk taman, kita bercakap tentang taman awam. Tidak sesuai diletakkan sebarang tempat-tempat sembahyang di situ. Kalau hendak buat surau atau hendak buat tokong, kuil atau apa-apa pun, dia ada tempat dia. Bukan terbuka di dalam sebuah taman awam kerana itu tidak sesuai. Jadi itu pokoknya yang saya ingin bangkitkan. Tidak ada perkataan atau kata-kata saya atau niat saya untuk suruh dirobohkan. Minta maaf saya tidak pernah cakap pasal itu. Boleh rujuk. Minta ditarik balik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Bagan Dalam, saya mohon laluan. Saya mahu tanya YB. Telok Ayer Tawar, apa niat YB. Telok Ayer Tawar semalam apabila atas membangkitkan isu ini. Saya hendak tahu niat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya sudah cakap tadi. Niat saya adalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sebab semalam Yang Berhormat Telok Ayer Tawar sebut tentang sensitiviti. Jadi saya mahu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan putar belit isu ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tidak ada. Semalam YB. Telok Ayer Tawar yang sebut sendiri perkataan sensitiviti...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Baca hansard ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tentang *compound spirit*, kita dengar semalam. Apa niat sebenar YB. Telok Ayer Tawar bangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak mahu berurusan dengan Seberang Jaya. Saya tengah bercakap dengan Air Putih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Wah, angkuhnya. Baru jadi Ketua Pembangkang, angkuhnya Yang Berhormat. *Don't be like that* Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sekarang saya faham kenapa MCA sendiri kecam Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebab dia telah mengelirukan rakyat. Perkara ini sensitif dan kalau diputarbelitkan, inilah hasilnya. Jadi jangan kita *sensitize* isu ini. Benda ini kita bercakap dengan berterus terang dengan niat baik untuk kesejahteraan masyarakat di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, tapi tujuan Yang Berhormat adalah untuk memastikan bahawa tempat tersebut dialihkan. *You wanted the shrine to be removed isn't it?*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

No. I did not say removed

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi, apa tujuan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau Yang Berhormat sebut tempat itu sensitif, Yang Berhormat Telok Ayer Tawar semak dulu tak? Berapa lama *shrine* tu ada di situ?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa tujuan bangkitkan isu ini? Apa tujuan? (gangguan)... Yang Berhormat sapa yang putar belitkan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak sebut roboh, jangan bubuh perkataan yang tidak ada dalam perkataan saya

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tidak, tapi apakah niat Yang Berhormat, apakah niat Yang Berhormat dalam membahaskan isu itu?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Niat saya adalah supaya satu-satu perancangan untuk taman, *Public Park* atau Taman Awam jangan melibatkan keagamaan. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Telok Ayer Tawar, saya nak tanya Yang Berhormat semak dulu tak masa(gangguan), bagi saya cakap sikit yang bahawa struktur itu ada yang dipanggil tokong itu, yang ada disitu itu dah ada sebelum ini lagi. Adakah Yang Berhormat tahu fakta itu sebelum Yang Berhormat bangkitkan perkara ini. Saya yakin, YB. Telok Ayer Tawar seorang yang terpelajar. Kalau Yang Berhormat tahu tentang kewujudan *shrine* itu di situ, Yang Berhormat tidak akan bangkit soalannya itu di dalam Dewan. Sebab itu saya tanya dan *question* balik niat Yang Berhormat untuk bangkitkan perkara ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

la macam ini, kalau wujud atau tidak wujud itu faktor kedua. Itu faktor yang kedua. Kalau wujud, *leave it be there*. Tapi buatlah *proper compound* untuk dia. Tapi bukan kata terbuka di dalam satu taman awam. Bila terbuka, ia menjadi *part of the park*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sila duduk. Biar Yang Berhormat ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat dah tengok tempat itu?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk Seberang Jaya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Kerana ini adalah satu isu yang penting. Semalam, pada hari Jumaat bila YB. Ketua Pembangkang berbahas, saya masih ingat saya berkali-kali bagi memberitahu Yang Berhormat bahawa ia adalah sesuatu tokong kecil yang sudah lama dan pada masa yang sama kita ada kebebasan agama. Dan yang paling penting sekali ialah, Yang Berhormat mengatakan bahawa ada pihak yang akan buat bantahan, Yang Berhormat sebut sendiri. Yang di mana saya sendiri pun tidak tahu dan Yang Berhormat pun entah pun tidak tahu selama 70 tahun ini tidak ada orang membantah. Dan sekiranya, tokong kecil ini tidak boleh diletakkan dalam itu taman, bila ia sudah ada disana selama 70 tahun nak letak di mana? Dan ia adalah kecil bukan besar, *maybe* saya rasa lebih kecil daripada kerusi ini. So, ini adalah satu tokong kecil besar yang bersejarah lama. Dan tidak ada sebarang aduan yang dibuat, dan sekiranya nak dialihkan ke tempat lain kena roboh. Tidak ada jalan lain kerana ini kecil bukan besar. Besar lagi teruk la. So, itulah sebabnya saya tidak faham mengapa nak berdendam ke atas sesuatu struktur yang sudah lama, 70 tahun.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Berdendam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mengapa nak membangkit atau, okey. Okey, saya tukar perkataan berdendam. Mengapa nak membantah ke atas satu tokong kecil yang begitu lama ini? Ini yang tidak masuk akal dan bila kita menjelaskan cuba menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa untuk pihak Kerajaan Negeri, kita lihat

dalam dua (2) aspek, satu (1) ialah dari aspek Warisan. Dua (2) dari segi aspek Kebebasan Agama. *Density* dilihat dari segi peninggalan warisan sahaja, tetapi ini tidak diterima oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat cakap ada bantahan yang akan disampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri. Ini kami terkejut, tidak diterima selama ini. Macam Yang Berhormat lebih tahu bahawa bantahan akan disampaikan. Yang kita nak tanya mengapa nak membantah satu tokong kecil yang begitu lama ini dan saya rasa itulah yang saya rasa amat kesal sekali kerana perkara ini tidak seharusnya diungkit-ungkitkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, saya(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bolehkah Yang Berhormat tarik balik...(gangguan) Saya tidak akan tarik balik apa yang saya tidak sebut...(gangguan) Tarik balik cadangan ini untuk menyatakan bahawa tokong kecil ini tidak harus dalam taman ini yang sudah ada selama tujuh puluh (70) tahun ia harus dialihkan? Boleh tarik balik tak? Supaya kita boleh selesaikan masalah ini. Kalau tidak ia akan jadi isu sampai MCA. MCA bukan bantai UMNO, ...(gangguan) MCA hentam saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

MCA pun sudah salah anggap. Sebab bila disebutkan roboh, semua orang marah. Walhal saya tidak suruh roboh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini masalah MCA dan UMNO, saya tidak mahu campur...(gangguan) Masalah MCA dengan UMNO, saya tidak mahu campur. Sekarang MCA hentam saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

MCA refer to apa yang dikeluarkan dalam media.

Y.A.B. Ketua Menteri:

MCA hentam saya, hentam saya pengecut. Dia tidak hentam Yang Berhormat Telok Ayer Tawar pengecut, dia hentam saya pengecut. Sekarang tengok, Yang Berhormat membantah tokong kecil, saya tidak setuju.(gangguan) MCA pula hentam saya pengecut. Apa ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, saya nak baca.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tolong baca. Baca sampai habis. Tolong baca sampai habis.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

(gangguan) Saya kata disini, kalau nak buat satu kepongan ke apa, *define* kawasan itu khas untuk orang yang tak dan habis. Jadi, maksudnya *define the place* untuk kawasan nak buat kuil, atau tempat bersembahyang. Ini untuk keselamatan, untuk pengurusan dan sebagainya. *Shrine* tidak boleh di *incorporate* dalam *concept park*. Taman, taman untuk orang awam untuk berehat. *A shrine* adalah *a place a workshop* tempat untuk...(gangguan)

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat kena pergi tengoklah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ia terbuka, saya tahu. Ia ada satu bentuk bangunan (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kecil sahaja. Ia kecil, ia lebih kecil daripada kerusi ini (gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bukan tujuan saya untuk membesar-besarkan isu *shrine* itu, yang tujuan saya adalah untuk menegur konsep membuat taman. Jadi, jangan dikelirukan, dan dipusing, diputar belitkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

No, itulah sebabnya saya sebut tadi. Kalau kita lihat dari segi taman, memang. Tetapi kerana ia ada peninggalan warisan, itulah sebabnya bila kita memperbaiki dan menaik taraf taman itu, kita alihkan. Sebelum ini itu tokong kecil ini ditengah-tengah, kita alih ke tepi. Kita alih ke tepi so, bila kita alih ke tepi, apa masalahnya? Sekarang pula Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, nak...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak suruh roboh

Y.A.B. Ketua Menteri:

Alihkan. (gangguan) Yang Berhormat Telok Ayer Tawar ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya suruh *define the place*. Buat kepongan atau apa supaya tidak ganggu. (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dia teka teki, minta maaf Timbalan Yang di-Pertua. Sekarang tokong ini ditepi, penjuru.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebelum itu...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ia ditengah-tengah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jadi bermakna.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ia dialihkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul, Yang Berhormat Air Putih. Tempat yang lama dirobohkan dan dialihkan ke tempat yang baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ia dialihkan. Ya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ke tempat yang baru, *okay*. Yang Berhormat Telok Ayer Tawar minta supaya ada satu *confine space* untuk ia. Bukan dirobohkan semua. Itu sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

So, itu sebab saya suruh tadi Yang Berhormat tidak faham. Pergi tengoklah, supaya tahu apa yang kita lakukan. Kita buat ditepi penjuru, saya sendiri pun tidak tahu. Ia wujud sehingga yang disebut oleh YB. Telok Ayer Tawar. So, itulah sebabnya sekiranya begitu saya.... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sekarang kalau tengok pun, *zink* ada *zink* dekat... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mengapa? *Zink* apa?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ada gambar, ada *zink*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Pergilah lawat. Janganlah buat omong kosong...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tahu tak *Armenian Street* dimana? Tahu *Armenian Street* dimana Yang Berhormat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Pergi lawat pergi tengok ...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya bawa pergi Yang Berhormat ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jangan sentuh tentang hal-hal agama, itu sensitif.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun tidak mahu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu sensitif.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya sentuh bukan agama, saya sentuh tentang konsep membuat taman.

Y.A.B Ketua Menteri:

Ya, tetapi kalau taman ini ada peninggalan warisan sedemikian.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak apa, *leave it there. Do properly.*

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ditengah-tengah, kita buat di penjuru.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Cakap pasal tengah pula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita buat di penjuru.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Asal ditengah tidak apalah, dah pindah ke satu penjuru. Buatlah elok-elok supaya tidak terlalu terbuka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita buat elok, kita buat penjuru supaya ia tidak bercanggah dengan konsep taman. Tidak mahu ditengah-tengah, dan kalau begitu kita jelaskan semalam Yang Berhormat tidak mahu terima. Yang Berhormat sebaliknya sebut bahawa ada yang akan hantar surat bantahan kepada Kerajaan Negeri. Dan itupun kita tidak tahu sehingga hari ini tidak menerima surat bantahan. Saya harap kalau kita mahu tutup isu ini, saya minta tarik balik cadangan bahawa ini tokong kecil ini tidak sesuai, harus dialihkan diluar tempat saya rasa kita boleh selesaikan isu ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak pernah suruh alih atau roboh. Jangan....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau tidak suruh alih, apa maksud ucapan semalam?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata... (gangguan), buat kepong, *define* kawasan itu khas untuk orang yang menggunakannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baca habis la. Baca habis.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Daripada *compound spirit*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baca habis. Tolong baca habis. Kalau boleh ini saya baca, dengar betul. Kalau boleh *compulsory* ini, tidak usahlah bubuh kerana ianya akan menjadi tempat sembah kerana orang Islam tidak akan pergi sembah tapi takut...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, *compound spirit* untuk taman. Kalau dah duduk disitu biarlah. Tetapi jangan pergi bubuh dalam konsep satu taman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mana ada.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

You are missing the point. You are missing the point.

Y.A.B. Ketua Menteri:

No, you are missing the point. Mana kita ada suruh orang Islam pergi sembah sana.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun tidak kata orang Islam pergi sana.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Oi, mana? Mana? Tidak ada. Bacalah muka surat 102

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini silap faham. (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bacalah muka surat 102.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Orang Islam tidak akan ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bacalah. Kalau boleh *compulsory* ini, tidak usahlah bubuh kerana ianya akan menjadi tempat sembah kerana orang Islam tidak akan pergi sembah tapi takut orang yang tidak faham itu. Apa maksud ini?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata baca lagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi di *Armenian Park* ini, *okay* sebelum ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak bangkitkan di dalam mereka bentuk taman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebelum ini, tapi di *Armenian Park* ini akan diletak disatu sudut Yang Berhormat pun tahu, ia letak disatu sudut. Apa dipanggil *compound spirit*? *Compound spirit* adalah berbentuk macam *icon*, ada *idol*. Yang kita bimbang sebab ini konsep barat. Saya pun tidak tahu kalau budaya Cina ada *compound spirit*, tapi ini saya akan bangkitkan didalam mereka bentuk taman. Biarlah mengambil kira sensitiviti

masyarakat, Kalau boleh *compulsory* ini, tidak usahlah bubuh kerana ianya akan menjadi tempat sembah kerana orang Islam tidak akan pergi sembah tapi takut orang yang tidak faham itu. Apa maksud itu?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, yang saya rujuk disitu ialah saya nak bangkitkan ini dalam mereka bentuk taman. *Ideas of compound spirit*, sebab *compound spirit* ini *compound* dimana-mana ada *compound* nanti akan bubuh *spirit*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okay, lepas ini 103. Ini *conception*, tapi ia jadi fizikal. Ia diletakkan suatu macam bentuk *shrine* untuk *compulsory* ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

That is why I meant by konsep taman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu Yang Berhormat tidak setuju. Tidak setuju dengan *shrine* ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak setuju dengan konsep taman bila ada ditubuh-tubuh *compound spirit*. Kalau dah tokong ini ada dah begitu lama, *leave it there* dan saya kata *define the area*. *Define the area*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yes, And you mentioned that again Yang Berhormat. Saya haraplah taman-taman ini adalah *Public Park*, taman awam. Kalau nak buat *shrine*, ke asal ke apa ke simpan biarlah satu sudut lain. Jangan letak di sudut awam.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak kata di *Armenian Street*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah berkaitan dengan *Armenian Street*...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang pentingnya bawa *public parks in general*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa lagi. *Armenian Street*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

You are confusing the concept.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak ada. Tidak ada.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata nak buat *Public Park*, jangan bubuh mana sudut pun. Mana- mana sudut pun *Public Park*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Di seluruh ucapan Yang Berhormat tadi, kalau *you* baca tolonglah balik baca dengan betul-betul. Daripada asal hingga akhirnya adalah tidak setuju dengan *compound shrine* ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

I can not talk. Saya tidak boleh halang Yang Amat Berhormat nak rujuk kepada.. *No. No. Im talking about public park.*

Y.A.B. Ketua Menteri:

Oh. You're talking about public park you said that this jangan bubuh. Apa maksud jangan bubuh?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan bubuh *any compound spirit* dalam mana-mana *public parks*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi kalau ia peninggalan warisan? Itu yang kita cuba jelaskan, ini adalah peninggalan warisan kita letak di satu sudut.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dan kalau nak letak di satu sudut, saya kata *confine the area*. Buat elok-elok.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Confine apa area?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Put the proper area. *You know* bukan ditempat terbuka

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita dah letak dekat penjuru bukan dekat tengah-tengah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak apalah, *just confine*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

So, itulah sebab kalau Yang Berhormat setuju sekarang, lebih baik tarik balik bahawa kalau ada apa-apa tafsiran bahawa hendak dirobohkan tempat ini, tarik balik, saya rasa ini lebih baik kita boleh selesaikan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak menyatakan tempat ini hendak dirobohkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dialihkan

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dan saya tidak akan tarik balik kerana saya tidak mengatakan tempat itu dirobohkan.

Y.A.B Ketua Menteri:

Nak alihkan daripada tempat awam ini. Ada tidak? Kalau nak alihkan daripada tempat awam ini, maknanya tidak boleh berada disitu. Sama, sama maksud. Kalau tidak perkara ini tidak akan habis.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini telah di salah tafsir. Tidak akan habis kerana Air Putih mengatakan lain dan saya mengatakan lain...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tengoklah ucapan YB. Ketua Pembangkang. Jelas sekali, sehingga saya merayu Yang Berhormat tolong, ini adalah peninggalan warisan. Kalau tidak mahu lihat dari sudut kebebasan agama, lihat dari segi peninggalan warisan. Inilah sebabnya kita letak di penjuruan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak ada masalah warisan, semua orang ada warisan. Hal agama, semua orang ada agama dan saya juga hendak merayu supaya Yang Amat Berhormat memahami konsep yang ingin saya utarakan. Masing-masing ada kefahaman masing-masing, itu sahaja masalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi Yang Berhormat tidak boleh menafikan apa Yang Berhormat ucapkan pada hari itu. Jelas sekali. Mengapa kalau tidak nak sebut *compound spirit*. Sebelum ini, saya pun tidak faham apa maksud *compound spirit*. Tiba-tiba anda sebut *compound spirit* saya pun ternganga dekat situ, saya bangun tanya apa *compound spirit*. Bila sebut apa itu natokong, itu *spirit*, baru saya tahu. *Icon, idol*, sembah, sembahyang. Baru saya tahu makna, maksud Yang Berhormat. Maksud jelas, tidak mahu tokong kecil dekat situ. Kalau mahu tokong kecil dekat situ mengapa nak ungkit-ungkit disitu? Bila saya telah jelaskan adalah peninggalan sejarah. Sekiranya adalah berasas macam bila Yang Berhormat menimbulkan tentang MAZZU, itu patung MAZZU yang kita tidak tahu. Dan apabila kita tahu, kita ambil tindakan, betul tak? Yang Berhormat setuju tak? Itu kita ambil tindakan kerana ia baru, ia tak ada peninggalan warisan, ia tak ada masalah, kita ambil tindakan. Ini adalah 100 kali ganda lebih besar daripada ini. Tapi bila ini adalah peninggalan warisan, mengapa nak memperkotak-katikan perkara ini yang saya rasa tak perlu jadi satu isu sehingga kita bertarik-tarik mengapa nak menimbulkan sensitiviti lebih-lebih lagi menyakitkan hati dan saya cakap ini memang tidak sihat. Yang dibangkit oleh Yang Berhormat memang tidak sihat. So, saya harap kalau nak selesai masalah ini supaya tidak timbul sebarang salah faham, lebih baik Yang Berhormat tarik balik apa yang disebut di sini, dan boleh memberi pandangan lain, tapi jangan sebut bahawa *compound spirit* la, tak usah la bubuh, apa maksud tak usah lah bubuh? Apa maksud tak usahlah bubuh? Jelas apa maksud ini

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya cakap Dato' Speaker kita kena habiskan isu ni secepat mungkin. *We are going round and round.*

Y.A.B. Ketua Menteri:

You are going round and round, you refuse to admit what you said "tak usahlah bubuh".

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya sebab saya dah disalahfahamkan, ya. Sebab saya bercakap tentang konsep. Saya cakap tentang konsep dan saya minta kalau nak buat taman-taman awam, janganlah diletakkan apa-apa *idol* dalam Taman Awam. Kalau Air Putih dah sebut tadi, dia *heritage*, saya pun tak kata suruh roboh, ya. *Confine the area nicely*, buat elok-elok sudut tu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nak pusing-pusing. Nak sebut *conceptual*, ini *conceptual*. Tetapi dia jadi fizikal. Dia diletakkan satu macam bentuk *shrine compulsory* ini, apa maksud ayat yang dikeluarkan daripada mulut sendiri YB. Telok Ayer Tawar? Contoh? *This is your own words*. Bahawa anda tak setuju dengan tokong kecil ini. Kalau boleh tarik balik, saya rasa kita boleh selesaikan. Boleh tak? Supaya kita tak ada salah faham. Kalau tidak, bukan sahaja perkara ini akan dibangkitkan, *MCA* akan hentam, saya cakap saya pengecut. Tapi saya juga nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Dua telah balas balik kepada *MCA* bagi pihak saya. Terima kasih YB. Sungai Dua. Apa ini?

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak tanya Air Putih, setuju tak dengan cadangan saya tu, konsep bahawa sebuah Taman Awam sepatutnya tidak diletakkan apa-apa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apakah isu ni, tarik balik. Ini kena selesai dulu. Terima bahawa...(gangguan).

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun minta penyelesaian tentang saranan saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

No, sekarang saranan anda boleh tarik balik tak? Tarik balik cadangan ini?

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak suruh roboh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya sebut disini, tak usahlah bubuh, apa maksud ini?

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata tak usahlah bubuh *compound spirit* di dalam mana-mana taman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

You are a lady. We are all a gentlemens. Boleh tarik balik tak? Boleh tarik balik tak? "kalau boleh *compound spirit* ini tak usahlah bubuh". Tarik balik. Tarik balik kenyataan supaya bukan maksud untuk.... (gangguan).

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun nak Air Putih tarik balik kenyataan dalam akhbar kata saya suruh roboh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau tak bubuh sana, mesti roboh.

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita sama-sama tarik balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak ada, saya... (gangguan) ini tak ada tawar-menawar punya.

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebab saya tak cakap suruh roboh dan sebab itu saya suruh tarik balik. Saya pun cakap tadi, saya minta Air Putih tarik balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat sudah kalah, kerana tahu sudah salah, tapi sekarang nak pastikan bahawa ini seri. So, nak memaksa saya tarik balik apa yang saya tak buat salah, macam mana ni?

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Buat salah kena mengatakan saya suruh roboh...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bila cakap "Tak usahlah bubuh" sama dengan roboh. Apa lagi? Apa bezanya? Macam mana lain? Boleh jelaskan, tak usahlah bubuh, apa maksud lagi. Sampai bukan saja Yang Berhormat kena, saya juga kena oleh rakan anda. Nasib baik itu Sungai Dua boleh tangkis bagi pihak saya. Cakap saya pengecut. MCA cakap saya pengecut kerana takut sama YB. Telok Ayer Tawar. Tapi YB. Sungai Dua cakap betul la, tapi perkataan ini saya tak berani sebut lah. YB. Sungai Dua berani sebut. Saya tak berani sebut. Betul, apa yang dia cakap itu MCA, tapi sekarang macam mana? Selagi Yang Berhormat tak tarik balik perkara ini tidak akan selesai dan saya harap Yang Berhormat boleh tarik balik. Ini jelas apa yang disebut ini, kerana selepas ini, ini mungkin akan kena *viral* lagi. Apa Yang Berhormat sebut akan kena *viral* lagi. Harap boleh fikir baik-baik.

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang akan *viral* jugak yang Air Putih kata saya suruh roboh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa lagi kalau tak usahlah bubuh.

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak kata suruh roboh dan tak ada niat cakap macam itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, boleh sebut macam itu, tapi hari itu bukan. Tak usahlah bubuh. Apa maksudnya? Saya mungkin boleh dapat nasihat daripada Pulau Betong untuk tarik balik lebih baik. Tolong fikir masak-masak.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat semua dah faham isu, sila Bagan Dalam tamatkan.

Ahli kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya nak minta Ketua Pembangkang minta maaf kepada masyarakat Cina di Pulau Pinang. Tentang kenyataan di buat di Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila ubah tajuk lain.

Ahli kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya belum habis... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak beri penjelasan sikit saja Yang Berhormat, boleh? Sikit saja. Berkenaan Tugu Kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak boleh. Sila ubah tajuk lain.

Ahli kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Ini tajuk yang *fresh*. Ketua Pembangkang mesti mendisiplinkan budak-budak di MCA, satu orang pun tak ada di Dewan, cakap besar saja. Ini MCA, tak tau apa yang berlaku di sini, mau marah Ketua Menteri. Inilah Barisan Nasional lah.

Baik, Dato' Speaker saya akan pergi ke tajuk yang lain. Ucapan saya atas adalah atas fakta-fakta. Fakta-fakta ini mesti dibincang. Kita tak boleh cakap fakta-fakta tak boleh dibincang. Ini kes ada di *Malaysian Anti Corruption Commission* (MACC), tak dak. Apa yang telah berlaku dan fakta ini semua orang akan kita boleh bincang di Dewan. Jadi, tak payah nak sembunyi-sembunyi tau. Tuan Speaker, perkara yang perlu disedari ialah perilaku Barisan Nasional dalam hal penyebaran berita dan maklumat. Terang-terangan RTM yang merupakan hak milik Kerajaan Persekutuan serta TV3, yang didalangnya sentiasa memburuk-burukkan Kerajaan Negeri yang bukan Barisan Nasional seperti Pulau Pinang dan Selangor. Segala yang baik tidak dilaporkan dan dalam pada itu, yang baik pula dimanipulasi untuk memberi gambaran buruk. Sungguh tidak beretika dari satu segi. Dari segi lain pula, dari berunsur jahat. Kemanakah perginya semangat kesopanan dan kesusilaan yang termaktub dalam Rukun Negara. Rukun Negara kini hanya menjadi hiasan di dinding di sekolah-sekolah atau di kulit buku. Memang tidak salah jika dinamakan hipokripsi politik. Nilai dan semangat sebenarnya telah lupus dilanda tsunami Barisan Nasional.

Benarkan saya menyentuh sedikit sistem kehakiman. Perlu disedari bahawa rakyat Malaysia tidak terbela oleh sistem perundangan yang ada. Antara yang sering berlaku ialah dalam hal jagaan anak antara muslim dan bukan muslim. Ambil saja kes-kes.. (kurang jelas) dan Indragandhi. Kedua-dua kes ini bukan sahaja berkenaan penafian hak ibu ke atas anak ataupun penukaran agama secara *natural* atau salah guna sistem oleh bapa yang memeluk Islam untuk mendapatkan hak penjagaan. Kes seperti ini menimbulkan persoalan besar mengenai Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa kehakiman dan hak rakyat Malaysia untuk mendapatkan *remedy* daripada mahkamah.

Dua (2) kes berasingan ini melibatkan dua (2) orang ibu beragama Hindu yang dipisahkan daripada anak-anak kecil mereka tanpa persetujuan dan pengetahuan ibu. Kemudian pula si bapa bertindak mendapatkan perintah Mahkamah Syariah untuk mendapatkan hak penjagaan. Jika emosi dan sentimen diketepikan, sudah pasti dapat dilihat tindakan sebegini sebagai ketidakadilan dan penyalahgunaan sistem walaupun Seksyen 88/3 Akta Membaharui Undang-Undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 mengandungi anggapan, *assumption* bahawa adalah lebih afdal bagi seorang kanak-kanak di bawah umur 7 tahun untuk dijaga oleh ibunya.

Namun, peruntukan ini berjaya dipintas apabila si bapa bertindak melalui Mahkamah Syariah, dan bukan Mahkamah Sivil. Oleh kerana Perlembagaan Persekutuan menentukan bahawa Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas muslim, maka ibu bukan muslim tidak memenuhi *local standard* dan tidak mempunyai hak untuk mencabar perintah Mahkamah Syariah dan memberi hak penjagaan kepada bapa di samping penukaran agama secara *unilateral*. Dengan begini, mudah sahaja seorang ibu kehilangan anaknya. Bersama-sama kita merenungi hal ini ke arah menghasilkan pertimbangan yang benar-benar adil. Sekian, kali ini Tuan Speaker. Saya pun sokong. Terima kasih dan selamatkan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama. Pertama kalinya, saya telah menghantar 2 usul, tetapi, tidak dimasukkan di dalam senarai Susunan Mesyuarat, jadinya usul kedua tu saya dah tanya kepada Pengerusi PAC dan dicadangkan supaya kedua-dua usul itu saya boleh bahaskan di dalam Dewan ini dan juga saya akan bangkitkan perkara-perkara lain untuk kepentingan rakyat di Penanti. Pertama, saya nak rujuk kepada, ataupun memberi sedikit maklumat berkenaan dengan penduduk di Penanti. Masa saya mula-mula jadi ADUN, saya diberitahu yang Penanti mempunyai 28 kampung and so on. Tapi sekarang data yang terbaru ialah Penanti mempunyai 30 kampung dan 8 taman perumahan.

Maknanya, kalau dibandingkan dengan KADUN-KADUN lain, peratusan penduduk di kampung adalah sangat tinggi. Dalam 30 kampung dan 8 taman perumahan ini, terdapat 29,832 penduduk dan lebih ramai wanita iaitu 16,015 dan lelaki 13,817. Kenapa saya bawa isu ini ialah sebab saya nak membincangkan berkenaan usul ataupun cadangan yang saya telah hantar iaitu berkenaan usul untuk Jawatankuasa Kira-Kira untuk meneliti atau memeriksa Bajet Negeri 2016, bagi supaya dijadikan input kepada Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2017.

Jadi dalam cadangan saya, saya telah memohon supaya Jawatankuasa Kira-Kira memeriksa sama ada Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2016 adalah seimbang bagi penduduk kampung dan penduduk bandar. Kedua, untuk memeriksa sama ada Belanjawan Negeri 2016 adalah seimbang bagi penduduk di Pulau dan penduduk di Seberang Perai. Ketiga untuk memeriksa sama ada Belanjawan Negeri 2016 adalah seimbang mengikut keperluan *gender*. Sebab tadi saya sebutkan di Penanti lebih ramai wanita. 16,000 lebih, lelaki hanya 13,000. Keempat untuk memeriksa proses penyediaan Belanjawan Negeri 2016 dan kesesuaian proses belanjawan *participatory* ataupun *participatory budgeting* untuk penyediaan. Belanjawan Negeri.

Saya ingin merujuk kepada Bajet 2016 dalam Bajet 2016 saya tengok di sini dari segi pendapatan sebab kawasan kampung, sebab saya ada 30 kampung. Kawasan kampung diberi servis oleh ataupun diseliasa oleh Pejabat Daerah SPT dan kawasan perumahan diseliasakan dan juga kawasan bandar diseliasakan oleh PBT ataupun MPSP dan dari segi pembersihan awam di kampung itu tidak dilakukan oleh MPSP. Saya juga mendapat surat bertulis dan juga jawapan jadinya jika MPSP tidak memberi servis kepada kawasan kampung maknanya tidak ada pembersihan awam dan hanya meletak *communal bins* maknanya kawasan kampung yang tiga puluh kampung penduduk di tempat saya itu tidak ada siapa-siapa yang jaga. Saya *check* dalam belanjawan pendapatan Pejabat Daerah SPT mengikut pencapaian sebenar pada 2014 sebab itu saja data yang terdapat dalam Bajet 2016 adalah RM175,078,985.35 maknanya Pejabat Daerah SPT mempunyai pendapatan RM175 juta ikut pencapaian sebenar dan kalau dilihat saya *check* juga mana dia belanjawan pembangunan yang diberikan sebab seperti yang saya nyatakan tadi kawasan kampung diseliasa oleh Pejabat Daerah, saya *check* dan saya tak nampak apa-apa tapi saya difahamkan melalui jawapan-jawapan bertulis iaitu Pejabat Daerah SPT mendapat RM100,000.00 setahun untuk keseluruhan enam (6) KADUN untuk membuat pembersihan awam di kawasan lapang tanah Kerajaan Negeri, bukannya di kawasan kampung dan juga untuk memotong pokok-pokok dalam keadaan ribut ataupun kecemasan.

Kalau dibandingkan pendapatan Pejabat Daerah SPT dengan pendapatan antara kelima-lima daerah, pendapatan SPT adalah yang paling tinggi sebagai contohnya kalau kita tengok di Seberang Perai Selatan, pencapaian sebenar ialah RM85 juta, di Barat Daya pencapaian sebenar pendapatan ialah RM44 juta dan juga kalau kita tengok di kawasan-kawasan lain adalah lebih rendah. Jadi maknanya jika MPSP tidak membuat pembersihan awam di kawasan Kampung sebagai contohnya kelmarin JKKK kawasan saya buat gotong-royong, dia buat gotong-royong, tiga puluh penduduk keluar tapi MPSP tak dapat datang dan bawa *backhoe* angkat semua sebab di kawasan Kampung dia ada *certain-certain* tepi sungai setengah kontraktor mana-mana dia pergi buang longgokan sampah *construction and demolition waste* atau batu-batu besar, orang kampung nak angkat macam mana. Jadi MPSP selalu kata boleh datang tolong bersihkan jika penduduk kampung buat gotong-royong tapi kalau MPSP tak dapat datang hari itu dan penduduk semua dah berkumpul dan hanya bagi barangan peralatan macam cangkul semua itu maknanya rugi dan setiap kali kita kena buat gotong-royong hanya kerana untuk bersihkan kawasan. Dan saya rasa selalunya saya selalu memohon pergi ke Mesyuarat MMK ataupun bangkitkan dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk mendapatkan *some funding* ataupun duit untuk sebab kalau diikutkan duit yang saya ada, saya dapat bajet yang sama diberikan kepada semua ADUN tapi bajet yang

saya itu juga perlu digunakan untuk memasang lampu, memasang tiang lampu di kawasan Kampung dan di kawasan awam juga untuk jalan sebab RM600,000.00 dalam belanjawan dan jawapan bertulis RM600,000.00 yang diberikan untuk penyelenggaraan jalan itu adalah hanya untuk penyelenggaraan jalan-jalan itu sudah didaftar sebagai jalan MARRIS dan duit RM600,000.00 itu hanya untuk menyelenggarakan jalan yang sudah didaftar dalam MARRIS.

Saya telah menghantar 135 jalan-jalan kampung untuk didaftar, tapi kena ingat duit RM600,000.00 itu bukan boleh digunakan untuk menaiktarafkan jalan-jalan kampung yang berselut, jalan tanah kepada jalan-jalan tar, dia tak boleh digunakan. Maknanya yang Pejabat Daerah dapat itu tadi itu untuk pembersihan kawasan lapang di tanah kerajaan sahaja. Jadi saya nak minta nak mohon sebab itu saya mohon kepada Jawatankuasa Kira-Kira Awam untuk memeriksa *based on term of reference* yang saya sebut tadi itu supaya boleh difikirkan Jawatankuasa Kira-Kira Awam untuk membuat rumusan dan syor supaya penduduk kampung yang juga penduduk Pulau Pinang dan juga pendapatan yang dapat yang dikumpul oleh Pejabat Daerah SPT itu dapat diberi juga kepada penduduk seperti pembinaan Dewan Orang Ramai dan sebagainya untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung sebab peruntukan MARRIS tidak dapat digunakan jadi disebabkan itulah yang saya membuatkan usul mengenai belanjawan.

Baru-baru ini YB. Pantai Jerejak datang ke Penanti dia mendapat aduan Penanti ini kampung dia semua gelap, so jadi dia memang fikir saya Penanti memang tak buat kerja, kenapa semua jalan dalam kampung ini gelap. Peruntukan yang saya ada satu tiang harga dia RM3,000.00 dan saya perlu hantar kepada Jawatankuasa Lampu di MPSP maknanya kalau penduduk minta bukannya saya boleh senang-senang pasang dan ada setengah-setengah kawasan sebagai contoh di padang yang kita tengok padang bola tak ada lampu langsung dan TNB pun tak nak pasang sebab kos yang mahal untuk pasang tapi itu adalah kawasan budak-budak main bola. Jadi saya maknanya saya haraplah supaya bajet negeri ini diperiksa dan mungkin pendapatan dari Pejabat Daerah SPT sebanyak RM175 juta yang sumbangan kepada Kerajaan Negeri boleh dipulangkan sedikit peratusannya balik kepada orang-orang kampung. Orang-orang taman, saya tidak berapa risau sebab MPSP boleh, dia memang bawah seliaan MPSP dan satu lagi juga di kawasan kampung, saya ada memohon sepuluh pili bomba tapi juga ditolak oleh UPEN dan diberitahu yang saya perlu memohon, maknanya pili bomba ini mesti mendapatkan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan tapi saya tanya kepada Bomba, Bomba kata dia hanya dapat membekalkan dua (2) pili bomba di seluruh Bukit Mertajam dan salah satu (1) diletak di Penanti tempat yang gelap. Jadinya kalau Kerajaan Persekutuan tidak dapat meletakkan pili bomba yang sangat penting sebab bila tak ada pili bomba bila Bomba datang dia tak boleh padamkan api. Jadi sebab itu penting lagi di Penanti yang saya pohon adalah kebanyakan di sekolah-sekolah tahfiz, sekolah-sekolah pondok sebab sebagai contoh di Penanti adalah satu tempat di mana terdapat banyak sekolah-sekolah pondok dan sekolah-sekolah tahfiz.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih sejak sidang DUN yang lepas saya ada memohon supaya Jeti Nelayan Kampung Terus dinaik taraf maknanya ada tandas, ada lampu, perkara *basic*, saya bukan minta benda yang *luxury* ataupun yang mewah-mewah, perkara *basic* sahaja. Saya nak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada JKR, Pengarah JKR yang datang sendiri turun tengok jeti dan *Insya-Allah* dia akan bantu kuatkan tebing dan sebab itu adalah Sungai Kulim, Sungai *federal* dan saya mengucapkan kepada Pegawai Kewangan Negeri YB. Dato' Mokhtar dan juga D.O SPT dan Kerajaan Negeri yang telah meluluskan peruntukan RM150,000.00 untuk naik taraf Jeti.

Saya juga harap yang Kerajaan Negeri juga akan meluluskan pembinaan Dewan Serba Guna yang baru di Taman Guar Perahu sebab penduduk di situ seramai macam saya sebut situ dia ada taman di situ lebih daripada 4,000 orang dan sejak 1970 taman itu taman yang lama tetapi masih tidak ada dewan orang ramai dan penduduk di situ adalah rumah-rumah yang satu tingkat dan teres satu tingkat mereka tidak ada ruang untuk membuat khemah kenduri depan rumah sebab rumah dekat-dekat sangat jadi saya harap yang Kerajaan Negeri akan meluluskan peruntukan untuk membina dewan serba guna untuk kegunaan orang ramai di situ dan saya juga nak mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri yang telah membaiki dewan badminton yang telah 20 tahun dan saya nak mengucapkan banyak terima kasih kepada Pejabat Daerah yang telah banyak membantu dan kepada JKR yang telah banyak membantu dan JPS terutamanya kawasan-kawasan banjir di Penanti. Okey saya nak *highlightkan* masalah di kampung ya. Di kampung, Penanti kita ada 12 JKKK tapi 12 JKKK dua JKKK adalah di kawasan perkampungan Cina tak ada masalah, masalah yang timbul yang JKKK saya, lima (5) JKKK masih belum menerima Surat Watikah, surat lantikan dan juga masih belum menerima apa-apa elaun ini dah dekat bulan enam (6) dan JKKK yang kawasan lain juga mereka hanya menerima elaun itu berkuat kuasa bulan empat dan saya diberitahu kalau untuk AJK semua mereka hanya akan menerima tiga bulan

lepas selepas dilantik yang rasanya pada 23hb Mei ini jadi saya hendak sebut yang di kawasan kampung peranan JKKK adalah sangat penting sebagai contohnya di Kubang Semang hari itu bila tidak ada JKKK jadi penduduk dia tidak bila ada masalah lampu tidak menyala macam-macamlah gelap semua sebab selalunya kalau AES permohonan untuk bantuan macam-macam perlu ada JKKK untuk tanda tangan maknanya ADUN tidak cukup. Dan saya amat sedih juga pada 1 haribulan Mac 2016 saya diberitahu oleh Pengerusi MMK Perhubungan Masyarakat Pantai Jerejak yang Penanti tidak terjejas, JKKK Penanti tidak terjejas dengan penstrukturan JKKK tapi bila saya diberitahu saya tidak terjejas saya pun tidak membuat bantahan apa-apalah sebab semua okey. Tapi bila pada 12.03.2016 baharu saya diberitahu yang rupanya JKKK saya sebenarnya yang sah hanya tiga (3), empat (4) orang sahaja di lima (5) kawasan itu, Mengkuang Titi tinggal tiga (3) orang, Mengkuang Mak Sulong tinggal empat (4) orang di kawasan yang ada 5,000 orang tidak ada JKKK sampai sekarang, Kuala Mengkuang pun tidak ada maknanya sampai sekarang ini, dia orang masih belum dilantik, maknanya apabila masih belum dilantik seperti yang saya sebut tadi MPSP tidak memberi servis di kawasan kampung. Pekara ini dibuat oleh JKKK jadi saya harap jika Kerajaan Negeri membuat apa-apa rombakan di dalam JKKK kalau tunggu sekian lama sebab kalau lantik bulan 5, penghujung bulan 5 tunggu lagi 3 bulan nanti barulah dia orang dapat elaun untuk JKKK jadi ini masa yang sangat lama dan lagi satu saya hendak memohon supaya apa-apa perlucutan di dalam JKKK dan perantikan baharu kepada JKKK, saya hendak minta sangat supaya ADUN diberitahu sebab saya memang tidak diberitahu kalau saya tahu maknanya surat pemberitahuan, emel ke notis ke tidak diberitahu kepada ADUN. Saya tahu pada 12 haribulan Mac rupanya JKKK saya memang dah tidak ada dan AJK itu sendiri yang dapat surat dia dilucutkan dan bila kita periksa balik watikah yang baharu pun dia akan duduk di Kawasan Penanti pun ada yang duduk dari kawasan luar. Jadi saya hendak minta sangat di kawasan kampung JKKK adalah nadi dan telinga kepada kita ADUN dan juga kepada Kerajaan Negeri tanpa mereka memang susah sangat bagi penduduk.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Penanti, Dato' Timbalan Speaker, saya memang amat simpati sekali kepada Penanti dah lah projek tidak dapat banyak hasil kutip banyak sebagai contoh apabila sebut soal JKKK. Cuma saya hendak dapat pandangan daripada Penanti agak-agak kenapakah JKKK ini tidak dilantik lagi dan agak-agaknya kenapa JKKK ini di pecat. Adakah kerana JKKK lama dari segi KPI tidak bagus, pretasi tidak bagus ataupun JKKK lama berhaluan lain dan seterusnya tidakkah Penanti diajak berunding sebagai wakil rakyat kawasan seharusnya kerajaan yang bertanggungjawab soal JKKK ini mulanya saya kata Ketua Menteri yang bertanggungjawab memang betul lah dari dahulu Ketua Menteri yang bertanggung jawab tapi Ketua Menteri dah beri mandat kepada Timbalan Ketua Menteri I betul. jadi sepatutnya Pantai Jerejak kena bincang dengan ADUN kawasan parti yang sama pula tu jadi adakah Pantai Jerajak tidak pernah berbincang dengan....(gangguan) tak pernah sakit hati, menang berapa tadi Ayer Puteh bagi saya sakit hati tadi.

Ahli Kawasan Permatang Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Seperti yang saya sebut tadi saya diberitahu memang ada komunikasi tapi saya diberitahu yang Kawasan Penanti tidak terjejas apa-apa tidak ada penukaran. Jadi saya tidak buat apa-apa jadi sebab itulah saya hanya mendapat tahu pada 12.03.2016 tapi sampai sekarang pun, JKKK saya masih belum dilantik dan tidak dapat elaun sebab itu isu yang saya hendak bangkitkan supaya mungkin kawasan lain itu tidak ada masalah tapi di Kawasan Penanti di mana ada 30 kampung ini satu masalah.

Saya hendak bawa pula kepada usul saya yang kedua sebelum itu saya hendak bangkitkan juga soal isu kilang haram sebelum saya terlupa sebab di kampung saya hendak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada MPSP kerana telah merobohkan kilang haram Vitra Kukuh. Yang saya mohon sekarang ini adalah perkara yang sangat penting sebab sekarang musim hujan dah mula sampai. Kilang ini bila dibina, dia tambak tanah dia tinggi satu meter dan bila kilang ini dirobuhkan pagar dia, sebelum itu bila dia membina kilang haram ini dia telah menutup semua parit-parit yang telah dibina oleh Pejabat Daerah jadinya parit-parit itu kalau air hujan datang di Kampung Tanah Liat, air hujan itu tidak boleh mengalir ke parit besar di Jalan Tanah Liat jadinya apa yang berlaku sekarang walaupun kilang itu telah dirobuhkan pagar dan kawasan itu masih sangat tinggi dan parit-parit itu masih bertutup jadi air tidak boleh lalu maknanya masalah banjir yang disebabkan oleh kilang haram masih berlaku. Baru ni, saya pergi melawat orang-orang kampung di sebelah di belakang kilang ini 10 buah rumah seorang telah meninggal dunia selepas kena banjir itu sebab makcik itu sudah meninggal pastu yang belakang betul-betul tu dia kena *stroke* dan dia masih muda dan dia kena *stroke* dan mempunyai anak yang baharu 20 hari dan tiga anak lagi. Jadi saya hendak mohon sangat kepada MPSP bila sesuatu kilang dirobuhkan ataupun dengan JPS ke, Jabatan Kerajaan mana-mana fikirkan bagaimana walaupun kilang ini

dirobuhkan masalah banjir itu tidak selesai sebab parit-parit yang telah dikambus semasa pembinaan kilang haram ini bila dia tambak tanah naik satu meter parit-parit tu masih terkambus dan tanah itu masih tinggi maknanya penduduk masih terperangkap air tidak boleh keluar jadi saya mohon sangat sebab walaupun Padang Kota telah sekarang ini buat *survey* semua untuk kajian berkenaan keadaan banjir di situ tapi saya harap pihak MPSP boleh bantu ataupun siapa-siapa pihak berwajib boleh cari jalan untuk bukakan balik parit-parit yang telah terkambus itu supaya air boleh lalu ke parit yang besar.

Sekarang saya akan pergi ke usul saya yang kedua itu, usul saya yang kedua adalah berkenaan dengan saya memohon kepada Dewan untuk meluluskan cadangan supaya perjanjian dan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang diperiksa dalam Jabatan Kira-Kira Awam supaya dijadikan input kepada perjanjian yang akan dimeterai atau ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan SRS sebagai PDP yang dijangka pada bulan Jun 2016. Jawatankuasa juga di minta membentangkan rumusan dan syor dalam Dewan ini matlamat cadangannya ialah satu untuk memeriksa pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang yang menjangkau masa 50 tahun ini benar-benar boleh direalisasikan sebelum PRU 14 memandangkan lesen projek mega pengangkutan awam negeri. Projek ini projek di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan tetapi kelulusan itu terletak dibawah kuasa dan pentadbiran Kerajaan Pusat Barisan Nasional maknanya *different party*. Jadi saya mohon supaya PAC untuk meneliti sama ada betul ke Kerajaan Pusat akan meluluskan sebelum PRU 14.

Keduanya, untuk memeriksa sama ada Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang adalah seimbang bagi penduduk kampung dan penduduk bandar. Ketiga, untuk memeriksa pelaksanaan pelan induk ini adalah seimbang untuk penduduk di pulau dan penduduk di Seberai Perai. Keempat, untuk memeriksa pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Awam adalah seimbang mengikut keperluan *gender*. Kelima, untuk memeriksa proses pelaksanaan pelan induk pengangkutan awam yang akan dimeterai perjanjian pada bulan Jun ini dan kesesuaian proses partisipatori *planning* melibatkan *round table* bersama *stake holder round table* sebagai contohnya dalam penyediaan pelan pelaksanaan untuk mengambil kira apa-apa cadangan pelan. Bila saya sebut *stake holder round table...*(dengan izin) maknanya penduduk-penduduk yang akan terlibat yang akan menerima kesan daripada pelan induk ini. Saya difahamkan Kerajaan Negeri mempunyai satu jawatankuasa yang *strategic communication*. Jadi saya harap jawatankuasa *strategic communication* ini akan membuat meja bulat atau *round table discussion* bersama dengan *stake holders* dan saya minta lagi satu ialah saya telah minta keenam adalah pelaksanaan alternatif yang mungkin lebih berkesan, cekap dan lebih lestari dan lebih murah ada untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan pertingkatkan penggunaan kenderaan pengangkutan awam untuk memeriksa sama ada pembayaran Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Pulau melalui kaedah tebus tanah dan tambakan laut untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang dimasa akan datang supaya dijadikan input supaya ada kaedah pembayaran yang lebih lestari dan kos efektif untuk kesejahteraan penduduk Pulau Pinang untuk masa panjang. Kesembilan, berkenaan empat sistem rangkaian pengangkutan awam yang berbeza dalam pelaksanaan pelan induk iaitu LRT, MONOREL, TREM dan Sistem BAS TRANSIT adalah wajar berbanding satu rangkaian sistem pengangkutan yang lebih kos efektif seperti di Kaohsiung, Taiwan iaitu LRV atau TRAM moden yang disokong oleh sistem bas transit. Saya tengok pelan pengangkutan ini merangkumi 50 tahun tapi bila saya dengar pembentangan dari SRS dulu mula-mula Kerajaan Negeri membuat pembentangan lepas tu SRS membuat pembentangan pada 1.03.2016 masa tu JKR juga membuat pembentangan jalan-jalan baharu yang telah dibina *almost* siap saya rasa pembinaan jalan-jalan yang Zenith BUCG, tiga (3) jalan dan *tunnel* itu saya tidak pasti betul-betul akan dibina dilaksanakan dan dua jalan dipanggil *paired road*, tambahan dengan Pan Island PIL dan *linked highway* atau *linked road* dan sebagainya dan juga monorel, LRT semua ini saya nampak tumpuannya kepada bahagian pulau. Saya juga membuat pertanyaan yang LRT atau apa-apa pembangunan dekat Seberang Perai bila akan buat, mereka kata mungkin 15 atau 20 tahun tetapi tidak pasti.

Sebab itu saya mohon kepada PAC untuk meneliti perkara ini. Saya sangat gembira bila YB Padang Kota telah melantik KPMG dan juga USM Bahagian Pengangkutan, Profesor Farhan untuk meneliti dan membuat *peer review* ke atas pelan pengangkutan yang dibuat oleh SRS. Saya hendak mohon sangat sebab dihubungi oleh, saya ada banyak adik-beradik di sebelah selatan pulau. Mereka suruh saya beritahu, jadi saya hendak sampaikan mesej mereka. Mereka beritahu terdapat lebih kurang 1,000 nelayan dan kampung-kampung Melayu di situ, mereka bimbang berapa tempohkah masa akan digunakan untuk menambak laut untuk dijadikan tiga (3) pulau itu. Mereka hendak tahu apa akan terjadi kepada mereka. Walaupun SRS beritahu penduduk kampung akan dapat peluang perniagaan, mendapat perkhidmatan tetapi mereka tetap bimbang sementara pulau itu nak siap, sementara semua benda sudah ada, apa akan jadi kepada nelayan-nelayan yang lebih 1,000 nelayan-nelayan disitu. Apakah akan jadi kepada kampung-kampung? Sekarang ini pun, rumah-rumah di tepi Jalan Damar Laut, sekarang sudah

mencapai harga RM1.0 juta. Tidak ada orang kampung, tidak ada siapa pun di kampung yang mampu beli rumah-rumah itu, jadi bila pembangunan tiga (3) pulau ini berlaku dengan memfokus kepada pelancong asing, mungkin marina dan maam-macam, adakah rumah-rumah di situ mampu? Sementara menunggu pembangunan itu siap, apakah akan jadi bila *dredging* dibuat dan sebagainya, apa akan terjadi kepada orang-orang di kawasan kampung tersebut? Adakah kampung itu sementara menunggu semua itu siap, adakah mereka akan pupus? Ini saya bawa suara macam saya kata daripada adik-beradik saya.

Saya hendak ceritakan, semasa sidang DUN yang lepas saya buat *operation total replacement cervical spine*, makna, semua tulang-tulang baru, *artificial*. Semasa itu selepas pembedahan, saya hendak ucap tahniah, memang bagus pelancongan *medical, medical tourism* di Pulau Pinang memang bagus sebab saya, saya sudah pergi *rickie* satu Malaysia *the best hospital* ialah di Pulau Pinang dan *neurosurgeon* yang terbaik. Semasa saya dalam tempoh rehat untuk pulih, saya tinggal di sebuah rumah ini dan orang di situ cerita bagaimana Kampung Gajah telah pupus apabila Kampung itu, dari Kampung Gajah, Butterworth sampai ke Bagan Ajam telah hilang apabila terminal kargo dibina. Dulunya disitulah rumah-rumah D.O. yang cantik-cantik sebab pantai di situ sangat cantik, tapi telah hilang apabila terminal kargo yang sepatutnya dibina di Perai, kawasan perindustrian, tetapi dibina di kawasan pantai yang sangat cantik di mana orang-orang kampung tinggal dan mereka semua terpaksa pergi. Kita tidak mahu ini berlaku di Pulau. Saya berharap KPMG, USM dan juga Jawatankuasa Kira-kira Awam akan meneliti projek ini, apakah betulkah kita memerlukan RM27 bilion itu untuk membina LRT dari KOMTAR ke Lapangan Terbang Pulau Pinang, dari KOMTAR ke Bayan Lepas.

Adakah ianya berbaloi kita buat itu tetapi kita hilangkan sebahagian *heritage* Kampung-Kampung kita. Seperti kita menghargai George Town *heritage*, saya rasa kita patut juga menghargai Kampung-Kampung yang masih ada. Sebab itu di Penanti, orang-orang Kampung memang tidak suka pembangunan rumah orang kaya-kaya. Saya *fight* dalam sidang DUN ini untuk mendapatkan peruntukan yang *basic* sahaja, bukan kita hendak bina rumah orang kaya-kaya bukan, apa yang saya minta adalah pili bomba, jalan, lampu dan sebagainya, benda-benda yang sangat *basic*. Jadi saya harap bila kita hendak tingkatkan pelancongan di Pulau Pinang, perlu sedar pelancong-pelancong asing bila datang mereka bukan hendak tengok lagi satu bandar yang penuh dengan macam di Kuala Lumpur atau mereka hendak pergi tengok suasana keindahan Kampung(gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Minta penjelasan sedikit. Adakah YB. Penanti ingin jadikan Pulau Pinang tetap sebagai Kampung dan orang-orang luar negara hendak tengok orang Pulau Pinang tinggal di Kampung atau jadikan Pulau Pinang sebagai satu bandar *international*. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya rasa tidak ada masalah kita jadikan Pulau Pinang sebuah bandar maju, Pulau Pinang sudah jadi bandar maju, di Permatang Pauh dan Seberang Jaya pun hebat, lebih kurang macam George Town juga, penuh dengan *shopping mall*, tetapi adakah pelancong-pelancong itu datang untuk tengok *another shopping mall*, tidak. Mereka datang untuk tengok keadaan semula jadi, sebagai contoh, di Penanti, baru semalam sebenarnya kita buat *ultra marathon*, 165 kilometer, 100 kilometer dan 50 kilometer *run* dan *participation*nya adalah sebanyak 20 negara. Saya dengan Ahli Parlimen Permatang Pauh turun semasa *flag off* dan kita ada perancangan pada bulan Disember ini semasa kita siap semua kerja-kerja JPS, Pengarah JPS dan Pejabat Daerah naik taraf jeti, kita akan buat *river run*. Kita hendak beribu-ribu orang datang, bila mereka datang kita hendak beri mereka alternatif, maknanya mereka pergi George Town untuk *shopping* tetapi pada masa yang sama boleh juga datang naik bot di sungai, masuk Kampung, tengok bendang, benda seperti ini dikekalkan, Kampung-Kampung masih ada. Kalau warisan Kampung ini hilang, Pulau Pinang cuma jadi macam *another city*, tidak ada keistimewaannya.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Saya ingat YB. Penanti juga bersetuju pembangunan itu perlu *balanced*. Kampung kita akan ditetapkan sebagai Kampung warisan tetapi di kawasan bandar kita hendak infrastruktur yang lebih maju dan teratur. Jika pelancong-pelancong daripada luar negara datang ke Pulau Pinang, mereka juga hendak melihat Pulau Pinang mempunyai *public transport* yang sistematik. Oleh itu, kita hendak jalankan projek infra untuk membangunkan Pulau Pinang secara lebih mampan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya cuma hendak *respond* satu sahaja, dulu saya buat Phd di Sussex, University Brighton, kawasan itu adalah satu *seaside town* dan tidak ada satu LRT pun tetapi ramai orang dari *the whole UK* datang ke tempat kita bila bercuti. Tidak ada kesesakan pun sebab semua orang guna *public transport* yang baik. Disebabkan itu juga pada 3 Mac, saya telah membuat pembentangan kepada MMK Lalu Lintas untuk satu projek *feeder bus* sebab dalam Pelan Pengangkutan Awam disebutkan dan juga dalam report Healthcro, perlu ada *feeder bus system*. Maknanya kenapa orang tidak suka guna bas sekarang ini. Sekarang di Penanti memang tidak ada bas tetapi ada bas yang lalu ke Bukit Mertajam. Bila saya tanya seluruh penduduk Kampung yang berpendapatan rendah, mereka ini naik motor tetapi kita tengok banyak kemalangan melibatkan motor, budak-budak sekolah semua naik motor. Disebabkan itu, saya telah membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk buat satu *feeder bus* dalam Penanti sebab sekarang Penanti tidak ada bas. Sekarang ini dari kajiselidik yang telah dijalankan oleh UPEN di 12 tempat, saya hendak bacakan keputusan kajiselidik ini, setakat ini dihantar kepada 12 JKKK tetapi 30 Kampung, keputusannya Padang Ibu 100% setuju nak *feeder bus*. *Feeder bus* itu maknanya bukan bas-bas yang besar-besar dan tidak boleh masuk kampung. Orang mungkin akan suka naik bas jika perkhidmatan bas itu sampai dekat rumah, kalau bas-bas besar tidak boleh. Jadi saya telah membuat pembentangan bas mini desa untuk masuk ke Kampung menggunakan *shuttle 14 seater*. Maknanya bas-bas itu boleh masuk ke Kampung, jadi kaum ibu tidak risau sebab *shuttle bus* itu akan betul-betul sampai di rumah mereka. Setakat ini 12 JKKK, Mengkuang titi, Kubang Semang, Kubang Ulu, Mengkuang Mak Sulung, Guar Perahu, Kuala Mengkuang, Mengkuang Semarak, Tanah Liat, Berapit, Sungai Lembu, Tun Sardon dan Padang Ibu, semua setuju hanya Tanah Liat 70%, yang lain semua 100% tetapi konsep dia adalah sebagai *feeder bus*. Maknanya *feeder bus* ini bas yang kecil, bukan yang sekarang bas besar-besar yang tidak elok dan buruk dan dipenuhi dengan warga asing semua orang takut nak naik bas, jadi kalau *feeder bus* ini dia lain, di *operate* kan oleh penduduk kampung sendiri. Jadi saya harap sangat yang selepas *survey* ini siap dan saya pun dah dapat *result* sudah hantar ke Pejabat Daerah saya harap Kerajaan Negeri akan meluluskan sebab kos sangat rendah kalau waktu *pick hours* sahaja bas operasi kosnya hanya RM50,000 sebulan, kalau kita buat setiap masa ikut jadual bukan hanya *pick hours* kosnya hanya RM70,000 sebulan berbanding dengan RM27 bilion yang nak di gunakan untuk buat dua (2) LRT *you know and mostly* kawasan pulau sahaja bagaimana penduduk kampung. Jadi saya mengharap sangat ya...(gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Tadi Penanti bukan cakap kampung nak tetap kampung infra tidak mahu masuk dekat sana.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tak. Saya kata bas ini bukan infrastruktur, ini satu perkhidmatan (gangguan) *shuttle feeders service* ini pun termasuk dalam *helcro report*...(gangguan) yang ini *helcro report* bercakap berkenaan kepentingan *feeders bus*.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Yang Berhormat Penanti, semasa Penanti *present report* ini cadangan ini memang saya pun ada dalam mesyuarat itu saya pun bersetuju. Tapi tadi cakap hanya LRT hanya dibuat Pulau dan LRT tidak masuk kawasan Yang Berhormat. Tadi baru Yang Berhormat cakap tidak mahu kampung dijadikan bandar, so LRT tidak mahu masuk, sekarang Penanti....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya kata dalam mesyuarat bila saya tanya SRS, LRT ke Butterworth itu bila hendak buat, dia kata mungkin 15 hingga 20 tahun itu pun tidak tahu, itu pun tidak pasti, maknanya satu *transport master plan* yang 50 tahun tidak ambil kira keperluan kampung-kampung saya sekarang ini. Hendak tunggu bila kalau 50 tahun pun tidak ada.

Lagi satu (1), saya hendak pergi kepada Pembangunan Desa. Pertamanya, saya hendak tengok dari jawapan Pembangunan Desa, dia kata membuat panggilan mesyuarat enam (6) kali. Tapi bila saya tengok alamat yang dihantar *especially* telefon dan faks adalah salah. Jadi bila saya *check* dalam *e-directory*, *e-directory* memang gunakan alamat yang betul dan e-mel yang betul dan saya berharap

sangat siapa-siapa yang membuat panggilan mesyuarat sebab saya pernah tanya dalam soalan bolehkah guna emel ke?. Sebab kalau hantar ke alamat salah, telefon nombor pun salah, faks pun salah, sekurang-kurangnya emel itu kita boleh dapat. Jadi saya sangat mengharapkan.

Lagi satu (1) dalam Pembangunan Desa, saya tengok satu Pelan Pembangunan Desa akan dibuat dan ditulis di situ JKKK Penanti dijemput tapi itu di Kubang Semang, Mukim 20. Tapi itu bukan Kubang Semang Mukim 5 dan itu adalah kawasan DUN Permatang Pasir. Maknanya 30 kampung saya tidak terlibat dalam Pelan Pembangunan Desa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan Yang Berhormat Penanti, Yang Berhormat bersetuju atau tidak, kalau saya sebut di dalam Bengkel Penyediaan Pembangunan Desa di mana Yang Berhormat adalah salah seorang ahli yang dijemput untuk memberikan input tentang penggubalan tentang dasar ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya hanya hadir pada bengkel yang pertama. Saya menyoal berkenaan dengan *grass root*. Sebab ada lagi satu bengkel di mana JKKK iaitu *grass root leaders* dijemput yang saya tidak sangka kata saya tidak di jemput sebagai ADUN.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan Yang Berhormat Penanti, kita buat *round table* dan bengkel mengambil kira semua latar dan juga kawasan, kawasan desa ni bukan kawasan Penanti sahaja, kawasan Seberang Jaya pun ada desa. Ada kawasan Kampung Pertama, kawasan Kampung Besar, kawasan Kampung Permatang Nibong pun kawasan desa. Jadi banyak tempat yang diambil kira termasuk juga di seluruh Negeri Pulau Pinang. jadi *representation* dia itu kita ambil dari semua pihak. JK (jawatankuasa) ini kita tidak ambil sampai 200 lebih JKKK untuk kita ambil semua untuk kita buat bengkel itu, itu untuk makluman Yang Berhormat Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya bangkitkan macam ini, sebab Penanti ada 30 kampung, jika tidak ada sesiapa *grass root* pemimpin ketua langsung dalam 30 kampung ini dipanggil untuk Penyediaan Pelan Pembangunan Desa, saya rasa tidak patut sebab mungkin memang Seberang Jaya kampung memang ada 30 kampung? Okey, jadi saya harap, saya nak ucapkan terima kasih saya tengok dalam jawapan maknanya dalam Pembangunan Desa banyak fokus kepada membantu orang-orang yang susah seperti memperbaiki rumah, membuat rumah baru, beri peralatan dan saya rasa ini adalah usaha yang sangat baik dan saya amat menyokong dan saya amat berterima kasih kepada Tuan D.O SPT yang telah menjemput saya untuk menghadiri Jawatankuasa Kemiskinan pada 27 April baru ini. Jadi disebabkan saya dapat hadir jemput, *Alhamdulillah* kami Penanti telah menghantar 27 permohonan berbagai peringkat dan saya hendak ucapkan terima kasih kepada penghulu yang telah menyiasat setiap kes bersama saya dan JKKK saya. Saya juga hendak mengucapkan berbilang terima kasih kepada Program AES. AES di Penanti sekarang ada 48 tapi iaitu bantuan bulanan. Disamping AES kita minta juga kepada Zakat dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Saya hendak sebut yang, saya agak rasa sedih jugak bila Pejabat Ketua Menteri membuat kenyataan media yang saya tidak buat kerja yang hanya 48 orang sahaja yang dapat bantuan kewangan bulanan, itu saya rasa dan juga buat kenyataan media dua (2) hari lepas itu, selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan.

Saya rasakan kadang-kadang apabila media membuat laporan katalah dia kata "*state government NST* keluarkan satu berita tidak tolong orang-orang susah" kena selidik dahulu *at least* angkat telefon tanya saya adakah saya *complaint* fasal perkara itu, kerana saya tidak pernah sekali pun *complain* fasal yang Kerajaan Negeri tidak membantu orang-orang miskin sebab saya memang suka Program AES itu sebab dia *top up* sampai dia dapat pendapatan garis kemiskinan dan kalau keluarga itu lagi ramai dan dia dapat lagi banyak keutamaan peralatan bantuan semua diberi kepada orang-orang yang susah. Saya memang mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Seberang Jaya dan juga kepada YB. Sungai Puyu kerana telah mengadakan program-program AES ini. Jadi saya harap bila ada laporan media apa-apa sebab masa itu kita ada Dato' Speaker membuat satu Forum "Apa ADUN Buat". Jadi dalam forum itu saya cerita sekarang ini pun sejak 4 Mei saya pergi rumah ke rumah 300 orang-orang susah di KADUN Penanti untuk melihat mereka perlu bantuan bulanan ke, hendak baiki rumah ke

dan kita bagi duit raya sedikit dan bawa bantuan zakat. Jadi memang kita di Penanti saya suka pergi rumah ke rumah. Bila kita pergi rumah ke rumah saya tahu jalan dia teruk, tiada lampu, apa masalah yang dihadapi anak-anak dia mungkin. Jadi itu bukannya satu *complaint* kepada Kerajaan Negeri, bukan itu sahaja cara saya suka jumpa orang-orang susah di kawasan saya itu sahaja bukan satu *complaint*.

Berkenaan dengan isu wanita. Saya hendak bangkitkan sedikit saya harap dalam Pelan Pembangunan Desa saya tengok mengatakan yang wanita-wanita digalakkan bekerja. Jadi bila wanita digalakkan bekerja jadi saya mengharap Kerajaan Negeri akan memberi sokongan kepada wanita-wanita ataupun tempat-tempat yang pengusaha Tadika sebagai contohnya. TADIKA 3 sampai 6 tahun. Tadika ini kalau keluar lesen dari Jabatan Pendidikan Negeri syaratnya ialah dia kena dapat lesen itu, TADIKA itu kena didirikan rumah *semi-D*, banglo ataupun *corner lot* tetapi di kediaman bukan di tempat komersial. Dan yuran lesen itu hanyalah RM7.00. Dan lesen itu adalah untuk enam (6) bulan sampai setahun. Lepas itu dia perlu *renew*. Dan Lesen daripada Jabatan Pendidikan Negeri ini syaratnya kena di rumah dan dia ada beberapa latihan kepada guru-guru pengusaha TADIKA dan dia juga bagi sistem panduan latihan yang baik dan juga pengusaha TADIKA ini mendapat geran untuk buka tadika di kawasan kediaman sebanyak RM10,000 hingga RM20,000. Dan juga Jabatan Pendidikan Negeri memberi bantuan yuran perkapita so kalau tadika itu memberi yuran RM100, RM200, RM400, RM500 tidak kisah, tapi JPN akan memberi bayaran bantuan yuran kepada ibu bapa. Masalahnya ialah, TADIKA MBPP sebagai contohnya PBT dia menyuruh tadika ini mendapat lesen komersial di tukar kepada lesen komersial sebanyak RM50 *per meter square* atau pun lebih kurang RM50,000. Dan rumah-rumah ini tidak dibenarkan dibuat bumbung ke apa-apa. Tapi maknanya ia melanggar syarat, sebab syarat untuk mendapatkan lesen tadika daripada JPN ialah kena buat di rumah kediaman, jadi tidak boleh *convert* kepada komersial. Jadi saya mengharap sangat dan juga bumbung, MBPP pun tidak benarkan buat kan bumbung, suruh robohkan bumbung tapi kena fikirkan, di kediaman kena ada bumbung sebab kadang-kadang orang letak kereta atau pun supaya sejuk budak-budak itu main dekat luar rumah.

Jadi saya hendak mengharap supaya pihak MBPP dan juga pengusaha-pengusaha tadika ini dan juga JPN duduk berbincang bagaimana hendak menyelesaikan sebabnya. Kalau kita hendak menggalakkan wanita bekerja dan berniaga kita mesti mempunyai satu sistem sokongan yang padu dan baik. Dan jika lesen JPN memberi syarat yang dia hanya bagi lesen kepada tadika di rumah kediaman *semi-D*, banglo atau *corner lot*, maknanya tadika itu tidak boleh buka di kawasan rumah kedai sebagai contohnya. Dan kalau hendak *convert* dia hendak selalunya dia sewa rumah itu, kalau sewa rumah orang nak *convert* jadi komersial mesti tuan rumah tidak bagi dan kalau maknanya ini menyusahkan. Jadi saya amat mengharap supaya ketiga-tiga pihak duduk dan fikirkan masalah macam mana hendak membantu wanita-wanita supaya bekerja. Sebagai contoh saya kata sebentar tadi Penanti ada kata lebih ramai wanita daripada lelaki.

Yang *almost last* adalah proses, proses berkenaan dengan penjimatan. Saya tengok, saya selalu hadiri Mesyuarat Pejabat Daerah, MMK ke. Kadang-kadang mesyuarat tu panjang 3 ke 4 jam kadang sambung mesyuarat lain selepas itu, air dia bagi macam satu kotak kecil sahaja sebab saya tengok jawapan bertulis yang di *spend* untuk perjalanan EXCO ke ADUN mana-mana ke, dan saya juga tanya apa KPI yang di hasilkan dari lawatan-lawatan negara ini, tapi yang perkara fasal bila kita duduk berjam-jam dalam mesyuarat selalu mesyuarat katakanlah mesyuarat pukul 9.30 pagi ke apa ke, otak dah jadi macam pening kepala sebab *you* punya *sugar level* itu keadaan gula dalam badan dah rendah, dah macam hendak pitam, jadi saya rasa memang kita hendak jimat *I mean* orang datang susah payah saya duduk dekat Penanti datang mesyuarat dekat Pulau. So sekarang ni saya cuba datang bawa bekal tapi saya bawa bekal air, saya seorang sahaja semua orang tengok makan bekas saya seorang. Jadi saya hendak minta sangat kepada Kerajaan Negeri memang kita hendak jimat. tapi jangan jimat cara ini sebab orang susah payah datang mesyuarat. Janganlah kalau beri dua (2) kuih pun tak apa. *At least* air kopi, air teh ke *something* beri air kadang-kadang tiada air pun. Air sedikit, ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Penanti, mungkin kita suruh Kerajaan Negeri merujuk PAC *meeting*, ada nasi lemak, ada teh tarik macam itu, baru boleh *meeting* berjam-jam. Ikut contoh.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Timbalan Yang di-Pertua, Penanti ada menyebut tentang perbelanjaan EXCO-EXCO semasa lawatan di luar negara, saya ingin bertanya berapakah perbelanjaan yang dinyatakan dan diterima atau pun diberi kepada Penanti?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya jawab saja. Pada 2015 RM1.942 juta dan 2016 RM235,420 untuk tujuh belas lawatan. Semua sekali dari tahun 2008 sampai sekarang RM7.689 juta. Dan saya tanya KPI, saya rasa kalaulah berapa juta-juta boleh dibelanjakan, takkan lah tak boleh buat air, yang dalam *cup* itu mahal. Masak air teh ke buat kuih dua (2) pun tak apa. *At least* dia boleh *last* untuk tiga jam.

Berbalik kepada proses ni penjimatan ini, saya nak tanya berkenaan sebab saya tidak puas hati dalam PAC juga jawapan saya terima bertulis pun saya rasa tidak berpuas hati. Saya tanya kenapa kita RM138 juta untuk Kajian Kebolehlaksanaan dan Rekabentuk Awal *Penang Transport Master Plan*. Ada dua fasa, Zenith BUCG buat jalan tu. Dan tuntutan yang dibuat adalah pada 27 November 2014 dan dalam masa 8 hari, 4 Disember telah membayar RM138 juta kepada Syarikat Ewing Zenith? Jadi saya juga ada tanya soalan kenapa bayar untuk Kajian Kebolehlaksanaan ini mengikut 5.5% sebab total kos kajian RM305 juta sebab saya rasakan kalau setakat saya tengok juga laporan tu macam berkati jugalah. Saya tengok setiap *page* penuh dengan gambar *and all that* jadi saya rasa Kerajaan Negeri boleh memikirkan untuk bagi bayaran. Kenapa tak bayar mengikut *profesional fee* ataupun *reimbursement, cost manpower* daripada guna 5.5% daripada kos keseluruhan projek RM6.3 billion untuk kajian. Jadi saya nak saya tak berapa puas hati dengan jawapan yang saya terima sebenarnya sebab itu saya tanya dalam Dewan ini. Rasanya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Penanti sebelum ini Yang Berhormat juga adalah Ahli PAC. Apa pandangan Yang Berhormat dalam sidang Dewan yang lepas tanpa pengetahuan Ahli PAC, pihak Pengerusi PAC telah membuat pekeliling pembentangan laporan pun ditarik balik sebab kita tidak tahu. Selepas satu penggal berlalu sampai ke hari ini laporan itu belum siap lagi. Dah dua penggal laporan itu masih belum disiapkan lagi. Adakah YB. Penanti berpuas hati dengan prestasi Pengerusi PAC itu.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya nak jawab.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak tanya dengan YB. Penanti.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya minta laluan. Laporan yang dikemukakan dalam penggal lalu adalah *preliminary report* dan *final report* Yang Berhormat pun tahu perbincangan belum habis lagi. Lagi satu (1) mesyuarat sebelum *final report* dikeluarkan. Saya tahu apa niat yang jahat Yang Berhormat kemukakan. Bicara belum habis lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, saya tidak ada niat jahat. Saya bertanya kepada YB. Penanti dah lama sangat dah tak siap. Kes yang besar kita segerakan kenapa kes yang lebih penting yang memerlukan jawapan tapi tidak ada jawapan. Nanti YB. Penanti mengemukakan soalan tidak ada jawapan. Ini sepatutnya YB. Penanti, tempoh lama telah berlalu dan harus dipercepatkan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya hanya nak menjawab yang setakat ini sebagai contohnya saya tengok laporan itu, selepas dibayar RM138 juta, saya tengok dia punya *chapter* untuk syor dan *recommendation* hanya satu (1) muka surat dan satu (1) *paragraph*. Dengan itu kita bayar RM138 juta. Yang lain-lain itu gambar sahaja. Saya bacalah sebagai seorang yang pernah buat Phd. Kalau memang *recommendation* punya *chapter* tak boleh satu muka surat, satu perenggan sahaja, Tidak boleh....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

YB. Penanti, saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Penanti berkaitan dengan kajian. Kajian yang dibuat oleh Zenith RM305 juta. Adakah pembayaran RM138 juta dalam

bentuk tunai ataupun dalam bentuk tanah yang diberi sebagai ganti yang ditambah. Yang saya faham dalam bentuk tanah. Nak dapatkan penjelasan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bayaran RM305 juta itu adalah dalam bentuk tanah 110 ekar tapi yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tidak betul tu. Saya harap nanti EXCO jawab. Jawapan itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila buat penutup.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Selama ini ingat 110 ekar....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti YB. EXCO jawab.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya beritahu bahawasanya bayaran untuk tanah itu adalah sebahagian sahaja. Bukan keseluruhan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Dan juga bayaran itu ikut RM138 juta adalah untuk *City Of Dreams*? Rasanya oleh Syarikat Ewein Zenith. Jadi saya setakat ini *actually* ada banyak lagi nak cakap. Ada seseorang bertanya berkenaan obesiti lah kita kena *exercise*, saya harap di kawasan kampung pun macam di kawasan sungai boleh di buat *track*, di kawasan-kawasan lapang di kawasan Taman Guar Perahu 4.6 ekar ada kawasan lapang, saya dah minta dari tahun 2008 buatlah *joging track*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Minta lagi. Minta lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Itulah saya tengok, saya tengok pendapatan Pejabat Daerah SPT adalah RM175 juta yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri. Saya mengharapkan berilah sikit pada orang-orang kampung kita. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Salam sejahtera dan selamat petang saya ucapkan kepada Dato' Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Diucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Timbalan Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya menyertai sesi perbahasan Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pertama sekali, saya ingin sentuh tentang pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Syabas kepada Kerajaan Negeri kerana sekali lagi mendahului negeri-negeri lain untuk menjadi negeri pertama dalam mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi

Tahun 2015 dan berjaya mengekalkan pencapaian menjadi negeri pertama untuk mengemukakan penyata kewangan selama lapan (8) tahun berturut-turut. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2015 mencatat peningkatan dan lebihan hasil. Ini sangat jelas menunjukkan bahawa amalan pengurusan berasaskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus memanfaatkan semua. Yang cukup membanggakan ialah pengecualian membayar cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri lebih prihatin rakyat pada ketika mereka dibebankan oleh Cukai Barang dan Perkhidmatan iaitu GST. MBPP dan MPSP akan membayar GST bagi rakyat yang menggunakan perkhidmatan mereka. Kedua-dua tindakan telah sekali gus membantu sebilangan besar rakyat Negeri Pulau Pinang yang tertekan cukai GST. Sekali lagi, syabas!

Perkembangan Sektor Pelaburan dan Perindustrian, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin merakamkan tahniah kepada Kerajaan Negeri mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan terpilih. Saya berharap Kerajaan Negeri akan mengusaha lebih giat lagi memastikan infrastruktur termasuk jalan raya dan telekomunikasi adalah antara terbaik. "One Stop Centre" untuk membantu pelabur asing mengurusniaga dengan Kerajaan Negeri perlu paling mesra pelanggan.

Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) banyak membantu peniaga-peniaga kecil dari segi pinjaman modal. Akan tetapi industri kecil dan sederhana kecil...(dengan izin) *Small and Medium Scale Industry* juga mungkin dalam dilema akibat kemasukan Malaysia ke Trans-Pacific Partnership (TPPA).

Kawasan Perindustrian Bayan Lepas dan Kawasan Perindustrian lain dalam Negeri Pulau Pinang menyumbang dengan kadar besar kepada pasaran elektrik dan elektronik antarabangsa. Pulau Pinang juga mendahului banyak Negara ASEAN dalam bidang perkhidmatan perubatan, perkhidmatan penyumberan luar (*shared services outsourcing*) SSO...(dengan izin), pelancongan perubatan dan perkhidmatan kewangan. Sebanyak 400,000 rakyat Pulau Pinang bergantung kepada semua industri ini.

Pendek kata, Kerajaan Negeri harus mendahului negeri lain mengkaji impak TPPA dan mengkaji cara membantu industri-industri ini. Sebarang kesan buruk akibat TPPA akan mempengaruhi ekonomi Pulau Pinang dan secara langsung rakyat Pulau Pinang.

Kesihatan dan Wanita. YB. Timbalan Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana melaksanakan Program Pemeriksaan Payudara iaitu Mammogram secara percuma untuk kaum wanita berumur 35 tahun dan ke atas sejak Mac 2015. Dengan program ini, mortaliti ke atas kaum wanita akan berkurang akibat disebabkan kanser payudara. Program ini dijangka akan berterusan sehingga 2018 dengan jangkakan awal seramai 23,000 peserta. Jumlah bilangan peserta yang menjalankan pemeriksaan payudara secara percuma masih tidak menggalakkan. Secara percuma masih tidak menggalakkan. Sehingga April 2016 cuma 3,068 kaum wanita yang mengambil bahagian dalam Program Mammogram. Dengan hormatnya saya berharap Kerajaan Negeri akan menjalankan publisiti tambahan untuk mempromosikan program ini. Program ini tidak merentasi politik, maka saya berharap semua wakil rakyat akan memberi sokongan demi kepentingan semua kaum wanita di Negeri Pulau Pinang.

Penyakit jantung merupakan penyakit dan pembunuh utama di Malaysia. Sangat dihargai ialah usaha Kerajaan Negeri melaksanakan program *Penang Heart Safe* dan menjadi negeri pertama di Malaysia memperkenalkan *Automated External Defibrillator (AED)* di tempat awam. Saya berharap lebih ramai orang awam akan mendapat latihan mengendalikan alat AED ini memandangkan alat ini dapat menyelamatkan nyawa.

Isu yang saya akan sentuh di sini berkaitan dengan tenaga kerja wanita dan pusat jagaan kanak-kanak, seperti mana yang di bangkitkan tadi oleh YB. Penanti. Seperti diketahui ramai ibu bapa yang bekerja sekarang ini, lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat jagaan kanak-kanak tadika dan taska berbanding dengan mengambil pembantu rumah bagi menguruskan hal anak-anak mereka. Pada tahun 2014, berdasarkan kepada statistik kajian yang dilaksanakan untuk Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang, didapati bahawa nisbah pusat jagaan kanak-kanak kepada kanak-kanak di Pulau Pinang adalah rendah iaitu secara purata hanya satu pusat jagaan kanak-kanak untuk setiap 1,352 orang kanak-kanak. Ini jelas menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap pusat jagaan kanak-kanak. Banyak pusat jagaan kanak-kanak swasta bertaburan di seluruh Pulau Pinang. Dari jawapan kepada soalan bertulis saya baru-baru ini, sebanyak 232 premis di MBPP dan 67 premis di MPSP adalah tidak berlesen, manakala cuma sebanyak 109 premis di MBPP dan 25 premis di MPSP berlesen sahaja. Mengapakah terdapat begitu banyak premis pusat jagaan kanak-kanak yang

tidak berlesen, dari Pihak Berkuasa Tempatan. Fahamkan di antara sebab-sebab pusat jagaan kanak-kanak tidak berlesen adalah kerana isu-isu seperti berikut:

- (i) Bangunan terlibat perlu dikemukakan permohonan tukar guna bangunan,
- (ii) Bangunan cadangan untuk pusat jagaan kanak-kanak melibatkan pemuliharaan, perlingkungan kawasan iaitu *zoning*,
- (iii) Bantahan dari penduduk sekitar kerana mendatangkan gangguan seperti bunyi bising dan masalah trafik tidak mempunyai pelan kebenaran merancang yang diluluskan oleh pihak PBT,
- (iv) Terdapat binaan tanpa kebenaran dan tiada Pelan Bangunan.
- (v) Premis pusat jagaan kanak-kanak dalam radius 250 meter dengan pusat jagaan sedia ada dan
- (vi) gagal mematuhi syarat-syarat Jabatan Teknikal dan Jabatan Perlesenan.

Pertukaran guna bangunan akan melibatkan bayaran sumbangan yang tidak murah, seperti yang tadi dikatakan oleh YB. Penanti. Bayaran sumbangan kewangan kepada kumpulan perkhidmatan kemajuan iaitu *services improvement fund* berdasarkan kepada kadar RM50.00 setiap meter persegi keluasan lantai bangunan, bayaran sumbangan terhadap tempat letak kenderaan yang tidak dapat disediakan dan kadarnya adalah mengikut kawasan. Kawasan bandar, dan luar bandar adalah berbeza dan saya difahamkan untuk setiap tempat letak kereta yang tidak dapat disediakan secara fizikal, sumbangan adalah sebanyak RM15,000 dan saya tak tahu adakah masih RM15,000 atau RM25,000 dan untuk setiap tempat letak motosikal ialah sebanyak RM1,500 dikawasan bandar. Jadi sebagai satu contoh kalau nak dapatkan lesen dari pihak PBT sesebuah pusat jagaan kanak-kanak yang saiz kediaman berukuran 3,000 kaki persegi, kita kata 280 meter persegi dia perlu bayar bayaran perkhidmatan sebanyak lebih kurang RM15,000 dan RM14,000 untuk bayaran tempat letak kereta kalau dua telah menjadi RM30,000. Ini saya anggapkan satu tempat letak kereta sebanyak RM15,000 sumbangan yang perlu diberi. Jadi untuk maklumat tuan-tuan dan puan-puan, bukan semua pusat jagaan kanak-kanak beroperasi dengan keuntungan. Malangnya, isu pembayaran sumbangan adalah isu utama yang menghalang mereka daripada memohon lesen Pihak Berkuasa Tempatan. Dan ini saya nak tanya adakah perlu Kerajaan Negeri membantu pengusaha-pengusaha pusat jagaan kanak-kanak yang sudah mematuhi semua syarat Jabatan Teknikal dan Jabatan Perlesenan MBPP atau MPSP dengan mengurangkan bayaran sumbangan tempat letak kereta? Pusat jagaan kanak-kanak memang menjalankan satu aktiviti sosial yang murni dan patut dihargai orang ramai.

Kanak-kanak merupakan sebahagian penting dalam masyarakat. Mereka adalah aset negara dan nadi pembangunan negara untuk masa depan. Kerajaan Negeri sentiasa berjiwa rakyat dan selalu mementingkan pendidikan anak-anak rakyat Pulau Pinang. Selain daripada pengasuhan kanak-kanak, pusat jagaan kanak-kanak juga memainkan peranan penting dalam pendidikan awal.

Satu berita baik dan usaha baik oleh Kerajaan Negeri memperuntukkan sebidang tanah seluas 1.3 ekar yang bernilai RM15 juta kepada sekolah terencat akal. Saya difahamkan tadi ada satu persidangan akhbar. Ini menunjukkan satu langkah Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap keperluan rakyat jelatanya dan amat membanggakan. Saya nak ucapkan syabas dan tahniah. Di sini saya ingin menyeru supaya Kerajaan Negeri juga memberi insentif atau subsidi operasi kepada pusat jagaan kanak-kanak mengikut prinsip pemberian peruntukan Kerajaan Negeri kepada Sekolah Persendirian, Sekolah Mubaligh, Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.

Difahamkan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Keluarga, Wanita Dan Pembangunan Masyarakat menyediakan geran dan bantuan kepada pusat jagaan kanak-kanak komuniti. Dan di sini saya ingin menyerukan supaya Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat juga akan memberi subsidi kepada pusat jagaan kanak-kanak. Dengan ini, saya berharap geran dan bantuan kewangan juga boleh diberi kepada pusat jagaan kanak-kanak yang layak. Yang layak adalah pusat jagaan kanak-kanak yang berlesen dan lulus penilaian JKM mengikut syarat-syarat yang akan ditentukan termasuk seperti yuran penjagaan kanak-kanak yang berpatutan. Saya juga bercadang sebuah Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada PBT, JKM dan MMK tertentu ditubuhkan untuk mengkaji dan meneliti isu peruntukan dan geran yang disebutkan saya tadi, melihatkan begitu banyak premis pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berlesen bertaburan di seluruh Pulau Pinang.

Hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkasakan wanita dan mengalakkan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja. Kaum wanita terutamanya ibu mempunyai kerjaya dan menjadi tenaga kerja utama di Negeri Pulau Pinang. Penyediaan pusat jagaan kanak-kanak yang menyeluruh adalah penting untuk kemajuan wanita. Jadi, satu polisi yang komprehensif untuk penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan berpatutan harga mestilah dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja dan mengekalkan mereka di sana. Kita perlu membantu wanita mendapatkan kedudukan mereka dalam tenaga kerja Malaysia. Kita juga menunjukkan bahawa tempat wanita bukan sahaja di rumah tetapi wanita juga adalah pemimpin yang berkebolehan dan cemerlang.

Satu lagi cadangan mungkin ialah supaya menyeru sektor swasta untuk menempatkan pusat jagaan kanak-kanak di dalam premis mereka. Syarikat Multi Nasional boleh menerajui dan saya yakin bahawa pelaksanaan ini akan meningkatkan produktiviti pada keseluruhannya. Ini akan membolehkan wanita bekerja dan mempunyai ketenangan fikiran bahawa anak-anak mereka dijaga dengan baik di pusat jagaan kanak-kanak.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang liputan perjalanan bas dari Bandar Sri Pinang ke Pusat Jelutong. Soalan bertulis saya No. 18, menanya, bilakah liputan perjalanan bas melalui Bandar Sri Pinang ke Pusat Jelutong akan direalisasikan? Ini adalah kerana pada Dewan yang lepas, jawapan yang diberi adalah Kerajaan Negeri melalui MBPP mempunyai cadangan untuk menambah kekerapan laluan bas dari Bandar Sri Pinang ke Pusat Jelutong, khas bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam selain daripada mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meringankan beban golongan kurang berkemampuan.

Untuk makluman semua, penduduk di sekitar Bandar Sri Pinang khususnya warga emas yang tinggal di rumah pangsa kos rendah, kos sederhana rendah seperti Desa Pinang, Pinang Court, mereka berharap supaya ada bas yang boleh mengangkut mereka ke Pusat Jelutong. Ramai penduduk di kawasan Bandar Sri Pinang berasal dari Jelutong. Ramai yang terlibat dengan penempatan semula apabila terdapat pembangunan dan pembinaan Lebuhraya Dr. Lim Chong Eu. Sekarang mereka perlu berjalan kaki sejauh lebih daripada satu kilometer jaraknya untuk menaiki bas di Jalan Jelutong supaya boleh sampai ke Pusat Jelutong. Kesian-kesian kepada penduduk di kawasan tersebut. Ya. Ada permintaan daripada mereka supaya bas bolehlah masuk. Memang ada bas yang masuk ke Bandar Sri Pinang tetapi ia patah balik ke KOMTAR atau Weld Quay, ia tak pergi ke Pusat Jelutong. Sehubungan dengan itu, sekali lagi saya ingin menyeru supaya liputan perjalanan bas melalui Bandar Sri Pinang ke Pusat Jelutong akan direalisasikan. Sebab jawapan kepada soalan bertulis saya kali ini, tidak menggambarkan bahawa permintaan mereka bahawa bila ia akan direalisasikan, ini amat mengecewakan penduduk sekeliling Bandar Sri Pinang. Dengan hormatnya dan rendah hati, saya ingin merayu sekali lagi Kerajaan Negeri supaya mempercepatkan proses tambahan liputan perjalanan bas melalui Bandar Sri Pinang ke Pusat Jelutong demi kepentingan penduduk penduduk setempat.

Tabung Skim Penyelenggaraan 80:20. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, pada Dewan yang lepas, saya bersama Yang Berhormat Jawi telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya memperluaskan skop dan kategori penyelenggaraan yang dibenarkan, misalnya Tabung Skim Penyelenggaraan 80:20 boleh diguna pakai untuk projek-projek perumahan di mana unitnya dibeli pada harga lebih daripada RM72,500.00 pada asalnya dan skop penggunaannya dapat diperluaskan kepada perkara-perkara lain seperti pembaikan jalan, penukaran lampu yang rosak, pengecatan bangunan yang usang dan sebagainya. Pada setakat ini skop kerja-kerja penyelenggaraan yang boleh dipertimbangkan di peringkat ini, di bawah skim tersebut hanya merangkumi pembaikan atau penggantian tangki air, sistem pendawaian, bumbung dan lif sahaja.

Untuk tabung skim 80:20 yang sediada, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang komited dan begitu prihatin terhadap beban yang dipikul oleh penduduk perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di bawah RM72,500. Beberapa buah rumah pangsa di kawasan DUN Sungai Pinang telah menikmati manfaat daripada Tabung Skim Penyelenggaraan 80:20 pada ketika mereka dibebankan oleh cukai barang dan perkhidmatan GST.

Tabung HAPPY!, saya difahamkan sejumlah RM3.0 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2016, untuk menampung baki 10% dan 30% yang harus dibiayai oleh penduduk skim kos rendah dan kos sederhana rendah masing-masing di bawah skim Tabung Penyelenggaraan Satu Malaysia (TP1M). Tetapi saya dimaklumkan banyak permohonan oleh skim-skim perumahan RM72,500 yang membuat permohonan di bawah TP1M sejak tahun 2012 tidak diluluskan. Maka wujudlah Tabung Skim 80:20 pada tahun 2013 untuk kerja-kerja penyelenggaraan untuk skim-skim perumahan di bawah RM72,500.

Memandangkan banyak permohonan di bawah TP1M tidak diluluskan, walaupun Tabung HAPPY! telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan bersiap sedia untuk membiayai kos penyelenggaraan. Jika permohonan diluluskan. Dengan ini berbesar hatilah saya dan berharap agar Kerajaan Negeri akan merealisasikan impian dan cadangan daripada saya dan YB. Jawi demi kepentingan rakyat jelata Pulau Pinang supaya memperluaskan skop penyelenggaraan untuk skim 80:20.

Isu pencemaran Sungai Pinang. Kerajaan Negeri di bawah MMK Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan & Lalu Lintas dan Tebatan Banjir menzahirkan komitmen tinggi dalam memastikan kebersihan Sungai Pinang dapat dipertingkatkan. Sekaligus terpelihara untuk generasi yang akan datang.

Daripada tinjauan oleh JPS dan MBPP pada bulan Jun yang lalu, bulan Jun tahun lepas, menunjukkan bahagian hulu sungai terutama di kawasan Kampung Rawa, Kampung Makam, Taman Free School, Pasar Jalan Kuantan dan Sungai Jelutong tercemar dengan kualiti sampah domestik yang banyak. Sampah sarap ini termasuk pelepasan enap cemar dari saluran kumbahan, sisa buangan dari premis perniagaan atau rumah-rumah di tepi sungai, botol-botol plastik dan tin minuman, aerosol serta makanan dan sisa-sisa tidak dirawat turut dijumpai terapung sepanjang tinjauan ini.

Menurut laporan daripada EXCO Kerajaan Tempatan dan Tebatan Banjir, jumlah sampah yang dipungut dari bulan Januari hingga Mac tahun lepas, tiga (3) bulan sebanyak 46 ribu kilogram berbanding tahun 2014 sebanyak 50,000 kilogram. Boleh jadi semua rasa angka ini cukup menakutkan. Tetapi tahu tak tuan-tuan dan puan-puan, berapakah kilogram sampah yang dipungut dalam satu bulan pada kebelakangan ini. Satu bulan sahaja sudah hampir 60,000 kilogram, iaitu 60 tan sampah dipungut dari sungai. Dahsyat bukan? Adakah ini menggambarkan keberkesanan pemasangan *log-boom* oleh JPS atau mencerminkan betapa buruknya aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai. Kerajaan Negeri mengambil langkah melalui teknologi....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A. Thambyappa):

Minta laluan, saya nak tanya ada satu soalan, apakah hasil dari dua (2) intervensi di Sungai Pinang. Satu, baling *mud-balls*, *throwing mud-balls*, *was it done and* lagi satu *the nano technology that was used for the clean up. Was it? Apakah hasil. What are the outcome?*

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Mud-ball ini adalah sebelum tahun, sebelum saya. Saya tak tahu apakah keberkesanannya. Sekarang teknologi yang dipakai adalah IQPR. Teknologi IQPR adalah adalah satu langkah juga oleh Kerajaan Negeri untuk menangani kualiti air Sungai Pinang sejak tahun 2014. Memang ia boleh nampak ada keberkesanannya cuma, bahawa ia tidak menunjukkan keputusan yang boleh dibanggakan. Sebelum itu Sungai Pinang adalah pada tahap kelas 5, sekarang ia telah dipertingkatkan ke kelas 3. Sasaran kita adalah kualiti air Sungai Pinang dipertingkatkan ke kelas 2. So nampaknya ada *improvement*.. Ya, YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Sungai Pinang. Sebenarnya Sungai Pinang ialah kawasan KOMTAR pun ada sebelah Sungai Pinang juga. Saya pun amat prihatin terhadap kepada tentang *pollution* sungai ini. So kita dapat tahu Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk cuba teknologi IQPR itu memang ada berkesan tetapi pada pandangan saya, punca pencemaran ini adalah lebih penting. Jika IQPR itu hanya boleh diuji atau dirawat di sungai tetapi punca dia jika tidak dapatkan satu penyelesaian yang baik, selepas rawatan punca pencemaran itu akan mengalir masuk ke sungai dan masalah ini akan berulang-ulang lah. So adakah YB. Sungai Pinang bersetuju pada pandangan saya?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Saya nak bagi ulasan. Kita lihat masalah ini, masalah yang serius di Kawasan Seri Delima juga ada beberapa batang sungai. Apa yang saya ingin dapat pandangan YB. adalah samada kita perlu mendekati masalah ini dengan memberi pendekatan lain. Satu, bukan sahaja penguatkuasaan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dan pihak-pihak berkuasa lain dan sebagainya tetapi juga untuk mendapat masyarakat tempatan yang tinggal di tempat tersebut untuk mengambil angkat, *adopt*...(dengan izin) sungai tersebut. Kalau kita lihat di luar negara, masyarakat yang tinggal di tempat tersebut akan menjalankan macam-macam aktiviti, berkelah, makan angin dan sebagainya di tempat tersebut.

Sekarang kita lihat persepsi terhadap Sungai Pinang atau sungai-sungai di Pulau Pinang, lazimnya adalah sebagai tempat pembuangan sampah. Bukan sahaja pembuangan sampah cuma cara yang paling cepat untuk mereka. Umpamanya kita pernah lihat, kalau mereka beli makanan-makanan seperti ataupun hasil-hasil seperti ikan, udang dan sebagainya. Selepas membersihkan sisa-sisa itu dibungkuskan tidak disimpan di rumah tetapi dilemparkan masuk terus ke dalam sungai. Jadi kita perlu mendekati masalah ini dengan satu...(dengan izin) *revolutionary mind set* untuk kita cuba membimbing, mendapatkan masyarakat tempatan di tempat-tempat tersebut untuk mengambil angkat seperti sungai itu supaya memastikan mereka sendiri bertanggungjawab, untuk memastikan kebersihan. Dan saya rasa kita perlu menganjurkan lebih banyak lagi aktiviti di tiap-tiap KADUN, tiap-tiap tahun untuk kita memberitahu masyarakat umum betapa pentingnya kebersihan sesuatu sungai untuk menjamin masa depan untuk masyarakat yang akan datang.

Jadi saya di sini minta pendapat Yang Berhormat sama ada perlukah kita mengadakan lebih banyak aktiviti yang kecenderungannya untuk menarik perhatian masyarakat umum kepada kebersihan sungai. Aktiviti seperti gotong-royong memang diadakan sentiasa diadakan, tetapi kita telah gagal untuk mendapatkan masyarakat umum untuk sedar tentang kepentingan kebersihan sesuatu sungai. Itu adalah pendapat saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. KOMTAR dan YB. Seri Delima. Ya, memang saya setuju bahawa bukan sahaja penguatkuasaan yang perlu diambil dan pendidikan yang paling penting. Untuk memupuk kesedaran di kalangan orang awam juga adalah sesuatu yang mesti kita lakukan. Ya, sungai sekarang dijadikan sebagai tong sampah, senang sahaja untuk mereka yang tinggal di tepi sungai atau mereka yang *maybe* berkelahkah atau apa pun, tetapi tidak akan berkelah di Sungai Pinang lah. Sungai Pinang dia *actually* Sungai Pinang itu, KADUN saya berada Sungai Pinang sampai muara sahaja, semua longgokan sampah yang saya dapat. Daripada punca-punca, daripada, kalau Sungai Air Terjun, adalah yang sangat jernih, kelas satu dan bila ia mengalir ke Sungai Air Itam, Sungai Dondang, sungai semua ini, ia menjadi tahap kelas 2, kelas 3, kelas 4 dan menjadi hitam di muara Sungai Pinang, yang ini yang saya dapat. Tetapi saya berterima kasih lah kepada Kerajaan Negeri, usaha untuk mempertingkatkan kelas kualiti air Sungai Pinang ada nampak keberkesanannya. Tetapi tanpa penyertaan daripada kalangan orang ramai, memang ia tidak akan berjaya. Seperti *Water Watch Penang*, NGO, mereka mengadakan untuk. Untuk maklumat YB. Seri Delima, *Water Watch Penang*, ia mengadakan program-program Cintai Sungai. Dia membawa murid-murid dari sekolah rendah maupun sekolah menengah untuk membersihkan sungai dan juga mengajar mereka bagaimana kita perlu cintai sungai kita. Kita tahu bahawa sungai adalah sumber, ia adalah sumber pendapatan untuk sebahagian rakyat. Jadi itulah keluhan, daripada bukan, saya sahaja, sebab saya berada di KADUN Sungai Pinang. Bila orang orang kata Sungai Pinang, semua tengok saya. Tetapi saya berada di muara sungai itu. Sungai mengalir dari atas semua terlibat. Ya semua terlibat. Saya perlukan kerjasama dan sokongan daripada semua untuk membantu bersama-sama membersihkan Sungai Pinang.

Walhal, bagaimanapun saya rasa tindakan perlu diambil sebab, selagi penduduk atau rakyat yang membuang sampah ke dalam sungai tidak, tidak lagi sedar bahawa tindakan mereka membawa padah kepada sungai. Kalau kamu adalah sungai, biarlah kamu *imagine* semua buang ke dalam rumah kamu. Sungai adalah rumah kamu, *so how do you think?* Sungai sudah menangis! Sayangilah sungai kita. Saya difahamkan sebelum apa-apa yang mengalir ke sungai, selain daripada yang buang ke sungai, semua daripada saliran atau daripada longkang. Longkang yang penuh dengan sampah sarap juga akan terus mengalir ke sungai. Inilah semua punca pencemaran. Jadi saya rasa bukan sahaja kerjasama daripada semua, saya pohon sekali lagi rakyat Pulau Pinang, cintailah Sungai Pinang. Bukan sahaja Sungai Pinang, pencemaran berlaku di seluruh Malaysia, di seluruh dunia. Tetapi, kalau kamu tinggal di negeri ini, adakah patutnya kamu menjagai kebersihan tempat duduk kamu, tempat kediaman kamu dan juga sungai yang akan memberi, bukan memberilah. Saya tertekan kerana kebersihan Sungai Pinang adalah satu cabaran, tetapi saya berterima kasihlah kepada YB. Padang Kota dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan jabatan yang terlibat. Sekarang kita semua bertungkus lumus untuk membersihkan kualiti air sungai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bagi Sungai Pinang ambil nafas dahulu. Bersetujukah Sungai Pinang supaya kita jadikan milik Sungai Pinang ini satu sungai sebagai *benchmark* kepada kualiti sungai di Pulau Pinang ini. Kalau Sungai Pinang ini elok, bermakna tempat lain juga akan elok. Jika Sungai Pinang tidak elok bermakna

sungai lain juga tidak elok kerana Sungai Pinang adalah di hujung sekali. Apakah pandangan Y.B. Sungai Pinang tentang Sungai Pinang?

Saya ulang sekali lagi, adakah bermaksud Sungai Pinang bersetuju supaya Sungai Pinang ini dijadikan *benchmark* kepada sungai-sungai lain di Pulau Pinang? Maknanya jika Sungai Pinang ini elok, airnya mungkin di kelas dua (2) kalau tidak satu (1) pun, bermakna sungai-sungai lain akan elok. Sebab Sungai Pinang ini adalah kawasan aliran ada sungai-sungai lain yang mengalir kepada Sungai Pinang. Apa pandangan Y.B. Sungai Pinang tentang Sungai Pinang?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat itu tidak mungkin jika sungai-sungai yang mengalir masuk Sungai Pinang tidak dalam situasi yang baik, tak mungkin Sungai Pinang elok. Maka.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebab itu saya kata kalau Sungai Pinang ini elok bermakna yang lain elok. Kalau tidak elok, bermakna yang di atas juga tidak elok.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih kepada Y.B. Pulau Betong. Memang kalau hilir Sungai Pinang menjadi elok maksud bersih dan elok. Cuma masalah sekarang ialah kamu semua sedia maklum bahawa pengaliran daripada sungai-sungai yang lain yang telah mencemarkan jadi tak eloklah, bila sampai kepada saya tak elok saya kena jaga. Jadi kesianlah saya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Boleh beritahu Yang Berhormat ADUN-ADUN mana yang terdiri daripada sungai-sungai di atas itu. Seri Delima, lagi yang mana terlibat lagi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Banyak. Air Putih, Datok Keramat, banyak yang terlibat. Jadi di sini saya sekali lagi. Sungai Puyu di seberang, ada puyu. Tetapi sebelum itu memang bila adalah diklasifikasikan kelas lima (5), memang tiada hidupan akuatik. Jadi, tetapi kita berasa syukur bahawa tahun lepas, Jun kita dapati ada memerang di sana, bermain. Sekumpulan memerang bermain di muara Sungai Pinang. Ini dah buktikan bahawa usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri telah ada impaknya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dengan izin, boleh ambil nafas sedikit. Saya juga minta padangan Yang Berhormat. Pihak penguatkuasa juga harus memberi kerjasama kerana *the biggest culprit*...(dengan izin) pihak-pihak yang menyumbang secara besar-besaran kepada masalah di sungai ini adalah peniaga-peniaga kecil yang berniaga di tepi-tepi sungai tersebut yang di mana seringkali kita mendapati sisa perniagaan itu dicampakkan masuk ke dalam sungai. Dan kebanyakan sampah yang kita lihat yang berada atas air itu semuanya adalah dalam beg plastik warna hitam di mana ianya mengandungi banyak sangat sisa-sisa makanan. Kebanyakannya adalah daripada gerai-gerai makanan. Jadi mungkin Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh memberi perhatian pada masalah ini apabila mengeluarkan lesen dan sebagainya juga memantau dari masa ke semasa cara bagaimana mereka melupuskan sisa perniagaan dan bukan sekadar hanya melemparkan bungkusan-bungkusan itu masuk ke dalam sungai. Jadi saya juga menyeru pihak berkuasa sama ada PBT, Jabatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, dan lain-lain agensi untuk dari masa ke semasa memantau perniagaan-perniagaan yang berada di muara sungai dari atas ke bawah untuk memastikan bahawa mereka tidak mencampakkan sisa perniagaan mereka masuk ke dalam sungai dan mencemarkan perniagaan mereka itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sungai Pinang, saya nak tambah sikit lagi supaya EXCO boleh jawab sekali. Selain daripada Sungai Pinang, sungai-sungai yang lain ada dua (2) pencemaran. Satu (1) sampah yang keduanya, *chemical*. Hasil daripada buangan racun rumput rampai yang menyebabkan kematian ikan. Ini juga sebenarnya memerlukan pemerhatian yang serius daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih. Untuk makluman YB. Seri Delima, satu (1) pasukan *task force* telah ditubuhkan bagi menangani isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai yang dipengerusikan oleh YB. EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Jadi seperti yang diserukan oleh YB. Seri Delima juga, saya rasa semua juga akan bersetuju bahawa tindakan bersepadu dan tinjauan yang kerap perlu dilakukan oleh pasukan *task force* ini supaya memastikan tidak ada pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah dan lain-lain bahan buangan dengan sewenang-wenangnya. Seperti yang dikatakan kalau untuk perniagaan kecil, saya juga nak membangkitkan *grease trap*. *Grease trap* telah diimplementasikan beberapa tahun dahulu. Jadi *grease trap* ini adalah supaya sisa-sisa akan di *filter* cuma air yang akan mengalir ke longkang, lepas itu longkang air mengalir ke sungai. Tetapi adakah *grease trap* yang dipasang itu ada pemantauan daripada pihak tertentu. Yang ini juga adalah satu (1) sumber pencemaran. Dan tindakan undang-undang yang tegas dan hukuman yang setimpal perlu diambil ke atas mereka yang melanggar peraturan-peraturan yang terkandung di bawah akta berkaitan. Bersikaplah bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar termasuk Sungai Pinang. Sama-samalah kita memelihara sungai kita demi kelestarian, generasi masa hadapan.

Sayangilah bukan sahaja sungai sahaja, sayangilah longkang dari longkang dan lepas itu cintailah sungai kita. (gangguan). Ya, saya sayang kepada semua. Bersama-samalah kita mengamalkan Negeri Pulau Pinang supaya bersih, hijau dan selamat. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Datp' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Salam Sejahtera diucapkan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan semua di Dewan yang mulia ini terima kasih kerana membahaskan ucapan yang diberi oleh Tuan Yang Terutama. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya bermula dengan isu hakisan lereng bukit. Tadi sudah dibincang oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri tapi saya nak tambah sikit. Baru-baru ini kita telah melihat bahawa terdapat beberapa komuniti tempatan saya telah membuat aduan kepada saya dan mengenai beberapa lereng bukit telah menjadi botak akibat aktiviti pembalakan dan penerokaan haram yang telah dijalankan di kawasan KADUN Kebun Bunga dan juga kawasan yang lain. Contohnya pada 08 Mei 2016, saya telah membuat satu (1) lawatan tapak bersama pegawai-pegawai untuk mengenalpasti lokasi pembalakan haram dan penerokaan haram yang telah dilakukan. Melihat balik kepada laporan Ketua Audit Negara, kita ingin menegaskan bahawa pihak berkuasa perlu menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas. Jikalau penguatkuasa untuk melindungi hutan, dan bukit kita tidak dilaksanakan, maka ia akan memberi satu (1) kesan negatif bukan sahaja kepada persekitaran alam sekitar kita, manakala ia juga akan memberi satu (1) *effect* yang mengakibatkan cuaca el-nino yang akan dilanda pada masa hadapan di mana ketidakstabilan cuaca kita akan menjadikan cuaca kita meningkat, suhu meningkat atau pun turun dengan tidak stabil dari masa ke semasa. Untuk meningkatkan kualiti dan mutu penguatkuasa terutamanya di negeri kita, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kita juga perlu bekerjasama dengan terutamanya bersama-sama...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta penjelasan, di sini saya terdengar bahawa kenyataan pembalakan, *which is illegal logging or illegal clearing*.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya bukan pakar untuk *logging*, tapi bagi saya yang nampak ada pokok yang besar dan kecil, kemungkinan pokok yang besar digunakan sebagai *illegal logging*...(dengan izin). Dan kemungkinan pokok-pokok yang kecil digunakan sebagai *clearing* untuk pokok-pokok dan tumbuhan-tumbuhan di atas bukit....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bila kata *illegal logging*, bermaksud mereka *log the timber or commercial purposes. Which is? Illegal logging or illegal clearing. Because we need to know.*

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Timbalan Yang di-Pertua, perkara ini saya diulangi. Saya bukan pakar tetapi nampaknya kedua-dua ada. Kerana walaupun saya bukan *botanist*, ada pokok yang nampaknya mahal kerana kualiti dia atau pun saya tak nak masuk terlalu panjang lebar atas perkara ini tapi cukup bagi saya mengatakan bahawa kembali kepada kenyataan saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Timbalan Yang di-Pertua, ini amat penting kerana kenyataan ini datang daripada Kebun Bunga bahawa ternampak itu *timber* yang agak mahal, *you saw it* dan kata *you* tak tahu. ...(gangguan) lihat adalah daripada....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Dato' Speaker, dari hati saya, saya dah jelaskan kedua-dua aktiviti wujud....(gangguan). (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bila kata kedua-dua maksud di Pulau Pinang, memang ada sindiket yang *doing illegal logging or illegal clearing. You're trying to...* (gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya tak cakap *cover by government*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

No, the way you expressing, I want you to be careful, because this is very serious accusation.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya tak pernah cakap sesiapa *cover by*....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Because you're talking about illegal logging. The illegal logging...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Apa-apa yang tidak *distraction...*(dengan izin) oleh kerajaan adalah *illegal* atau pun apa-apa yang di bawah *statute* yang *illegal* adalah *illegal*. *So why you arguing on that? I'm not putting anything in your mouth.* Jadi ...(dengan izin) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, kembali dengan aktiviti peneroka haram, kemungkinan memang tengok ada tumbuh-tumbuhan macam *vegetation*, ini peneroka haram. Tapi pokok yang berkualiti mahal nampaknya pun ada. Saya tak tahu siapa yang ambil itu. Saya bukan buat *accusation*, saya cuma kata kita kena jaga hutan rimba kita sahaja. Kita tak nak kembali ke macam kes Bukit Antarabangsa, Ampang di mana rumah runtuh atau pun terlalu banyak hakisan. Ini yang saya cakap dalam Dewan yang mulia ini sahaja. Tiada niat apa-apa pun, tiada undang di sebalik batu, tidak ada. Walaupun ada banyak undang. Dan hutan-hutan khatulistiwa (*rainforest*) kita yang padat memenuhi bukit dengan daun yang lebar serta akar yang tunjang sekaligus mampu menampung dan menerima taburan hujan. Jikalau mereka dipotong, memang kita semua tahu memang hakisan akan membahayakan kita semua. Oleh itu, kita tidak mahu insiden ini berlaku lagi, jikalau penguatkuasa kita boleh membantu kita untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya hendak menyatakan perkara ini beberapa kali, tapi hanya saya mintalah bantuan pihak yang berkuasa.

YB. Timbalan Dato' Speaker, mengenai isu penambakan laut bagi tujuan untuk membiayai kos Pelan Induk Pengangkutan Awam (*Penang Transport Master Plan*) ini perkara yang kedua yang saya nak bercakap sedikit, sentuh sedikit. Saya dan jikalau tidak silap dan rakan-rakan saya memang bersetuju dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam. Pelan yang bertujuan membentuk satu (1) rancangan yang menyeluruh, *holistic plan... (dengan izin)* bagi mengurangkan kesesakan dan menyediakan pengangkutan awam yang berkesan untuk Pulau Pinang. Dan saya percaya kesemua yang duduk di dalam Dewan ini menyokong satu (1) sistem pengangkutan yang menyeluruh untuk Pulau Pinang. Saya ambil kesempatan juga untuk menyatakan bahawa saya dan rakan-rakan saya dalam Dewan khasnya yang lima (5) *backbenchers* dari Parti Keadilan juga menyokong Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang ini. Kami sokong dan jangan ada orang yang mengatakan kita tidak sokong *Transport Master Plan*. Kami hanya meminta menjalankan projek ini dengan melalui lebih *public consultation ... (dengan izin)* YB. Timbalan Dato' Speaker, dengan kos yang munasabah, dengan kemampanan *sustainability (dengan izin)* dan secara beransuran dan tidak membebankan kerajaan dan rakyat pada masa depan yang akan datang.

Mengenai isu undi mengecualikan diri pada penggal yang lalu, dalam bulan November 2015. Satu (1) usul oleh YB. Pulau Betong menggesa Kerajaan Negeri untuk menjalankan pendengaran awam, *public consultation ... (dengan izin)* untuk mendapatkan maklumbalas, pandangan dan cadangan sebelum memulakan projek penambakan. Kerajaan Negeri juga digesa untuk menjalankan kajian yang menyeluruh dan kajian lautan terutamanya mengenai kesan alam sekitar dan sosial yang disebabkan oleh projek penambakan dan untuk menghentikan rancangan projek penambakan berlaku dalam perancangan sehingga kajian ini telah diselesaikan. Antara cadangan yang diberi kepada saya dan rakan-rakan *backbenches* kalangan mereka adalah tolak usul ini kerana usul di bawa oleh pembangkang. Dilema kita adalah pada dasarnya kita susah juga nak tolak usul ini kerana ia menyentuh dan membela prinsip ketelusan dan *public interest*. Akhirnya kita terpaksa membuat mengecualikan diri, *abstention.... (dengan izin)* dalam usul tersebut. Kesimpulannya, kami tetap sokong satu (1) sistem pengangkutan *Transport Master Plan* yang baik untuk rakyat Pulau Pinang. Dan jangan ada orang mengatakan kita tidak sokong. Hanya permintaan kita adalah menjalankan projek ini dengan secara terbuka dan dengan lebih *public consultation* dan sebagainya.

YB. Timbalan Dato' Speaker, pada asasnya kata-kata kunci dalam Usul Penggal Kedua tersebut adalah mengenai perdagangan awam, kajian impak alam sekitar, maklum balas sebelum projek penambakan laut yang baru dimulakan. Bagi saya, ... (dengan izin), *Public Interest Consultation* iaitu Pendengaran Awam tidak bercanggah dengan prinsip Kerajaan Negeri kita. Malahan ia bersetuju dengan falsafah kita di dalam Kerajaan Negeri iaitu *accountability* dan *transparent, in short CAT*. Ia tidak bertentangan dengan prinsip *Competency, Accountability and Transparency (CAT)* kita, tetapi ia adalah bertepatan dengan dasar kerajaan. Setelah debat dan cadangan yang dibangkitkan dalam usul tersebut, banyak lagi Pendengaran Awam iaitu *Public Hearings, Public Consultation* mengenai projek *Transport Master Plan* telah dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan Syarikat *Consultant SRS* iaitu *Project Delivery Partner* bagi projek Pelan Pengangkutan Induk Awam. Saya anggap ini perkembangan yang positif kerana hasrat untuk memulakan perbincangan awam telah dimobilisasikan oleh kontroversi undi berkecualian. Pandangan saya, iaitu kredit kena diberi kepada EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan, YB. Padang Kota kerana sudi mendengar suara rakyat dan suara wakil rakyat dalam isu ini. Dan sudi menganjurkan lebih banyak *public hearings (dengan izin)* atau pendengaran awam sebelum projek *Transport Master Plan* dan sebelum projek penambakan laut dimulakan. Kredit dan kepujian juga harus diberi kepada rakyat dan NGO-NGO dan ADUN-ADUN termasuk lima (5) Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tersebut yang berani membangkit dan *highlight* isu pendengaran awam *public consultation* demi kepentingan rakyat itu. Jadi saya mengucapkan syabas kepada semua. Dan apa yang mengalakkan dan menarik *what is more encouraging and exciting* adalah bahawa sebagai tindak balas ini *respond* selepas mendengar seruan rakyat dan seruan kelima-lima ADUN, EXCO Kerajaan Tempatan YB. Padang Kota telah mengisytiharkan bahawa Kerajaan Negeri akan menjemput penyertaan pihak KPMG dan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk membuat sesuatu seperti mengauditkan atau memberi *peers review* atas *Projek Transport Master Plan* dan atas isu penambakan laut. Ini satu perkembangan positif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. KPMG memang masa awal sudah pun dilantik untuk menilai pembida-pembida dan perkhidmatan dikekalkan dilanjutkan untuk melakukan *peer review* atas isu-isu *financing* model dan isu-isu undang-undang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh saya minta laluan juga. YB. Kebun Bunga, saya rasa setelah lima (5) Ahli Parti Keadilan pada mengundi di sidang yang lepas, semasa saya ditanya pendapat saya, pernah saya bangkitkan bahawa saya berasa jika ada mana-mana ADUN ada pendapat yang berlainan, maka pendapat tersebut biasanya akan diulaskan semasa debat juga, selain daripada proses mengundi. Bagi saya, jika ada apa-apa hasrat untuk tidak mengundi, bagi usul kali ini, jika hasrat itu telah pun diputuskan sebelum debat berlaku, maka sebenarnya dia tidak juga mematuhi unsur demokrasi. Mengikut unsur demokrasi, semasa sesuatu usul dipanjangkan, maka debat perbincangan haruslah berlaku dan keputusan setiap ahli-ahli haruslah dibuat selepas perbincangan, selepas ke semua pihak telah pun diberi peluang untuk mengemukakan pandangan mereka, barulah keputusan harus dibuat. Maka saya rasa juga tidak patut kita begitu menekankan pendirian Ahli-Ahli Parti Keadilan Rakyat jika mereka ingin *abstain* daripada mengundi. Dan keputusan dibuat sebelum perbincangan berlaku. Jika memang mengikut prinsip demokrasi, maka keputusan hanyalah patut dibuat selepas perbincangan telah pun tamat dan barulah keputusan yang wajar bolehlah dibuat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Pulau Tikus. YB. Pulau Tikus bukan kelima-lima Ahli PKR itu, so YB. Pulau Tikus tidak tahu apa di dalam hati *in their brain what they are thinking so don't try to say what they know or they are thinking*.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya minta penjelasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Let me continue.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Just responding apa yang dikatakan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 8:00 malam ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya akan sambung sekali lagi, terima kasih atas peluang untuk membahar. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, dalam penggal ini pihak pembangkang melalui Yang Berhormat Pulau Betong, (tiada pihak pembangkang pada malam ini) membawa satu (1) usul baru. Usul ini secara ringkas memohon bahawa membatalkan projek yang terlibat dan penambakan laut bagi mewujudkan tiga buah Pulau di Selatan Pulau Pinang seluas 4,000 lebih ekar untuk mewujudkan tanah tebus guna bagi tujuan pembangunan untuk membiayai kos projek induk pengangkutan awam. Usul ini mengatakan pihak Kerajaan Negeri perlu mencari alternatif lain dari segi pembiayaan projek-projek yang dicadangkan.

YB. Dato' Speaker, atas perkara yang cukup penting dan kontroversi ini bagi pembangkang, saya nampak ada tujuh (7) isu timbul yang saya hendak membahaskan dan menyala *highlight* ...(dengan izin) mengenai perkara ini. Saya rasa tujuh (7) isu ini jika di bahas akan manfaat memberi faedah kepada Negeri Pulau Pinang secara keseluruhan.

Nombor satu (1) YB. Dato' Speaker, kita sedar pada peringkat ini tiada sokongan Kerajaan Pusat ...(dengan izin) *not yet of any financial support from the federal government* mengenai projek-projek *Transport Master Plan* ini. Saya tidak akan lupa bahawa masalah pembiayaan projek *Transport Master Plan* berpunca dari ketiadaan sokongan dari Kerajaan Persekutuan pada peringkat ini.

Isu yang kedua, dengan secara ringkas, walaupun sudah ada laporan tetapi belum lagi laporan ini dikemukakan ataupun kajian lengkap dan sepenuhnya, masih belum dikemukakan kepada masyarakat awam. Saya akan menjelaskan kemudian. Isu ketiga, keperluan masa untuk menelitikan *Transport Master Plan*(dengan izin). Isu keempat, saiz dan nilai penambakan laut. Kelima, keperluan untuk menilai dan mengira semua kos projek *Transport Master Plan* ini. Keenam, kemampuan ...(dengan izin) *sustainability* projek ini. Ketujuh, kepedulian Kerajaan terhadap *impact social cultural economic...*(dengan izin) and *ecological* ataupun *environmental impact* kerana *Transport Master Plan* ini.

Jadi, saya baru menyenaraikan tujuh (7) isu yang bersangkutan dengan projek *Transport Master Plan*. Saya minta beri peluang untuk menjelaskan sedikit. Pertama atas sokongan Kerajaan Pusat. YB. Dato' Speaker, seperti yang dinyatakan tadi masalah berpunca daripada kekurangan sumber dan wang atas adalah berasal daripada Kerajaan Persekutuan. Sewajarnya sumber untuk membina infrastruktur untuk membangunkan negeri-negeri di dalam negara kita ini termasuk Negeri Pulau Pinang kena ada dapat bantuan sumber dari Kerajaan Pusat. Ternampak berpuluh-puluh tahun rakyat Pulau Pinang sebagai pembayar cukai ...(dengan izin) *tax payer* duduk tanya duduk tunggu bilakah wang cukai orang Pulau Pinang akan dikembalikan kepada orang Pulau Pinang untuk memajukan negeri kita. Sudah menjadi kenyataan sejak masa Kerajaan Barisan Nasional Pulau Pinang di bawah pimpinan Tan Sri Koh Tsu Koon pun saya masih ingat seruan rakyat dan Kerajaan Negeri Barisan Nasional pun ada minta mendapat sistem pengangkutan yang lebih moden tetapi pula di tolak, tidak dapat. Berpuluh-puluh tahun di minta. berpuluh-puluh tahun tidak dipedulikan. Selepas itu sekali lagi saya masih ingat pada lebih kurang tahun 2003, nampaknya ada dijanjikan, juga dimaklumkan bahawa Sistem LRT Monorel itu akan datang ke Pulau Pinang tetapi akhirnya sekali lagi impian menjadi impian sahaja. Ini bukan janji ditepati YB. Dato' Speaker tetapi janji dicapatakan.

Walau bagaimanapun kita masih merasa positif kerana ini Kerajaan Pakatan harapan. Kita masih menunggu di sini, saya rasa kita ada ataupun saya ada dua (2) cadangan. Pertama, kerana adalah amat diperlukan satu sistem *Transport Master Plan* untuk Negeri Pulau Pinang dan sekiranya pihak pembangkang tetap hendak membatalkan projek penambakan laut bagi tujuan untuk membiayai kos *Penang Transport Master Plan*, kami di sini di dalam Dewan juga boleh mencadangkan ataupun *counter propose* bahawa kita semua setuju. Saya harap termasuk juga pihak pembangkang dengan cadangan alternatif. Cadangan alternatif ini dicadangkan oleh pihak pembangkang di dalam usul mereka dengan cadangan alternatif terbaik iaitu memohon daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kos. Sekiranya pembangkang dari pihak Barisan Nasional telah mencadangkan bahawa kita dapatkan *alternatif resources* ...(dengan izin) dan dengan itu bukan melalui projek penjualan tanah penambakan laut. Ini satu.

Kedua, sekiranya Kerajaan Persekutuan menafikan rakyat Pulau Pinang bantuan kewangan atas projek *Penang Transport Master Plan*, saya mencadangkan bahawa Dewan ini menyokong supaya perjanjian dan pelaksanaan *Transport Master Plan*, Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang diperiksa oleh satu jawatankuasa khas dan bebas ataupun seperti di sebut oleh Penanti sekejap tadi, satu jawatankuasa *stake holders round table community* yang sebenarnya(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Ya ,hendak minta penjelasan. Apakah perbezaan jawatankuasa ini dengan jawatankuasa *Penang Transport Council*? Perkataan terakhir Yang Berhormat kata tadi nampak macam ia merangkumi orang awam juga tapi mungkin anda boleh buktikan *detail* dengan lebih terperinci lagi *transport council* dengan jawatankuasa yang dicadangkan ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Ini satu soalan yang saya harapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk menjelaskan. Bagi saya dan untuk berkesan sesebuah perbadanan termasuk *community* untuk tugas ...(dengan izin) *check and balance*, saya rasa komposisi satu perbadanan termasuk *committee* atau jawatankuasa khas kena termasuk ahli bebas ataupun pakar bebas ataupun *personal* yang bebas di dalam organisasi itu. Jadi, *committee* yang saya cadangkan adalah sepatutnya tidak ada *conflict of interest*. Saya lanjutkan sedikit isu *conflict of interest* kerana dalam projek-projek tertentu kadang kala ada di antara projek-projek kerajaan jika konsultan adalah juga kontraktor ini ada implikasi di mana ada *self interest* misalnya jika *consultant* yang cadangkan misalnya yang cadangkan *LRT Light Rail Train* juga *expert* ...(dengan izin) pakar dalam hanya mengetahui bagaimana buat LRT dan tidak tahu bagaimana buat *LRV, Light Real Vehicle* maksudnya *train* yang moden itu. Jadi kadang-kadang untuk tidak bercanggah ataupun tidak *bias*, (dengan izin) ketidakadilan ataupun ketidak ...(dengan izin) *independent* kena ada pakar atau pun ahli ataupun ahli ataupun anggota *committee* jawatankuasa yang bebas. Saya teruskan YB. Dato' Speaker.

Jadi saya cadangkan sekiranya parti pembangkang mencadangkan bahawa kita batalkan *Transport Master Plan* dengan cara kita membiayai dengan tebusan laut jadi adalah bertanggungjawab juga bagi pencadang untuk membatalkan, membekalkan kita satu solusi ataupun alternatif untuk membiayai kemajuan dan pembinaan satu sistem *Transport Master Plan*. Jikalau pembangkang benar-benar jujur kepada Negeri Pulau Pinang, benar-benar sayang Pulau Pinang dan bukan secara mempermainkan politik sahaja dengan cadangan mereka. Saya beralih YB. Dato' Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Saya memetik daripada kenyataan terakhir tentang bermain politik. Sedarkah Yang Berhormat bahawa usul yang dicadangkan oleh wakil rakyat pembangkang ini dan juga diulangi dalam penggal kali ini adalah satu (1) usul yang sebenarnya mempunyai niat yang tidak baik bukannya secara ikhlas untuk mencari satu penyelesaian kepada masalah yang kita hadapi tetapi sebenarnya berniat untuk memecah belah barisan Kerajaan Negeri dan juga bertujuan untuk memecahbelahkan sokongan yang dirai oleh Kerajaan bagi projek tersebut. Walaupun Yang Berhormat Pulau Betong tidak hadir mungkin akan diberi peluang jika beliau membaca perkara ini esok, lusa untuk menjawab. Saya percaya kita harus was-was kerana daripada dulu lagi tujuan Barisan Nasional terutamanya parti-parti komponen adalah untuk mencari masalah atau mewujudkan masalah, ataupun mengusulkan perkara-perkara yang akan memecahbelahkan kita. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjelaskan pendirian mengapa Yang Berhormat berkecuali pada sesi yang lalu dan penjelasan ini akan dapat menjelaskan lagi pendirian Yang Berhormat, yang kita hormati tetapi saranan saya adalah supaya kita pada bila-bila masa termakan dengan racun pihak Barisan Nasional terutamanya pihak UMNO yang bukan saja tidak mahu memberi satu sumbangan mencari masalah kepada permasalahan lalu-lintas yang kritikal, permasalahan penggunaan ...(dengan izin) *public transport* yang kritikal di negeri ini tetapi juga ingin mengeruhkan lagi keadaan dengan membuat usul-usul yang menyusahkan lagi malahan boleh memecahbelahkan antara kita. Itu adalah pandangan saya Yang Berhormat. Terima kasih. Bermain politik.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Seri Delima. Saya ambil, *I take note* lah dengan apa yang dinyatakan. Saya ambil kesempatan YB. Dato' Speaker, pada peringkat ini untuk juga menjelaskan bahawa walaupun ada pihak yang mempermainkan politik di kalangan kita, tapi apa yang kita sentiasa perlu fokus adalah kepentingan rakyat. Walaupun ada banyak *influence* ada banyak...(dengan izin) kesan atas kita melalui cara-cara apa bentuk juga cara *approach* ...(dengan izin) politik terhadap kita, *persuasion* ...(dengan izin) tetapi bagi saya, saya tak nak di *influence* ...(dengan izin) oleh cara politik yang tidak memanfaatkan kepentingan rakyat. Jadi dengan ini, saya mengalih kepada isu kedua Berhormat Dato' Speaker mengenai laporan lengkap ataupun kajian lengkap, ini penting. Laporan lengkap dan kajian lengkap

Transport Master Plan yang disediakan oleh Projek *Delivery Partner* SRS, isu yang kedua. Sudah siap laporan tetapi belum dikemukakan kepada masyarakat umum. Adalah amat penting bagi ataupun untuk Kerajaan Negeri mengemukakan laporan lengkap PDP SRS dan laporan kajian yang berkaitan dengan projek ini. Kenapa adalah penting? kerana atas prinsip *freedom of information* dan juga prinsip *natural justice*(dengan izin). *Freedom of information* ...(dengan izin) kita semua tahu untuk maklumat kepada semua supaya semua boleh mengetahui dan berbincang. *Natural justice*(dengan izin) YB. Dato' Speaker, adalah kerana projek kita mungkin akan ada kesan yang baik ataupun buruk terhadap seseorang atau sesuatu pihak, suatu perbadanan di negeri kita apabila projek ini dijalankan. Jadi, adalah amat penting cerita itu, presentasi itu, kajian itu dan laporan itu diberitahu kepada orang ramai, kepada semua rakyat Pulau Pinang. Pada peringkat ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, laporan yang lengkap dari Project Delivery Partner SRS belum diberi kepada orang Pulau Pinang. Jadi, dengan secara am,(dengan izin) *generally speaking* YB. Dato' Speaker, adalah mustahil, *impossible* bagi orang Pulau Pinang ataupun pakar ataupun pihak yang berkepentingan atas projek itu untuk menelitikan projek ini. Ini amat penting. Mungkin di antara perbahasan di dewan ini tak ada sentuh isu ini, tapi bagi saya adalah penting kerana maklumat ini adalah dasar bagi kita tahu apakah masa depan kita yang berkaitan *Transport Master Plan*.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh minta penjelasan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Atas isu ini?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Atas isu ini. Sebenarnya semenjak mendengar pun kenyataan akhbar oleh Dr. Lim Mah Hui sampai sekarang saya tidak berapa pasti laporan apa yang dimaksudkan itu kerana bagi saya laporan maksudnya ada kajian, selepas itu ada laporan kan? Jadi pada pemahaman saya dan saya rasa banyak Ahli Dewan Undangan Negeri pun tahu kita masih dalam takat *feasibility studies*, *social impact studies* dan *DEIA report* akan disediakan maka laporan *DEIA* itu tidak disediakan lagi maka tak ada laporan untuk diberikan kepada sesiapa pun. Mengikut undang-undang memang laporan *DEIA* itu kena dipaparkan kepada orang awam so apakah isu hendak melihat laporan tersebut apabila buat masa kini sekarang tak ada laporan, apabila ada laporan memang mengikut undang-undang kena diberikan. Jika laporan yang dimaksudkan itu sebenarnya adalah mungkin cadangan terperinci, mungkin kerana saya pun rasa kadang kala dalam 20 minit di masa pembentangan awam tak dapat orang ramai meneliti semua isu-isu di dalam pelan induk yang begitu tebal. Jika begitu, itu bukan satu laporan, itu satu cadangan terperinci ataupun butiran terperinci cadangan. Jadi saya rasa bagi orang awam sekarang, apa maksudnya laporan yang mereka inginkan itu perlu dijelaskan dengan lebih baik. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Satu lagi soalan yang amat dialu-alukan dari YB. Pulau Tikus. Sebenarnya, laporan yang agak pelbagai, beberapa laporan yang sedia ada tapi laporan yang khasnya tadi disentuh saya adalah laporan pada peringkat RFP. Ia ada beberapa peringkat, saya bukan pakar pembalakan dan saya bukan pakar *engineering* tetapi saya boleh jelaskan dengan secara umum, *generally speaking* beberapa peringkat di mana *project delivery partner* iaitu SRS mereka akan membuat laporan ataupun kajian ataupun apa yang boleh dipanggil tetapi dengan maklumat yang cukup, dengan sumber mengenai projek ini dan disediakan untuk proses *request of proposal* ...(dengan izin) jadi pada peringkat itu *project delivery partner* dia sediakan semua *basic data* ke, *assessment* misalnya bagi kita untuk LRT yang 24 atau 26 jikalau tak silap kilometer dari George Town ke lapangan terbang dan ia ada statistiknya di dalam laporan ini dan cukup jikalau dalam beberapa *volume*, banyak. yang laporan ini sepatutnya boleh jikalau kita sanjungkan, *freedom of information* jikalau kita nak semua orang *respect*(dengan izin) apa yang kita buat sebagai kerajaan, kemukakan bagi *check and balance*, bagi sesiapa pun, bagi jiran di bawa semangat *Section 23 Town and Country Planning Act* di mana pihak yang berkaitan ataupun *have an interest* sebagai jiran ataupun pemaju dalam kes ini boleh ada hak untuk merayu jikalau a *grieve party*(dengan izin) ataupun menyuarkan kepentingan ataupun *fight for their rights*.

Jadi, saya rasa saya tak mahu mengelirukan pendengar ataupun Dewan ini tetapi cukuplah kata bahawa laporan ataupun kajian atas *Transport Master Plan* ini sedia ada. *Correct me if I'm wrong* tapi saya tau sedia ada tetapi kita kena buat, kita kena mengemukakan kepada orang Pulau Pinang ataupun *interested party* termasuk kemungkinan penduduk-penduduk, nelayan-nelayan, peniaga-peniaga, ataupun pemilik *shopping mall*, ataupun sesiapa pun yang kepentingan mereka ada percanggahan dengan pemajuan ini. Oleh itu, laporan ataupun kajian lengkap kena dikemukakan kepada kita. Setahu saya, kajian dan laporan sepenuh walaupun sudah disediakan tetapi tidak dibekalkan secara terbuka jadi di bawah prinsip *freedom of information* dan juga *natural justice*, saya harap laporan dan maklumat sedia ada akan dibekalkan sepenuhnya kepada pengetahuan umum. Ini juga boleh....(dengan izin) *kick out* mana-mana pihak yang mengatakan kita membuat kerja kita sebagai Kerajaan Pulau Pinang, membuat kerja tanpa ketelusan. *So let the people know if we don't have anything to hide.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Belum.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Minta laluan. Terima kasih. Ya, prinsip ketelusan, *transparency* seperti yang disebutkan oleh YB. Kebun Bunga memerlukan supaya segala maklumat yang ada di dalam rancangan yang telah pun dibuat kajian oleh pihak Kerajaan Negeri perlu dikemukakan, dibentangkan kepada rakyat untuk diteliti supaya sama-sama kita faham. Tentang apa yang dirancangan di dalam Rancangan Struktur Pengangkutan, Rancangan Induk Pengangkutan Pulau Pinang ini. Saya ingat lagi apa yang disebut oleh Padang Kota bahawa kajian kewangannya masih lagi belum lagi disediakan dan dia seperti *chicken and egg*(dengan izin) yang mana satu nak buat dulu, menunggu kelulusan daripada SPEKS. Kalau SPEKS lulus, barulah akan diperincikan dari segi kewangannya sama ada ia *feasible* atau tidak. Saya rasa ia dah jadi terbalik. Kalau SPEKS dah lulus, kemudian bila dibuat kajian kemungkinan kewangannya itu *feasibility* tidak memuaskan, apa nak jadi? walhal kita dah banyak buat kerja. Saya rasa ia sepatutnya selari, perlulah dibentangkan *feasibility* nya juga, segala perinciannya untuk kita fahami. Setakat ini saya rasa, mungkin Yang Berhormat setuju maklumat itu belum memadai untuk kita membuat penilaian sepenuhnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. *Yes, thank you very much.* Untuk penjelasan, ini amat penting bagi ADUN dan Wakil Rakyat kerana ini bersangkut paut dengan kewangan rakyat, dengan fasiliti pengangkutan rakyat, dengan tanah harta rakyat kemungkinan akan diambil alih oleh kerajaan kerana untuk memperkembangkan jalan ataupun apa dan juga mengenai alam sekitar dan juga mengenai ekonomi dan rezeki rakyat. Kadang-kadang jikalau tanah di tebus, diambil, nelayan menjadi bukan lagi di pantai tetapi di pendalaman dan siapa yang memilik tanah yang baru itu kemungkinan tuan rumah kondominium dan bukan lagi nelayan. Jadi, kerana semua fakta-fakta ini, kita sebagai kerajaan kena mengambil prihatin mengenai perkembangan kes ini. Oleh itu adalah amat penting bagi semua rakyat dan juga perbadanan, organisasi untuk mendapatkan maklumat dan laporan yang sudah disediakan oleh pihak pakar pengkajian RFP.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tahu *whether* Ahli Kawasan Kebun Bunga sudah melihat *report* dari Chew Pooh Sea Institut Penyelidikan ikan-ikan di Batu Maung di mana di kawasan ini terdapat 10,217 sangkar ikan yang menghasilkan 538 tan ikan. Saya nak tanyalah mengikut daripada Persatuan Nelayan sebab sepupu saya Akauntan di situ dia mengatakan 1,000 nelayan jadi adakah faktor begini maknanya kalau kita nak bina tiga (3) pulau buatan apakah yang terjadi kepada penghasilan ikan di situ? Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti, sebenarnya keluarga saya adalah keluarga nelayan, datuk dan bapa saya pun dari masyarakat nelayan dan kawasan sana sebenar adalah tempat perikanan bagi keluarga saya. Tetapi saya bukan nelayan. Bila saya masih seorang budak saya jual ikan di *Market Chowrasta* nombor 34 boleh pergi tengok masih ada kita punya syarikat. Kita nelayan dan kita tahu kesengsaraan penderitaan nelayan. Pagi-pagi kita keluar kadang-kadang tak balik juga kerana ombak terlalu besar. Dan malam lewat ataupun petang balik tetapi pada masa itu susah nak jumpa wakil rakyat. Saya ada pergi ke tempat itu saya jumpa dengan nelayan-nelayan tersebut dan ambil butir-butir dengar apa yang mereka cakap.

Apa yang saya rasa dia bincang di sini pendek sahaja adalah kita kena memantaulah ke semua pihak bukan sahaja nelayan tetapi juga pedagang ataupun sesiapa pun yang terpengaruh oleh projek kita ini. Ini baru adalah Kerajaan Pulau Pinang Pakatan yang baik yang saya ada keyakinan juga. Adalah tidak munasabah jikalau dilancarkan satu (1) projek begitu besar bernilai lebih kurang RM40 bilion ataupun lebih.

Yang berkeluasan bukan sahaja keluasan lautan sebesar 4,000 lebih ekar dan lebih-lebih lagi tanah yang melintasi tanah harta dan saluran jalan raya demi jalan raya yang cukup luas, ini *coverage* (dengan izin) YB. Dato' Speaker, adalah *coverage* yang projek kita sedang membincangkan. Dengan tujuan menyempurnakan *Transport Master Plan (TMP)* adalah penting untuk mengemukakan laporan kajian dengan sepenuhnya dan dengan serta merta membandingkan bahawa ia sudah lama disediakan. Tanpa maklumat yang sepenuh ini adalah sukar untuk rakyat dan perbadanan berkenaan untuk meneliti projek yang agak kesan *gigantic* ada kesan yang besar ke atas negeri kita. Sampai sini ...(dengan izin), YB. Dato' Speaker saya alih kepada isu ketiga iaitu keperluan masa untuk meneliti keperluan saya jelaskan tujuh (7) sahaja. Sudah tiga ini penting kerana kita semua boleh faham. Boleh ya..... (gangguan),(dengan izin) YB. Dato' Speaker, saya rasa ini penting bagi kita semua...(gangguan). Saya sudah gunakan dua (2) minggu bekerjasama dengan Ahli Akademik, Doktor dan Professor

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini nanti usul dibahas....(gangguan). Saya beri peluang sekarang. Sila, saya anggap ia perbahasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ini untuk faedah untuk semua jika boleh. Ada kadang-kadang ada di antara kita tak tahu maklumat ini termasuk saya baru saya tahu. Yang ketiga adalah mengenai keperluan masa untuk meneliti dan memandangkan perjanjian yang akan dimeterai ataupun ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan *Projek Delivery Partner (SRS)* dijangka mungkin sahaja tak pasti. Saya bukan *inner party* jadi saya tak berapa pasti, dengar ada yang mengatakan Jun tahun ini iaitu bulan yang akan datang ataupun saya rasa kemudiannya jikalau maklumat dan informasi yang tidak lengkap atau tidak cukup ataupun masa yang akan menterai atau tandatangan saya rasa kita perlukan masa untuk meneliti laporan yang belum dibekalkan laporan penuh dan juga untuk bagi pandangan ataupun bagi posisi, *position* pihak-pihak tertentu untuk kerajaan ditimbang oleh kerajaan.

Jadi perlulah masa untuk masyarakat ataupun jawatankuasa memantau juga diminta laporan dibentang ataupun diberi oleh kerajaan kepada masyarakat umum. Yang keempat, YB. Dato' Speaker, adalah mengenai saiz dan nilai penambakan laut. Saiz dan nilai saya bukan kepakaran saya juga tetapi adalah perlu soalan *sorry*(dengan izin) soalan dalam kes ini adalah perlukah kita menambak sebegitu luas tanah. Memang dengan nilai tanah itu penambakan tanah itu dan ukuran dan penilaian itu saya bukan pakar tetapi adalah penting bagi yang pakar menasihatkan kita secara keseluruhan dalam kes ini. Yang kelima, YB. Dato' Speaker adalah keperluan untuk menilaikan dan mengira semula kos *Project Transport Master Plan* dan penambak laut ini. Saya mengulangkan perkara ini yang kelima, keperluan untuk mengira semula bukan hendak mencari pasal kepada projek yang sedia adalah kerana sebagai wakil rakyat kita membayangkan ataupun *reflect* (dengan izin) hasrat rakyat yang duduk tanya bagaimana kira-kira ini diwujudkan.

Jadi sebagai wakil rakyat kita kena jelaskan dan dalam proses penjelasan kita juga buat kajian walaupun maklumat sepatutnya datang dari laporan lengkap tidak datang, kita berusaha sebagai wakil rakyat selama beberapa minggu dan bulan untuk mencari *alternative source*...(dengan izin) atau sumber

alternatif untuk mendapat tahu kes ini untuk melindungi dan mempertahankan hak rakyat dan tanah, harta rakyat yang tidak dibazirkan jikalau tidak diuruskan dengan secara baik.

Jadi balik kepada kira semula seperti yang saya ulangi, saya *reiterate* saya juga bukan *expert* tetapi ada pandangan juga bahawa ini pandangan orang lain dan selepas tengok kira-kira *the account* dan semua dan statistik, nampak juga bersaing dengan harga pasaran antarabangsa dan mengambil kira harga kos tanah yang dibeli secara *acquisition cost*(dengan izin). Nampaknya mungkin mahal. Ataupun cara atau reka bentuk ataupun kenderaan yang kita cuba nak pakai pada masa depan misalnya LRT ataupun Monorel ataupun Trem ataupun Bas sistemnya selepas persaingan dan perbandingan dan kajian melalui kita sendiri ,sebagai wakil rakyat kita pun sebagai *layman* juga kita pun rasa mungkin perlu ada *second opinion*. (dengan izin) Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang kelima saya juga dengan izin ambil kesempatan untuk *research* untuk kajian atas (dengan izin) *sustainability* kemampuan projek ini. Yang Berhormat Dato' Speaker yang saya hormati. Kemampuan *sustainability issue* yang satu. Saya rasa isu yang terpenting yang saya nak bincang di dalam Dewan Yang Mulia ini kerana Yang Berhormat Dato' Speaker dua perkara tertimbul di sini bila kita merujuk kepada kemampuan *Sustainability Transport Master Plan* ini. Ini 6.1 yang butir 6.1 satu, adalah mengenai kos pengambilan, pengambil alih tanah *acquisition* dan pembinaan, kos pembinaan.

Yang kedua, adalah mengenai kos OMM...(dengan izin) *Operation and Maintenance Cost* yang ini kedua penting bila kita secara keseluruhan sebagai wakil rakyat sebagai satu Dewan kesemua wakil rakyat, kita memantau bila kita memantau kita tengok bagaimana selepas kita merancang membina, kita tebus tanah,kita ambil tanah kita jual tanah, kita membina dengan kos yang tidak bazir ataupun kos yang bazir, kita dapatkan infrastruktur pengangkutan. Ini kemudiannya muncul isu bagaimana kita *sustain* ... (dengan izin). Dan sejarah di Malaysia dan di Taiwan Taipei Kaohsiung ataupun di Hong Kong atau di Shenyang ataupun di Hungary banyak contoh yang kita kajikan walaupun sebagai rakyat yang bukan pakar kita kajikan lebih kira-kira lebih 70%-80% yang agak subsidi dari negeri atau negara mereka kerana kekurangan *ridership* penumpang ataupun pengurusan yang tidak baik mungkin, ataupun tiada peringkat awal kos yang *diinflated*(dengan izin) terlalu besar untuk ditanggung kemudiannya. Jadi sebagai sebuah negeri yang kita cinta Pulau Pinang bila kita mengalih kita *we march forward* untuk membuat satu projek adalah tanggungjawab kita salah seorang kita saya sebagai wakil rakyat untuk memberi pandangan juga dan kajian walaupun *I stand to be correct* (dengan izin) mungkin semua dikatakan saya silap, tetapi kita kena memantau kerana ini jikalau silap membebaskan rakyat Pulau Pinang, bukan selama-lamanya tetapi jangka masa yang panjang. Di Melaka YB. Dato Speaker ada contoh... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan mengenai isu ini. Saya tertarik dengan contoh-contoh yang diberi saya nak tanya YB. Tanjong Bunga, Ahli Kawasan Kebun Bunga di antara tempat-tempat yang dibuat Monorel ini semua di Taiwan di Hungary, di Shenzen ini berapa ramaikah penduduk kawasan-kawasan tersebut? Ada tak data begitu sebab kita nak cakap pasal *ridership* so nak *compare* dengan *ridership* kita, *rate rating* kita dengan Hong Kong macam Hong Kong 11 milion *population still within subsidies, I do not know, is it true or not* ada tak data macam itu.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Teluk Bahang, Yang Berhormat Teluk Bahang mengenai kes ini maklumat banyak *ridership* ka *sustainability* ka banyak ini ...(dengan izin) *multi causes* maksudnya punca yang menyebabkan satu akibat adalah banyak, punca-punca maksudnya punca-punca yang menyebabkan satu akibat satu syarikat pengangkutan yang runtuh kerana kurang *ridership* kerana pengurusan yang kurang munasabah kerana banyak lagi, saya tak boleh nak *pinpoint* dan juga *ridership* di seluruh dunia di di Eropah ka di Asia ka di Negeri China ka banyak yang kita buat kajian. Jikalau ada kurang *ridership* juga tak boleh mampan, ada banyak *reason* ada banyak sebab dia tidak berkesan tetapi ada yang juga seperti ada yang juga langsung tak *work*, misalnya saya bukan nak sentuh di Melaka, Melaka *monorail* dibina tahun 2010 dan dimatikan 2010 dan baru hari ini sahaja jikalau tak silap, ada orang jatuh dari *monorail* di Kuala Lumpur hari ini atau semalam kalau tak silap tapi ada yang kata langgar ataupun jatuh seseorang jatuh keluar tapi ini *is not* ...(gangguan) bukan KL. *Anyway* pendek kata maksud saya *multi causes* tetapi bagi kita sini pembangkang ataupun Kerajaan, sasaran kita objektif kita adalah menelitikan adakah projek ini boleh dijalankan dengan kesan termasuk pihak pembangkang di mana jikalau boleh berkesan kita akan menanggung dan membebaskan rakyat Pulau Pinang dari kesesakan jalan raya kerana kereta dan falsafah prinsip-prinsip pengangkutan ini ada ada satu adalah jikalau kita

nak menarik *Public Transportation*...(dengan izin) jikalau membina lebih banyak jalan raya mungkin kita akan...(dengan izin) *encourage* lebih banyak kenderaan ke jalan raya. Tak semestinya bila kita bina banyak *Public Transport*, orang akan gunakan lebih *public transport* (dengan izin) saya bukan *expert* dan hanya saya datang sini di dalam pembahasan untuk *highlightkan*...(dengan izin) apa yang perlu kita jaga.

Saya kembali...(dengan izin) YB. Dato' Speaker, kepada *sustainability project* ini walaupun Kerajaan Negeri mengulangkan kenyataan bahawa belum pengesahan atau belum *confirm* ke semua rancangan lagi, sentiasa kita dengar dari Pihak Kerajaan belum *confirm* ini, belum *confirm* itu, masih di dalam *tinkering*...(dengan izin) tapi setahu saya LRT, *Monorail*, LRV untuk maklumat kesemua LRV (*Light Rail Vehicle*) ia macam moden Trem maksudnya sebahagian besar dia jalan atas lantai atas tanah tapi kadang-kadang ada naik dan turun juga dalam keadaan yang berkeperluan. Jadi kesemua kenderaan ini mungkin dan sampai boleh kata tentu akan berada dalam kombinasi di dalam *Transport Master Plan* dan saya bukan pakar tapi nampak macam itu, bagi satu contoh bagi satu contoh dengan membandingkan Shenzen dengan membandingkan Kaohsiung ini semua tempat yang Yang ada Trem dan ada Trem LRV dan kebanyakan kos mereka walaupun ada tempat macam Australia, Sydney, *sorry* Melbourne kos dia lebih kurang selepas *calculate* kira-kira lebih kurang RM40 ke RM60 juta berbanding dengan misalnya ini satu contoh sahaja untuk kita *assess of what we are going into*...(dengan izin) dan untuk LRT adalah RM220 juta sekilo meter saya bukan pakar YB. Dato' Speaker, RM220 juta untuk LRT dan RM40 juta untuk Trem LRV berbanding dengan RM40 juta jadi ada ...(dengan izin) *a school of thought* satu kumpulan pakar yang mengatakan dan ini pakar yang satu bilangan yang cukup besar termasuk cadangan *Halcrow* cadangan *Halcrow* termasuk banyak lagi pakar yang saya temui mengatakan Pulau Pinang kenapa tak guna LRV Trem? Kenapa tak guna LRV Trem? Ada cadangan yang *cynical*...(dengan izin) saya boleh bincang di sini *cynical* tidak semestinya betul yang menyatakan mungkin *the choice of construction* adalah LRT dan tak semestinya Trem tapi bagi kita perwakilan Rakyat Pulau Pinang saya rasa sasaran dan objektif kita adalah untuk...(dengan izin) YB. Dato' Speaker untuk mencari untuk mencari satu hala tuju di mana projek kita tidak membazirkan wang dan tidak membebankan kita dan juga masa depan anak cucu kita. Ini bukan membeli "masak-masak" ataupun satu mee goreng, ini RM40 *billion* dalam satu *adventure*...(dengan izin) hanya satu saluran 24 atau 26 kilometer dari George Town ke Lapangan Terbang akan membebankan kita atau memerlukan kos tanah tebusan nilai RM6 *billion* dengan RM6 *billion*. Jadi apa-apa kesilapan dari segi kita kita bertanggungjawab.

YB. Dato' Speaker, pendebatan ataupun *contention*...(dengan izin) bahawa kenapa tidak membina LRV Trem , Trem yang moden (*Light Rail Vehicle*) Trem n terus berada di kalangan pakar-pakar yang mampu dan berniat menegur Kerajaan Pulau Pinang dengan *capacity* dan muatan penumpang...(dengan izin) *ridership trem* moden sekarang ini telah boleh bersaing dengan LRT yang naik atas struktur konkrit itu tapi LRV Trem banyak lagi murah dari LRT seperti dinyatakan tadi. *I am sure*...(dengan izin) saya pasti ada pakar yang lain akan *beg to defer* maksudnya berdebat-debat atas isu ini tapi ini pandangan saya. Pada tahun 2013 yang lalu Ketua Menteri Pulau Pinang juga Y.A.B. ADUN Air Putih mengatakan satu *statement* mengenai "*no to Monorail yes to Trem*" tidak kepada *Monorail* dan ya kepada Trem kerana ini *trail* jalan *trail* yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional sebelum 2007 adalah tidak sesuai kerana bandar Warisan Dunia di Pulau Pinang itu kerana struktur yang dibina akan dianggap memusnahkan azimat *the charm of* Pulau Pinang, jadi ada yang menyatakan dengan LRT yang terbang sini sana itu tidak sebegitu cantik ataupun canggih berbanding dengan trem yang berjalan di atas tanah.. (dengan izin).

Jadi saya masih kuatir kerana pada peringkat ini sebagai Wakil Rakyat selepas buat kajian atas kawasan Kota Sia Boey...(dengan izin) dekat Prangin Mall itu yang tempat itu sedang ada pembangunan tapak warisan dan juga kemungkinan diagih sebahagian tapak *garage* tapak Perhentian Pusat Perhentian itu sebagai Wakil Rakyat kita pun memantau mungkin boleh pohon supaya Kerajaan ataupun EXCO boleh menjaga keseluruhan tapak warisan itu dengan memasukkan kenderaan yang sesuai bagi kawasan Sia Boey itu dekat 1st Aveue itu. Kami melihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang tiga (3) *system transit* yang berbeza iaitu LRT, *Monorail* dan Trem yang akan menjadi sangat sukar untuk mengintegrasikan dan menguruskan dan mengendali dan mengekalkan sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab perlulah kita mendapatkan pihak yang bersesuaian untuk menyelenggara dalam jangka masa yang panjang selepas projek pengangkutan awam yang dibina ini sangat penting, dan di Selangor dan tadi saya sudah sebut di Melaka ada contoh di mana tidak berapa bagus dalam pengurusan itu dan mengalami banyak kerugian.

YB. Dato' Speaker, isu yang ketujuh yang *last* sekali adalah mengenai kepedulian Kerajaan kita terhadap impak sosial...(dengan izin) *impact social, cultural, economic and environmental matters* terhadap komuniti tempatan dan komuniti rakyat Pulau Pinang secara am berkaitan dengan Transport Master Plan ini. YB. Dato' Speaker, Kerajaan Pakatan adalah Kerajaan yang memprihatin kepada semua rakyat. Semua pemajuan yang kita kena memperingatkan sentiasa adalah isu *social justice, cultural, balance, economic, prosperity* dan...(dengan izin) *environmental impact* di mana kerajaan terus kena terus jaga demi rakyat untuk kepentingan rakyat adalah rakyat yang sokong kita. Ini bukan *rhetoric* bagi nelayan, bagi pedagang bagi sesiapa ibu bapa di kalangan kita yang terpengaruh oleh Pelan-pelan dan projek kita ini, saya bukan mengatakan kerana ini semua *rhetoric* jikalau apa kesilapan apa ketidakbetul apa ketidakadilan kita buat itu cukup akan mempengaruhi rezeki mereka jadi kesimpulannya saya mencadangkan YB. Dato' Speaker Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa yang ditubuhkan saya harap ada Jawatankuasa yang ditubuhkan kerana *independenness* Jawatankuasa kena ada *independence* kerana jikalau *consultant* atau *consultant* kedua ataupun ketiga *with due respect* kemungkinan boleh pengaruh jadi pemantauan dan *scrutiny public* project sebegitu besar kena ada pihak pakar yang tidak ada *conflict of interest* atau pun tidak ada interest untuk kebaikan rakyat atau tidak ada *interest* kepentingan peribadi dimasukkan di dalam jawatankuasa jadi kalau tidak berapa ratus berapa ribu konsultan yang kita sediakan untuk memuatkan Dewan ini ataupun untuk mencantikan suasana ini mungkin akan diupah untuk kepentingan swasta. Jadi adalah penting jawatan kuasa *comission* kena ada kebebasan dan *independent*. Kesimpulannya kerajaan perlu memeriksa pelaksanaan pelan induk, dengan teliti....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Sorry, sebenarnya dalam mendengar perbahasan ini saya masih tidak faham. Sebenarnya semua fakta-fakta yang dibangkitkan sebenarnya boleh dibincangkan di dalam Penang Transport Council juga dan dalam Penang Transport Council juga tidak ada pihak yang ada interest kerana SRS pun bukan ahli dalam Penang *transport council* tersebut. tidak tahu ke tidak Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ini soalan yang amat-amat menarik bagi saya tahun dulu, tahun lepas 2015, Oktober 1 saya masih ingat Hari Kebangsaan Negara China, The Republic Of China, saya dijemput sebagai member ahli untuk *transport council* satu kali sahaja pergi makan pagi selepas itu saya tidak dapat jemputan sampai sekarang *Im not sure* tetapi ...(gangguan) ya *on this matter...*(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Penjelasan, ya, Yang Berhormat, saya seronok juga mendengar ucapan Kebun Bunga selama tadi satu setengah jam *Penang Transpsort Master Plan* dan kalau saya tidak silap beliau sebenarnya menyokong *Penang Transport Master Plan* tetapi mempunyai *concern*. Ini pertama kali dalam enam (6) bulan beliau *break from the silence*. Waktu dulu enam (6) bulan yang dulu kita ingat dia tidak menyokong tapi sebenarnya dia menyokong. Tetapi dengan *reservation* tertentu. Saya itu sebenarnya ucapan satu setengah jam itu sepatutnya enam (6) bulan dulu sudah cakap tetapi tertangguhlah, dapat tertangguh sikit dan saya juga ingin mengalu-alukan beliau kerana kembali ke pangkal jalan waktu dulu mungkin tersesat tetapi sekarang apabila mempunyai banyak maklumat, mempunyai masa lebih panjang untuk berfikir kita mempunyai perpektif yang lebih meluas oleh sebab itu apabila mendapat banyak *research* lebih banyak pemikiran dan saya juga tadi ini telah diberitahu Padang Kota bahawa walaupun *transport council* telah adakan banyak siri *round table* ataupun taklimat kepada orang ramai yang dihadiri juga oleh *transport council members* adalah sampai masa juga apabila kerja-kerja SRS sampai ke tahap tertentu perlu juga *transport council* untuk kembali kepada bermesyuarat untuk memperhalusi lagi *detail-detail* yang dirancangan.sebab itu saya sukacita Kebun Bunga sokong, terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Air Itam apa yang perlu saya jelaskan untuk pengetahuan Air Hitam, adalah YB. Air Itam, dan bukan saya yang baharu sedar kerana percanggahan dan rintangan mengenai maklumat tidak diberi, dan saya ambil masa untuk cari maklumat tersebut, jikalau pada peringkat yang terawal sampai sekarang masih belum dibekalkan lagi diberi kepada kita, kita tidak payah lalui cara *indirect*, ...(dengan izin) untuk mendapatkan maklumat ini dan juga tiada *meeting* ataupun saya tidak dijemput setahu saya, saya dijemput sekali sahaja. Saya berminat tahu dan juga untuk membantu keseluruhan, pendek kata saya tak mahu panjang lebar tapi untuk *complete*....(dengan izin) perbahasan saya. Saya haraplah

empat (4) perkara kerajaan kena ambil perhatian secara mengambil kira *impact social, economic, environmental*, ECU bila melanjutkan projek ini. Yang kedua kerajaan kita kena *emphasize* kerana jikalau tidak dia lari kadang-kadang lari daripada sasaran kita yang sebenarnya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, okey. Saya minta laluan ya, sebab bercakap pasal SRS bila dia menjelaskan mengapa dia memilih LRT adalah isu pengambilan tanah sebab itu dia pilih LRT disebabkan LRT *elevated* tetapi kalau kita tengok pengambilan tanah untuk LRT sebenarnya adalah lebih sebab *turning radius* adalah *more than* atau lebih daripada 100 meter atau sehingga 135 meter dan LRV *turning radius* hanyalah 20 meter. Jadi jawatan yang diberikan oleh SRS pada 03 Mac 2016 bagi saya tidak menyakinkan lagi satu juga LRV juga boleh ada *elevation* dan kalau *elevation* pun dia punya kos hanya RM80 juta per kilometer. Kalau di atas tanah hanya 40 meter, *sorry* RM40 million per kilometer kalau kita tengok Shenzhen, China punya LRV dan Kaoshung di Taiwan adalah RM65 juta per kilometer. Jadi kenapakah SRS sebuah syarikat yang tidak pernah buat LRV jadi PDP sebab kalau mudah dia membuat MRT macam kawasan rumah saya di Kajang, dia buat MRT sampai ke rumah saya. *So the point in is arguments* yang diberikan oleh SRS untuk memilih penyelesaian trafik yang lebih mahal RM220 juta per kilo meter berbanding dengan LRV yang *even elevated* pun RM80 juta per kilometer dan menggunakan *reason* ataupun alasan pengambilan tanah saya rasa itu tidak begitu menyakinkan disebabkan LRT *turning radius* adalah lebih besar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Penanti sekejap sahaja tiga (3) lagi butir yang saya hendak stress kan selain daripada menjaga *socio economy & culture, Environmental* ECU kerajaan dan jawatankuasa bebas perlu memeriksa proses pelaksanaan secara *participatory planning* saya ambil daripada Penanti dari kajian. *Participatory planning* di mana rakyat *participate* bersama memberi maklumat bersama memberi ke semua *feedback* dan juga perlu *cost effective* dan musabab dan mampan inilah *keyword* Dato' Speaker. Jadi kesimpulan kita kena jikalau kita kena ada alternatif seperti yang dicadangkan oleh pembangkang mungkin kita boleh meminta bersama-sama kita demi faedah kepentingan rakyat, kita memohon supaya Kerajaan Persekutuan membiayai kos kita, ini sepatutnya, sebagai *tax payer* pembayar cukai, pembayar-pembayar cukai ada berhak untuk meminta dan sepatutnya ada. Jadi ini adalah satu cara yang kita memberi tahu kepada cadangan usul itu, bahawa kamu nak batalkan *transport master plan* jadi cadangkan ataupun bantulah dengan secara niat baik untuk menubuhkan sistem pengangkutan Sistem Pengangkutan Pulau Pinang ini.

Saya tamatkan perkara ini, dan YB. Dato' Speaker saya ingin pergi kesatu medan yang ... (gangguan) bukan Medan, Indonesia. saya nak cuba dengar *you* ada dengar ke tidak Telok Bahang, nasib baik *you* ada dengar. saya pergi ke suatu medan yang kurang memuaskan dan kurang seronok bagi saya tadi, Penanti ada menyatakan mengenai satu perkara mengenai Kes Zenith BUCG, terowong. Kes Zenith BUCG ini saya pun tak tahu bagaimana nak mula, tetapi saya akan pendek kata, oleh itu kita boleh fokus. Perkara yang pertama yang saya akan fokus adalah cukup sakit hati, mengenai YB. Dato' Speaker saya, berdiri tegak kerana saya *respect* YB. Dato' Speaker tetapi ada orang yang cukup tidak *respect* YB. Dato' Speaker bagi yang menyediakan Laporan PAC apa yang telah diperintahkan ataupun yang telah diarahkan oleh YB. Dato' Speaker pada penggal yang dahulu pada November 2015 atas isu PAC ini, setahu saya jikalau saya tidak silap diarahkan bahawa *PAC report* ini mengenai Zenith BUCG ataupun terowong ataupun empat (4) jalan raya dikemukakan disediakan untuk Dewan ini pada penggal ini tetapi bukan saya yang kurang ... (gangguan) bukan Dato' Speaker. Bukan beraksi kamu Air Itam yang beraksi kerana saya rasa begitu cukup, cukup tidak puas hati kerana saya hendak jelaskan untuk Air Itam kerana apa yang penting adalah kita dapat maklumat dari *PAC report* ini sedangkan Dato' Speaker, pagar dinaikan seluruh Pantai Gurney, sedangkan pembangun paling dibuat di atas tanah tersebut, tanah tebusan saya ingat jikalau tidak silap sedangkan rayuan ditolak oleh lembaga rayuan kerana sesuatu pemajuan yang tidak ikut peraturan dalam pandangan lembaga rayuan sedangkan rumah kondo mula dijual, sedangkan penambakan laut telah dimulakan dan sepatutnya pagar di Gurney itu saya pun tidak faham kenapa di pagarkan seluruh jalan itu sedangkan semua ini ... (gangguan), saya nak siapakan *then you can* gulung ini penting ini amat tidak menghormati Dewan. Kita bukan sahaja, Dato' Speaker tetapi tidak berhormat kepada kita semua kenapa, kerana kita tunggu-tunggu enam (6) bulan untuk *PAC report*, saya kuatkan sedikit kerana luar tidak dengar, saya punya suara bukan *soft*....(gangguan) *you* boleh gulung....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan, Kalau berani cakap macam ini, biar orang jawab. Zenith BUCG sama...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Gulung, gulung, Saya tak rojak...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, Kebun Bunga...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya teruskan, isu satu saja, duduk, duduk. Kalau nak jadi backbenches boleh datang sini tak payah jadi EXCO...(gangguan). Datang sini lah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Penjelasan. Dato' Speaker, saya ingin mendapat satu penjelasan....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Backbenches gulung besok, saya tak bagi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Backbenches tak gulung, EXCO yang gulung...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Duduk, duduk lah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Saya nak tanya kerana *reclamation* telah mula....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hormat Dewan ini, Kebun Bunga kalau ada *point* perbahasan bagikan habis dan tidak perlu begitu emosi dan yang lain tolong jangan ganggu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Dato' Speaker saya bukan ganggu tetapi saya hanya ingin dapat penjelasan dalam Dewan yang mulia ini ...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya tak bagi *because this my floor*...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

I'm asking the Speaker, not asking you. Saya tanya Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Duduk, duduk lah. Speaker kata jangan ganggu, tadi *you* tak dengar kah?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, *Point of order.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah. *No, no*, duduk, duduk. Tak payah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Point of order, point of order. You must allow me say something. 109A, saya rujuk kepada 109A, Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan. Dalam peruntukan 109A(7), telah disarankan Jawatankuasa itu hendaklah membuat laporan dari satu masa ke satu masa dan membentangkannya di atas meja. Laporan itu tidak ada disini dan saya percaya YB. Kebun Bunga adalah Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan. Okey, kalau tidak. *No, let me finish.* Kalau dalam Peruntukan 7, Jawatankuasa itu tidak membentangkan sebarang laporan, *I think* YB. Kebun Bunga *already is jumping the gun.* Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, saya bukan *jump the gun*, sudah enam (6) bulan kita tidak *jump the gun...* (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kebun bunga, *let me answer the* peraturan. Perkara ini dalam sesi Dewan pun ada di sentuh Laporan PAC dan telah pun diperingatkan kepada PAC supaya buat laporan yang lengkap dan dibentangkan dalam Dewan. Dan kalau mengikut peraturan yang telah pun dinyatakan, kurungan tujuh (7) itu memang itu pun *part* bahawa Jawatankuasa itu boleh membentangkan laporan itu masa ke semasa. Dan kali ini, Dewan memang tidak menerima apa-apa laporan daripada PAC. Dan saya menyeru bahawa Ahli-ahli PAC bolehlah perbetulkan kalau laporan itu sudah siap maka dia boleh dibentang dengan kadar yang secepat mungkinglah. So, dalam isu ini Kebun Bunga boleh mengutarakan pandangan beliau tapi laporan PAC untuk kali ini memang tidak disediakan untuk Dewan inilah. Sila.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Mengenai laporan PAC. Persiaran Gurney di kawasan saya....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Regarding PAC report.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya juga Ahli PAC...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

No you didn't supply the report. Dato' Speaker, saya nak selesaikan ini. Amat sedih suasana ini. Adalah penting. Bukan saya nak buat apa. Yang adalah penting kerana kita kena tahu perkembangan kes ini sedangkan banyak perkara telah berlaku, berlaku di kawasan ini, tetapi kita tak dapat maklumat. Dan ada ahli yang...(dengan izin) *been suspicious laugh about this matter. This is not laughing matter.* Ini menghinakan Dewan. Tidak membekalkan, *I am stating the fact.* Tidak membekalkan PAC *report* kerana kita perlukan PAC *report* ini untuk meneliti, untuk mengetahui apa telah terjadi mengenai maklumat-maklumat yang disebarikan seluruh dunia mengatakan atau *imply* bahawa Kerajaan kita mungkin ada buat apa yang apa-apa pun la. Jadi, saya tak nak. Nama baik Kerajaan kita dicemarkan. Kita perlukan penjelasan selama enam (6) bulan tapi tidak dibagi.

Jadi, apa yang kita boleh cakap bila orang kata, oh, misalnya dengan izin RM130 juta telah diguna, dibayar sebelum projek pun belum mulakan ataupun selesai. Oh, masih ada *environmental impact*. Jadi, tak keluar lagi walaupun tarikh itu adalah sudah selesai pada 16 April 2016. Tetapi belum selesai. Kita tak dapat jawab kerana tak ada PAC *report* yang sepatutnya dan dua (2) kali gagal, dua (2) kali gagal. Pertama kali pada penggal yang lalu yang tidak membekalkan dengan sepenuhnya. Mungkin *can be excused* pada peringkat penggal kedua ini belum keluar lagi. Dan bagaimana bilakah ia akan dikeluarkan? Bagaimanakah kita akan membalas terhadap tuduhan-tuduhan tohmahan terhadap Pakatan Rakyat terhadap Kerajaan Pulau Pinang? Adakah kita semua sedia bertanggungjawab ini? Mengatakan ya, saya Seri Delima. Ya, saya Kebun Bunga yang buat silap itu kerana PAC saya tak dapat buat, *sorry* lah, enam (6) bulan sudah lalu. Bukan macam itu, ini maruah Dewan. Ini maruah Kerajaan dan ini maruah YB. Dato' Speaker yang meminta supaya laporan ini dikeluarkan. Jikalau kita akan *how to say, laugh about this. It's not right*.

Jadi, dengan itu kita elakkan. Kita boleh jikalau saya boleh minta dengan secepat mungkin laporan PAC ini dikeluarkan untuk dengan sepenuhnya. Jangan seperti yang kali pertama itu, untuk ditelitikan oleh Dewan Undangan dan Ahli-ahli Dewan Undangan semua. Dengan ini, saya ada satu *what do you call ... (dengan izin)* pepatah sebelum saya tamatkan YB. Dato speaker *... (dengan izin)* dalam bahasa Inggeris, *justice does not just need to be done, but seem to be done*. Tapi projek Kerajaan *not just be done but seem to be done upon consultation. Demi public interest. What I'm saying is, ... (dengan izin)* *we do things to protect the public interest then we have to have it open with information*. Dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Kebun Bunga. Cuma satu peringatan. Saya tahu kali ini dalam sesi perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat pastinya akan menyentuh isu-isu yang seperti *Penang Transport Master Plan* dan kebetulan kita ada satu usul. Maka saya sukacita saya peringatkan hujah-hujah yang telah pun dihujah. Jangan pulak dalam usul nanti sekali lagi saya terpaksa dengar hujah yang sama lah.

So, saya hormat kesemua perbahasan yang telah pun dikemukakan pada Dewan ini, tetapi saya tidak akan menghentikan selagi perbahasan ini sangkut paut dengan ucapan Tuan Yang Terutama Tun, cumanya sama-samalah kita dalam bila sampainya usul yang dikemukakan oleh YB. Pulau Betong nanti, hujah-hujah yang sama nanti elakkan lah supaya lebih lagi pandangan dan hujah yang berbeza itu boleh dikemukakan di dalam Dewan ini. So, harap kita memberi kerjasamalah dan seterusnya saya ingin mempersilakan. Kita ada setengah jam. Kalau tak ada tolong ingatkan pesanan saya di awal pagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya akan mulakan YB. Dato' Speaker. Terima kasih. Sebenarnya saya ingin bermula pagi esok tetapi memandangkan keadaan saya Seri Delima sentiasa sedia untuk berbahas. Saya mulakan berterima kasih di atas peluang yang diberikan untuk turut membahas.

Dan saya mulakan perbahasan pada hari ini dengan satu berita yang begitu baik. Berita motivasi yang telah baru diterbitkan dalam *Free Malaysia Today*(dengan izin). Kalau ada sahabat-sahabat Yang Berhormat yang ada *Free Malaysia Today*, paparan gambar Tun Mahathir dengan berita "*Mahathir Calls For United Front To Defeat BN*". Wah, *this is*(dengan izin) satu berita yang begitu baik yang memberi motivasi kepada saya, kepada rakyat jelata di mana seorang negarawan dan juga Mantan Perdana Menteri, ketua satu ketika dahulu. Ketua Parti UMNO yang telah sekarang menyarankan bahawa satu-satunya masa depan atau pun harapan bagi negara ini adalah jikalau Barisan Nasional dikalahkan dalam pilihanraya akan datang. Walaupun kita kesian cara Tun Mahathir dilayan sekarang. Ada yang sampai Menteri UMNO yang sanggup bertumbuk dengan beliau. Memanggil beliau untuk bertumbuk. Ada yang tidak mengenang jasa beliau. Ada yang mencaci beliau. Memanggil beliau pembelot, penyangak dan sebagainya. Saya tetap di kala ini menyokong Tun Mahathir, dan apa yang penting adalah untuk kita sedar saranan yang dibuat oleh Mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, (dengan izin). *In Politics there are no permanent friends or no permanent enemies, only permanent principle*.

Saranan yang dibuat oleh Tun Mahathir ini(dengan izin) kalau saya boleh membaca petikan daripada berita ini dalam bahasa Inggeris "*former Premier Tun Dr. Mahathir Mohamad sounding like the opposition leader has call for combine effort to defeat the Barisan Nasional which he led for two decades at two parliamentary by election next month (dengan izin)*". Walaupun tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat

daripada Barisan Nasional atau UMNO yang ada disini. Cuma tinggal seorang saja. Saya ingin mengulangi di sini kalau boleh dengarlah sekali. Saya berharap bahawa kita menerima saranan ini walaupun ada di antara kalangan Parti Pembangkang yang telah meninggalkan Pakatan. Walaupun ada masalah-masalah di antara kita. Supaya kita bersatu untuk memastikan bahawa kita bekerjasama dan menggembeng tenaga supaya dalam dua pilihan raya ini dan pilihanraya umum yang akan kita melangkah nanti, kita dapat memastikan kejayaan Pakatan Rakyat dahulu ataupun sekarang Pakatan Harapan sekarang dan terus kita menuju ke Putrajaya.

Masih di atas topik yang sama. Walaupun telah pun disebut tadi oleh Yang Berhormat daripada Bagan Dalam bahawasanya Tun Mahathir telah berjaya mengutip lebih kurang sejuta tandatangan di atas Deklarasi Rakyat yang memohon supaya Perdana Menteri kita meletak jawatan. Dan saya difahamkan Tun Mahathir berhasrat untuk menghantar Deklarasi ini ke Istana, mungkin dalam masa seminggu dua lagi, kita berharap supaya satu keputusan yang membawa berita baik kepada negara akan tercapai. Saban hari kita dikejutkan dengan macam-macam berita. Dalam masa setahun dua ini kita telah dikejutkan dengan berita Peguam Negara digantikan secara mengejut. Walaupun alasan yang diberikan adalah beliau kurang sihat, kononnya menghadapi masalah sakit pinggang dan sebagainya, terdapat berita-berita lain yang turut menyelubungi persekitaran alasan mengapa beliau meletak jawatan. Bukan saja itu, krisis politik yang berlaku di Kedah di mana kita tahu surat khabar melaporkan walaupun Kedah masih lagi menyambut upacara Hari Kebesaran ketika itu Hari Jadi Sultan Kedah, walaupun Kerajaan Negeri masih dalam proses sedang menyediakan upacara-upacara kebesaran, masalah penukaran Menteri Besar pulak menular.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sampai Penang dah?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Belum lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya lebih suka Yang Berhormat ada dalam Penang.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya belum panas lagi, saya cuma *warm up* sahaja. Jadi saya ingin di sini menarik perhatian rakyat jelata sedang tanya. Apakah masalah, apakah yang menyebabkan masalah ini? Apakah virus yang menyebabkan masalah ini? Sakit seperti kanser, bermula dengan Peguam Negara, selepas itu Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin digugurkan. Selepas itu ke Kedah dan dalam masa dua (2) hingga tiga (3) bulan ini sampai pula ke Pulau Pinang. Bermula dengan isu Taman Manggis.

Dato' Speaker, rakyat di Pulau Pinang tiap-tiap hari bila saya bertemu dikawasan saya dan kawasan-kawasan lain begitu hampa dan dukacita dengan tindakan-tindakan oleh Media Massa seperti TV3, UTUSAN dan lain-lain media masa yang dikawal, dikongkong oleh Kerajaan Persekutuan. Di mana tiap-tiap hari isu mengenai Taman Manggis dimainkan. Nama Ketua Menteri kita cuba diasak, cuba dicemari,...(dengan izin) kalau dikatakan satu rupa-rupanya *concerted effort* oleh pihak-pihak tertentu untuk mengalihkan pandangan dari isu skandal 1MDB ini. Yang saban hari makin lama, makin meruncing. Kita lihat bukan sahaja itu, tetapi kareh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini terutamanya Ketua Pembangkang yang telah meninggalkan Dewan apabila saya mula berucap, mungkin beliau berada diluar mendengar yang menghasut rakyat mengatakan bahawa Kerajaan Pulau Pinang ini tidak prihatin kepada warganegara miskin. Menghasut rakyat menyatakan bahawa Kerajaan Pulau Pinang rakus menjual Taman Manggis untuk mengadakan projek untuk golongan mewah, menyediakan hotel sebagainya. Wal hal, beliau sendiri mengetahui dan sedia maklum bahawasanya semasa beliau menjadi EXCO memang tiada sebarang niat. Tidak ada sebarang niat untuk menggunakan Taman Manggis bagi projek perumahan mampu milik ataupun projek perumahan bagi warganegara miskin, rakyat miskin. Akibat kenyataan-kenyataan menghasut ini yang dikeluarkan oleh Telok Air Tawar 'baju merah' yang dulunya bermula demonstrasi di Kuala Lumpur telah menyeberangi Jambatan ke Pulau Pinang dan telah sampai ke Taman Manggis.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya rasa Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak bercakap sesuatu, tuduhan sepatutnya tunggu Ketua Pembangkang...(gangguan) ataupun dia keluar kerana Yang Berhormat tidak ada *substain* ketika berucap, Yang Berhormat selalu berucap masalah luar Pulau Pinang, kalau kita hendak berbahas isu-isu yang tuduhan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat dengar betul-betul ucapan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat akan faham itu. Sebab itu saya *Confucius*, saya tidak faham Yang Berhormat ini Bahasa Malaysia SPM dapat berapa? Sebab Yang Berhormat tidak faham, bila dia bercakap dalam Bahasa Malaysia Yang Berhormat terjemah ke lain. Ini masalah Yang Berhormat kira ambil Yang Berhormat syok bedal sahaja. So contoh, dulu Yang Berhormat orang yang paling tidak suka pada Tun Mahathir. Di antara Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim Yang Berhormat pilih yang mana. Jawab soalan saya dahulu. Yang mana satu (1) Yang Berhormat sayang. Kalau Yang Berhormat sayang silap, salah satu masalah. Saya tidak mahu sebut sebab masalah apa. Tapi Yang Berhormat ambil yang Tun Mahathir komen Yang Berhormat seronok. Ketika dia komen yang tidak baik Yang Berhormat tidak seronok. Yang Berhormat ini boleh dikatakan bukan *permanent principle*, *permanent hypocrisy*. Hipokrit, pilih yang mana syok. Guna yang mana kita suka. Ini hati tebal takkan sakit punya. Ini *railway*, *railway* keretapi jalan pun tidak haus itu besi punya. Kuat punya tidak sakit hati punya. So Yang Berhormat saya tengok dia hipokrit sikit. Okey Yang Berhormat sekejap lagi kita sambung, saya bagi laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya walaupun sindiran itu dibuat oleh Telok Bahang saya terima dengan hati terbuka. Kerana YB. Telok Bahang berani *gentleman* berani duduk walaupun jam 9.40 boleh berbahas berbanding dengan yang lain sudah lari balik. Saya hendak jawab di sini, Yang Berhormat isu-isu yang saya bahaskan ini bukan isu yang syok sendiri.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat tidak jawab lagi Dr. Mahathir ke Anwar Ibrahim Yang Berhormat pilih yang mana? Jawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau dulu sayang Dato' Seri Anwar Ibrahim, sekarang sayang dua-dua. Tun Mahathir dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat kalau sayang, Yang Berhormat tidak buat *research*, kajian Yang Berhormat tahu tidak Dato' Seri Anwar baru nasihat. Nasihat mengenai Dr. Mahathir dan Tun Daim ini. Yang Berhormat cari sendiri apa yang nasihat. Tolong tanya dekat kawan-kawan media sosial apakah nasihat Dato' Seri Anwar Ibrahim kepada semua PKR punya ahli supaya *beware* kepada Tun Mahathir Mohamed ... (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Bahang, sebut-sebut sampai kepada saya, duduk. Sayangkan T.Y.T. Bahaskan ucapan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya pulak kena marah(gangguan). Yang Berhormat lihat kerana Yang Berhormat saya ditegur. Yang Berhormat selalu *miss lead*. kita ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. YB. Telok Bahang dan isu yang saya bahaskan ini walaupun seronok ketika kita bahaskan(gangguan) isu "baju merah" ini balik kepada isu perbahasan TYT(gangguan) "baju merah" *is important* ...(gangguan) sila lihat kepada ucapan yang dibuat oleh Tuan Yang Terutama, *Emphasis* yang diberikan kepada isu mengenai keamanan ketenteraman yang diberikan kepada Pulau Pinang dan kita bercakap tentang keamanan dan ketenteraman Negeri Pulau Pinang dan isu ini juga berkait dengan masalah yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin di bahagian Yang Berhormat. Tuduhan-tuduhan yang dibuat kononnya perkara-perkara tidak kena dengan Taman Manggis dan kita lihat "baju merah" ini...(dengan izin) *is very dangerous fenomena* dan setiap kali saya membahaskan kepada Dewan, saya memberi keutamaan kepada keamatan perpaduan diantara masyarakat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat ini saya tuduhan, ini satu tuduhan. mana boleh tuduh Ketua Pembangkang *instigate* orang "baju merah" semua. Begini *simple* sahaja Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut di luar Dewan mengatakan Ketua Pembangkang membuat *menghasut* "baju merah" yang berkumpul di Taman Manggis dan saya minta supaya Ketua Pembangkang boleh ambil tindakan undang-undang kepada Yang Berhormat. Okey. Ini tidak betul, orang tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat cakap, nanti tunggu Yang Berhormat sambung cakap lagi, Dato' Speaker mesti bagi ruang punya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya akan berbahas di sini(gangguan) saya telah menunjukkan bukti kenyataan oleh YB. Telok Ayer Tawar dalam TV3. Walaupun beliau mengatakan bahawa kenyataan itu dibuat disiarkan di TV3 waktu malam, kejadian kononnya jadi waktu pagi atau waktu selepas sembahyang Jumaat, tapi kenyataan itu dibuat oleh beliau lebih kurang 10 pagi dan telah disiarkan dalam semua *online portal* pada lebih kurang dalam masa 10 hingga 20 minit selepas beliau memberi kenyataan akhbar, rakaman itu hanya disiarkan pada waktu malam. Iaitu dalam berita pukul 8 malam. Tetapi kenyataan yang dibuat oleh beliau dibuat sebelum perarakan dan demonstrasi itu berlaku di Taman Manggis dan UTUSAN Online juga melaporkan perkara itu, jadi sedikit sebanyak Yang Berhormat kenyataan, YB. Telok Ayer tawar telah menyumbang kepada kejadian yang berlaku di Taman Manggis dan mengapa saya perlu berbahas tentang ini. Jangan lupa Dato' Speaker. Saya sendiri menghadapi pertuduhan menghasut, sebab apa saya menghadapi tuduhan menghasut? Sebab saya menghentam pemimpin-pemimpin UMNO yang cuba membuat rusuhan di Seberang Jaya, Saya tidak meminta rusuhan berlaku, saya mengecam dua, tiga pemimpin yang cuba membuat rusuhan dan saya sendiri dituduh di mahkamah menghadapi pertuduhan. Tiap kali saya berbahas, saya merayu kepada Dewan yang mulia ini, merayu kepada semua wakil rakyat supaya jangan menggadaikan perpaduan diantara orang Melayu, orang India dan orang Cina. Jangan menggadaikan perpaduan. Disebabkan pemikiran sempit politik jangan menggadaikan perpaduan. Saya akan beri peluang Yang Berhormat. Di sini "baju merah" ini merupakan fenomena yang begitu merbahaya sekali. Yang Berhormat sendiri boleh mengetahui atau akan mengetahui sendiri atau sedia maklum di Kuala Lumpur "baju merah" ini mengadakan satu (1) demonstrasi macam-macam kenyataan menghasut dikeluarkan. Tiada sebarang tindakan di ambil. Sekarang disebabkan oleh tindakan Ketua Pembangkang, "baju merah" ini sampai di Pulau Pinang dan ini boleh menggugat ketenteraman rakyat jelata, berbilang kaum dan berbilang bangsa di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, Kalau Yang Berhormat tidak boleh ada *double standard*, kalau Yang Berhormat cakap fasal "baju merah" Yang Berhormat kena cakap juga fasal "baju kuning", macam saya. Saya kalau cakap fasal baju dua (2) warna ini, saya pilih dua-dua warna kalau tidak betul, salah menggugat keselamatan negara, perpaduan kaum, kita semua tolak. Tapi Yang Berhormat seolah-olah *stereotype*, cakap pasal baju merah, yang baju kuning, provokasi baju kuning, pijak gambar pemimpin, maki, buat kematian olok-olok, ini semua pun tidak baik. Kalau Yang Berhormat bercakap untuk dua-dua warna ini saya tidak ada masalah, cuma jangan pilih tapi Yang Berhormat ni suka pilih. Dulu tidak sayang Dr. Mahathir tiba-tiba sayang Dr. Mahathir, dulu-dulu tidak suka Anwar Ibrahim tiba-tiba sayang Anwar Ibrahim. Satu (1) hari nanti tiba-tiba Yang Berhormat pula tiba-tiba sayang baju merah, mana kita tahu, itu *possible*. Sebab itu Yang Berhormat kita jangan bincang tentang *permanent principle*, kita kena bincang pasal *permanent hypocrisy*, kita tengok betul-betul. Yang Berhormat kalau hendak cakap, cakap tentang dua-dua, tak kan baju kuning pijak gambar pemimpin Yang Berhormat boleh terima. Saya pun pemimpin, saya tidak pernah pijak pun satu gambar dan saya juga tidak pernah keluarkan satu perkataan-perkataan yang boleh merosak perhubungan kaum, saya tidak pernah maki mana-mana pemimpin politik. Padahal Yang Berhormat lebih *senior* dari saya dalam politik, Yang Berhormat kena tunjuk contoh yang baik. Saya tengok tidak ada satu pun yang baik untuk saya contohi dari Yang Berhormat. Yang Berhormat buka mulut saja, bala sudah datang, masalah apa pula nak timpa ini, hati sakit tapi saya tahan sebab saya hendak bagi muka kepada Yang Berhormat. Saya rasa ada orang boleh dengar dan saya datang ini pun hendak dengar Yang Berhormat cakap, kalau ikut hati saya pergi minum kopi di Dewan, Yang Berhormat cakaplah seorang-seorang.

Yang Berhormat cakap tidak akan boleh merubah apa-apa pun dan saya berdoa supaya Yang Berhormat berubah diri sendiri. Kalau Yang Berhormat ambil positif, betul apa Yang Berhormat hendak cakap tentang perpaduan, Yang Berhormat kena betulkan diri dulu, bermula dengan Yang Berhormat dulu. Kalau Yang Berhormat hendak nasihat, kena nasihat semua, tidak boleh pilih, macam Yang di-

Pertua Tun kita, dia menasihati semua, tidak pilih-pilih walaupun kadang-kadang dia cakap tegas. Tengok YB. Kebun Bunga, dia cakap benda betul dia cakap betul, benda salah dia cakap salah. Tengok YB. Penanti, perlu menangis dia menangis, kalau tak perlu dia tidak menangis. Banyak contoh Yang Berhormat boleh pilih dalam Dewan ini, EXCO saya tidak mahu sebutlah sebab nanti mereka hendak gulung. Yang Berhormat kalau kita hendak cakap tentang *principal*, kalau hendak cakap tentang perpaduan kita dulu kena jaga perpaduan. Kita pun boleh maki parti-parti lain tetapi kita tidak maki sebab kita cinta perpaduan. Boleh Yang Berhormat?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Seri Delima, baju merah sudah setengah jam, nanti saya terpaksa pendekkan. Ada baiknya Yang Berhormat teruskan soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ada, ada Dato' Speaker, Dato' Speaker tidak boleh menyekat hak saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu kuasa saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tahu Dato' Speaker ada kuasa tetapi saya pun ada hak untuk berbahas dan saya berdiri di sini meluahkan perasaan rakyat Pulau Pinang di luar sana. Saya berdiri di sini bukan untuk berlawak jenaka walaupun kadangkala YB. Telok Bahang saya beri peluang untuk berlawak jenaka kerana dia kawan saya, tidak ada masalah, kita terima dengan hati terbuka teguran. Tetapi masalahnya adalah saya masih ingin menyeru YB. Telok Ayer Tawar untuk meminta maaf, saya percaya beliau masih lagi ada di perkarangan Dewan. Dalam hal ini, maaf, saya kurang pasti sama ada ada anggota-anggota polis yang hadir di sini, saya ingin tanya juga kepada mereka. Dalam hal ini saya sendiri telah membuat laporan polis di atas gangguan yang dilakukan oleh baju-baju merah. Macam-macam perkataan dikeluarkan, menghasut, mengutuk Ketua Menteri, tuduhan-tuduhan dilemparkan tetapi sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan diambil.

Saya ingin tanya YB. Telok Bahang, persepsi rakyat di luar itu adalah mengapa terdapat *double standard* oleh pihak Polis Diraja Malaysia, saya akan berterus terang. Lebih kurang sebulan yang lalu, wakil-wakil rakyat daripada Parlimen berjalan secara damai berarak ke Bukit Aman. Sebab mereka berarak ke Bukit Aman, ialah untuk membantah tangkapan yang dibuat ke atas Yang Berhormat Wakil Rakyat Pandan, Rafizi, untuk menyatakan bantahan mereka. Tangkapan ke atas YB. Rafizi dilakukan di perkarangan Parlimen. Apakah kesalahan beliau? Tuduhan yang dibuat adalah mendedahkan satu dokumen yang dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi. Tindakan diambil terhadap wakil-wakil rakyat dalam lebih kurang 30 atau 40 orang yang telah berarak secara aman. Mereka telah dipanggil ke Balai Polis Bukit Aman dan kenyataan telah diambil. Saya difahamkan mungkin akan dituduh kerana (dengan izin), melibatkan diri dalam satu perarakan yang tidak sah. Sebab apa tindakan tidak diambil terhadap baju-baju merah ini, bukankah perkara ini memberi kebebasan lagi, seolah-olah pihak Polis tidak mahu mengambil tindakan, seolah-olah pihak Polis memberikan mereka kebenaran. Ini adalah persoalan saya. Ini adalah perkara yang melibatkan keselamatan masyarakat di Pulau Pinang. Pada hari itu kalau Yang Berhormat ada di sana, banyak sangat kenderaan-kenderaan yang berhenti, ada yang tidak mahu melalui kawasan itu, kalau dulu terdapat masalah di mana ada demonstrasi di luar, bukan oleh orang lain tetapi semua di kalangan UMNO, MCA, Gerakan dan ada yang sampai memijak gambar Ketua Menteri dan membakarnya di luar Dewan, tiada sebarang tindakan diambil. Ini adalah persoalan di mana rakyat ingin bertanya *why it a double standard?*. Walaupun YB. Telok Bahang tidak boleh menjawab, tiada masalah. Sebabnya saya membangkitkan masalah di sini bukan hanya sebab keselamatan saya sendiri sahaja, keselamatan masyarakat majmuk di Pulau Pinang, tidak kira orang Melayu, orang Cina dan orang India, semua lapisan masyarakat yang kurang senang.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat cakap pasal Polis ini, kita tahu Polis ini banyak seksyen, banyak jabatan. Yang Berhormat cakap pasal Polis, Polis Trafik ada, Polis Keselamatan ada. Apa jasa Polis, Yang Berhormat tidak pernah cakap, dia tidak pernah cakap tentang jasa Polis, yang baik-baik dan jaga keselamatan.

Yang Berhormat selalu hentam Polis, lepas itu Yang Berhormat cakap tentang isu yang kita tidak tahu, yang tidak relevan dengan Dewan. Kita di sini, Yang Berhormat cakap tentang di sana, Rafizi, budak kecil pun tidak suka tentang Rafizi, dia cakap banyak yang tidak betul bawa ke Dewan. Kita ada banyak masalah di dalam Dewan ini macam YB. Kebun Bunga cakap, kita ada masalah *development* di Pulau Pinang, macam-macam berlaku sekarang yang boleh merubah bentuk Pulau Pinang. Yang Berhormat *spend* masa untuk Federal, daripada mula saya kata Yang Berhormat berminat hendak jadi Ahli Parlimen, tempat salah, saya minta tahun hadapan Yang Berhormat jadi Ahli Parlimen, cakap isu ini di Parlimen. Yang Berhormat cakap di Dewan ini perkara-perkara yang kita boleh bincang seperti cukai, Bukit Botak, Bukit Botak di mana Yang Berhormat *champion* dulu. Sekarang Bukit Botak sudah jadi cantik, ada *highway 4 lane* Yang Berhormat diam. Yang Berhormat tidak pernah bagi cadangan pun mengenai perundangan bagaimana untuk kita boleh bawa ke Dewan ini untuk kita digubal undang-undang tentang alam sekitar, bagaimana kita boleh ambil tindakan perkara-perkara untuk kebaikan di Pulau Pinang. Yang Berhormat *create* itu Yang Berhormat tinggal. Lihat apa jadi pada Bukit Botak, di sini ada 56 *illegal activities*, daripada fenomena itu, saya ingat Yang Berhormat akan jadi *champion* bagi isu-isu di Negeri Pulau Pinang. Tapi Yang Berhormat cakap mengenai polis di mana kita tidak tahu di sini betul atau tidak segala tuduhan-tuduhan, siapa tahu? Kita tidak tahu, dengan media masa, saya tidak ada di sana, semua orang tidak ada di sana.

Saya minta kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat ini sepatutnya suara deras, cakap tentang gondol bukit lebih kuat sedikit, Yang Berhormat faham tidak, ada 56 *illegal activities* di bukit gondol, sepatutnya Yang Berhormat sebagai seorang peguam, bawa usul supaya boleh kena tindakan mahkamah dan kena denda lebih. Saya ini sebagai kawan Yang Berhormat, kalau bukan sebagai kawan saya boleh pergi minum kopi. Saya minta kepada Yang Berhormat, untuk kebaikan Negeri Pulau Pinang bawalah isu-isu di Pulau Pinang. Yang Berhormat sebagai Pegawai Undang-undang dan faham tentang undang-undang, *lead* kita. Mengenai masalah-masalah di bukit botak, cadangkan lagi akta-akta ataupun seksyen-seksyen yang boleh ambil tindakan tegas, *study* isu-isu dan perbaiki sistem. Yang Berhormat perasan tidak, semua *development cost* yang akan berlaku di Pulau Pinang ini akan ditanggung oleh rakyat, *reclamation* dan apa saja yang akan dibuat, rakyat yang kena tanggung kos itu ini yang risau. Yang Berhormat boleh cakap isu tadi di luar, Polis hendak jawab pun tidak boleh jawab, *not fair for them*, di luar hendak cakap apa pun cakuplah. Boleh Yang Berhormat? Jangan bimbang saya tidak ajak bertumbuh...(ketawa).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Saya akan ringkaskan mengenai isu ini. Yang Berhormat silap faham, saya tidak menghentam pihak polis, saya tidak maki mereka. Saya cuma melepaskan geram, bukan saya sendiri, rakyat Pulau Pinang. Saya tanya soalan, Yang Berhormat kena faham. Kalau saya hendak melepaskan geram dengan cara lain, saya maki hamun pihak polis, memang salah. Tetapi di sini kita tanya soalan mengapa tidak ada sebarang tindakan diambil. Jangan salah faham, bukan niat saya untuk mengalihkan perhatian kepada apa yang berlaku di Kuala Lumpur, saya cuma memberi perbandingan. Kalau tindakan diambil terhadap Ahli-ahli Parlimen yang berarak secara aman ke Bukit Aman yang hanya ingin menyatakan bantahan terhadap tangkapan yang dibuat terhadap YB. Rafizi, ini pula adalah baju merah yang datang ke sini dan membuat macam-macam kenyataan rasis dikeluarkan, macam-macam tuduhan dikeluarkan terhadap Ketua Menteri dikeluarkan, tuduhan-tuduhan dikeluarkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat tengok Ketua Menteri masuk terus Yang Berhormat *jack*, tadi tidak sebut pun nama Ketua Menteri, masuk Ketua Menteri terus Yang Berhormat sebut. Hendak jadi Ahli Parlimen pergi bincang pelan-pelan di luar. Ketua Menteri faham, okey, dia boleh dengar, kalau pihak kami Ketua Menteri tidak dengarlah. Yang Berhormat hendak jadi Ahli Parlimen bincang elok-elok. Tadi YB. tidak sebut Ketua Menteri, nampak hujung mata, terus keluar nama Ketua Menteri. Ini masalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan macam itu, terima kasih YB. Telok Bahang. Tidak mengapa, sekurang-kurangnya kerana sebab YB. Telok Bahang, sekurang-kurangnya Ketua Menteri akan beri perhatian kepada YB. Seri Delima sama. Saya berterima kasih. Kita berbalik kepada isu keselamatan. Berkenaan perkara ini, saya juga ingin meluahkan permintaan saya kepada Dato' Speaker, perkara yang juga mengganggu minda masyarakat di mana wawancara-wawancara diadakan dan dalam wawancara-wawancara yang disiarkan secara langsung dalam televisyen macam-macam kenyataan dan tuduhan dibuat terhadap Kerajaan

Negeri dan Ketua Menteri. Walaupun Ketua Menteri telah mencabar untuk mengadakan satu sesi debat dengan YB. Rahman Dahalan, sebenarnya YB. Rahman Dahalan yang mencabar Ketua Menteri dulu. Selepas itu apabila Ketua Menteri menyahut cabaran, Rahman Dahalan terus, bukan melarikan diri, tetapi memberi macam-macam alasan untuk mengelak daripada berdebat. Saya ingin tanya kepada YB. Telok Bahang memandangkan hanya beliau seorang yang berada di sini, ada dua (2), tiga (3) orang wakil daripada UMNO yang juga telah disiarkan dibenarkan untuk mereka untuk membuat ulasan dalam wawancara tersebut, yang membuat kenyataan-kenyataan yang begitu menyakitkan hati dan boleh ditafsirkan sebagai menghasut juga, salah seorang daripada mereka adalah yang pernah di saman oleh Ketua Menteri dan pernah meminta maaf kepada Ketua Menteri dan menarik balik kenyataan mereka dan kenyataan beliau di mahkamah. Setuju dengan saya, bahawa kenyataan beliau juga turut menyumbang kepada persepsi serong terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kenyataan wakil-wakil UMNO ini juga, turut memberi persepsi seolah-olah Kerajaan Negeri Pulau Pinang membelakangkan kepentingan rakyat marhaen, tidak menyediakan perumahan yang mencukupi untuk rakyat miskin. Perkataan skandal berulang kali digunakan, saya di sini kurang senang dan bila melihat wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional khususnya UMNO yang datang ke Dewan ini, yang berulang kali menyarankan supaya kita bertindak secara etika, tidak beremosi, menjaga tata tertib, saling hormat-menghormati. Persoalan yang timbul di minda saya ialah mengapa mereka tidak menegur dikalangan pemimpin-pemimpin mereka yang bukan merupakan wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat tetapi memegang jawatan-jawatan tertentu, tetapi membuat kenyataan-kenyataan yang cukup kuat, kenyataan-kenyataan yang memang menghasut, kenyataan-kenyataan yang menjatuhkan maruah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Di manakah keikhlasan pemimpin-pemimpin UMNO? Persoalan yang timbul, mengapa tidak ada tindakan diambil langkah untuk memperbetulkan keadaan, kedudukan mereka, menasihati mereka. Saya di sini menyeru kalau siaran ini sedang diikuti oleh rakyat jelata di Pulau Pinang supaya jangan termakan dengan racun ataupun agenda politik yang dimainkan oleh Barisan Nasional yang cuba memperbesarkan isu Taman Manggis untuk mengkaburi mata rakyat mengalihkan perhatian daripada skandal 1MDB.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

Yang Berhormat, kita pukul 11.00 pun tak apa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Isu ini habis lah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya nak bagi *solution* lah, saya tengok nanti malam tak boleh tidur, ataupun saja-saja buat. Yang Berhormat kalau ada pemimpin yang bercakap diluar, Yang Berhormat tak puas hati, Yang Berhormat seorang peguam, ambil tindakan, saman, memang itu pun yang selalu Yang Berhormat dan kumpulan Pakatan buat, saman lah, apa Yang Berhormat nak minta jawapan di sini? Apa yang boleh saya jawab? Yang Berhormat nak jawapan macam mana? Dan saya nasihat Yang Berhormat tidak puas hati mana-mana pemimpin, rasa marahkah?, salahkah? Saman bawa pi mahkamah, kes punya banyak, kan? Business pun ada, Yang Berhormat cakap macam ini kita nak selesai macam mana? Saya ingat, saya bagi cadangan kepada Yang Berhormat begitulah, tak puas hati dekat mana-mana pemimpin, mana-mana yang rasa bagi pendapat Yang Berhormat ada masalah, ambil tindakan undang-undang, pergi *challenge* di *court* dan kita pun nak dengar juga, kalau di sini, dia orang tak boleh nak jawab, saya pun tak tahu apa hal. Saya rasa kita fokus dekat negeri kita dah lah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang esok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.05 malam.